

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**STRATEGI DAKWAH
KONTEMPORARI: ANALISIS
TERHADAP DAKWAH USTAZAH
ASMA' HARUN DI MALAYSIA**

SURIANI BINTI ISMAIL

MA

Jun 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**STRATEGI DAKWAH
KONTEMPORARI: ANALISIS
TERHADAP DAKWAH USTAZAH
ASMA' HARUN DI MALAYSIA**

SURIANI BINTI ISMAIL

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk
ijazah

Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Jun 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 24 Jun 2025 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Suriani binti Ismail bagi tesis Sarjana yang bertajuk “Strategi Dakwah Kontemporari: Analisis terhadap Dakwah Kontemporari Ustazah Asma’ Harun di Malaysia” berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut

Mohd Asmadi Yakob, PhD
Profesor Madya
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Mohd Norazri Mohamad Zaini, PhD
Pensyarah kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Farid Mohd Sharif, PhD
Associate Professor Bahagian Islam
Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia (USM)
(Pemeriksa Luar)

**PROFESOR DR. HJH. ZURAEDA
BINTI IBRAHIM**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 10 Jun 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Suriani binti Ismail

No. Pelajar : 2017951279

Program : Sarjana Pengajian Islam Kontemporari – IC780

Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Choose an item : Strategi Dakwah Kontemporari: Analisis terhadap Dakwah Kontemporari Ustazah Asma' Harun di Malaysia

Tandatangan Pelajar :

Tarikh : Jun 2026

ABSTRAK

Dalam era kemodenan ini, kemunculan ramai pendakwah menjadikan ia suatu persaingan yang hebat terutamanya di media sosial. Antara mereka ada yang dikenali sebagai pendakwah selebriti dan begitu juga sebaliknya. Namun terdapat juga impak negatif daripada dakwah oleh pendakwah yang tidak dikenali latar belakang mereka. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat beberapa kelemahan berkaitan strategi dalam menyampaikan dakwah yang perlu diberi perhatian agar dakwah menjadi lebih berkesan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji strategi yang sesuai diimplementasikan dalam dakwah kontemporari di Malaysia dengan menjadikan Ustazah Asma' Harun (UAH) sebagai contoh dan panduan kepada pendakwah. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah mengkaji strategi dakwah kontemporari, menganalisis dakwah UAH dan mencadangkan kerangka strategi dakwah kontemporari kepada pendakwah di Malaysia sebagai panduan dalam penyampaian dakwah mereka. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif. Data dikumpulkan melalui dua sumber iaitu primer dan sekunder. Sumber primer diperoleh melalui temu bual semi-struktur dengan UAH dan pasukan beliau serta pakar dakwah dan akademik di Malaysia. Manakala sumber sekunder pula diperoleh melalui kajian kepustakaan yang terdiri daripada jurnal akademik, buku penyelidikan, kertas kerja dan bahan daripada internet yang khusus membincangkan mengenai strategi dakwah kontemporari. Metod analisis data pula menggunakan analisis kandungan dengan menganalisis dapatan temu bual dan dokumen daripada kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa UAH telah melaksanakan strategi dakwah kontemporari di Malaysia dengan memanfaatkan pelbagai medium, iaitu melalui personaliti yang baik, persiapan ilmu yang baik, bijak dan berhikmah dalam menyampaikan sesuatu ilmu, dakwah di institusi masjid, mempunyai teknik percakapan yang baik, dakwah bersama kumpulan, dakwah melalui perilaku yang baik (*bil hāl*), dakwah melalui media sosial, dakwah di institusi pengajian, dan dakwah melalui kesenian. Pendekatan ini memberikan impak positif terhadap perkembangan dakwah Islam di negara ini.

ABSTRACT

In this modern era, the emergence of many preachers makes it a great competition, especially on social media. Some of them are known as celebrity preachers and vice versa. However, there is also a negative impact of *da'wah* by preachers whose background is unknown. Based on the observations of researchers, there are several weaknesses related to strategies in delivering *da'wah* that need to be paid attention to so that *da'wah* becomes more effective. Therefore, this study aims to examine strategies that are suitable to be implemented in contemporary *da'wah* in Malaysia by using Ustazah Asma' Harun (UAH) as an example and guide for preachers. Specifically, the objectives of this study are to study contemporary *da'wah* strategies, analyze UAH *da'wah* and propose a framework of contemporary *da'wah* strategies for preachers in Malaysia as a guide in their *da'wah* delivery. The design of this study was qualitative. Data is collected through two sources which are primary and secondary. Primary sources were obtained through semi-structured interviews with UAH and her team as well as *da'wah* and academic experts in Malaysia. Meanwhile, secondary sources are obtained through literature studies consisting of academic journals, research books, papers and materials from the internet that specifically discuss contemporary *da'wah* strategies. The data analysis method, on the other hand, uses content analysis by analysing the findings of interviews and documents from literature reviews. The results of the study show that UAH has implemented a contemporary *da'wah* strategy in Malaysia by utilizing various mediums, namely through good personality, preparation of good knowledge, wisdom and wisdom in imparting knowledge, *da'wah* in mosque institutions, having good speaking techniques, *da'wah* with groups, *da'wah* through good behavior (*bil hal*), *da'wah* through social media, *da'wah* in educational institutions, and *da'wah* through art. This approach has a positive impact on the development of Islamic *da'wah* in the country.

PENGHARGAAN

Segala pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah dengan rendah diri, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia Dr Ahmad Sabri bin Osman serta pembantu penyelia yang dikasihi Dr Faridah binti Sairi atas bimbingan, sumbang idea, tunjuk ajar, pengorbanan dan perhatian yang baik sepanjang tesis ini dijalankan. Semoga segala curahan tersebut diberi ganjaran oleh Allah SWT.

Ucapan terima kasih kepada Profesor Dr S. Salahudin Suyurno, Dekan ACIS, Profesor Dr Mohd Afandi bin Mat Rani, mantan Dekan ACIS atas sokongan yang diberikan. Semua warga ACIS dan khususnya Ketua Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof. Madya Datin Dr Rafeah Binti Saidon, Timbalan Dekan HEA ACIS dan Dr Faezy Adnan, Koordinator Pascasiswazah ACIS atas usaha dan bantuan sehingga ke garisan penamat.

Ucapan terima kasih juga buat Ustazah Asma' Harun dan pasukannya yang sudi bekerjasama bagi menjayakan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada pakar-pakar dakwah yang sudi ditemu bual antaranya Ustaz Dr Mohammad Nidzam bin Abdul Qadir, Datuk Dr Ustazah Nurhafizah binti Musa, Profesor Dr Syarifah Hayaati binti Syed Ismail, Ustazah Ts. Fatahiyah binti Mahamood, Ustazah Zawiyah Binti Hassan, Ustaz Syed Nur Hisyam bin Syed Tuan Padang, Profesor Madya Dr Huzaimah binti Ismail, Ustaz Mohd Yadman bin Sarwan dan Ustazah Dr Fatimah Syarha Binti Nordin atas kerjasama dan berkongsi idea bagi memenuhi keperluan dalam kajian ini.

Ucapan penghargaan juga buat suami yang dikasihi yang sentiasa mendokong dan membantu dalam menyiapkan tesis ini serta anak-anak yang disayangi Uzair, Uwais, Umair, Aifah dan Afiah yang sentiasa memahami dan menyokong perjuangan ini. Ucapan terima kasih juga buat ibu saya dan bapa saya Ahmad bin Abdullah serta ibu dan ayah mertua saya Hj Khalid bin Abdullah dan Norsiah binti Buyong yang sentiasa mendoakan dan membantu dalam menyiapkan tesis ini serta sahabat baik saya Rabaah Adawiyah Binti Ahmad@Yunus yang sama-sama berjuang, membantu dan memberi idea dari awal sehingga ke penghujung kajian ini serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang tidak mampu saya senaraikan satu-persatu sepanjang proses penyempurnaan tesis ini dijalankan. Semoga kebaikan dan ganjaran akan dibalas oleh Allah SWT untuk kalian semuanya.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
JADUAL TRANSLITERASI	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Jenis-jenis dakwah	3
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.2.1 Pemilihan subjek kajian	8
<i>1.2.1.1 Keterlibatan UAH Di Media Sosial</i>	8
<i>1.2.1.2 Mempunyai Dakwah Penulisan Yang Baik</i>	9
<i>1.2.1.3 Mempunyai Dakwah Keteladanan dan Perbuatan Yang Berstrategi</i>	9
<i>1.2.1.4 Mempunyai Kumpulan Sokongan Dalam Menggerakkan Kerja-Kerja Dakwah UAH</i>	10
<i>1.2.1.5 Mempunyai keteladanan yang baik.</i>	10
<i>1.2.1.6 Menyediakan Platform Dakwah.</i>	13
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Kepentingan kajian	17
1.6.1 Jabatan-Jabatan Dakwah Di Malaysia	18

1.6.2	Pendakwah	18
1.6.3	Masyarakat	19
1.6.4	Institusi-Institusi Pendidikan	19
1.7	Definisi Operasi	21
1.7.1	Analisis	21
1.7.2	Strategi	21
1.7.3	Dakwah	21
1.7.4	Kontemporari	21
1.8	Skop dan Batasan Kajian	22
1.9	Penutup	22

BAB 2	SOROTAN LITERATUR	24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Definisi tajuk	24
2.2.1	Dakwah dari sudut bahasa	24
2.2.2	Dakwah dari sudut istilah	24
2.3	Pelaksanaan Dakwah Berpaksikan kepada Empat Asas Utama	30
2.4	Persiapan Dakwah Yang Digariskan Oleh Zaidan (2023)	31
2.4.1	Ilmu pengetahuan yang luas	32
2.4.2	Iman yang kuat	32
2.4.3	Hubungan yang terus menerus dengan Allah Taala.	33
2.5	Dakwah Kontemporari	34
2.6	Strategi Dakwah Kontemporari Yang Sesuai Digunakan	35
2.6.1	Dakwah Melalui Personaliti Yang Baik	36
2.6.2	Dakwah melalui Ilmu yang Bermanfaat	38
2.6.3	Dakwah melalui Institusi Masjid	40
2.6.4	Dakwah Melalui Kemahiran Dalam Penyampaian (<i>'al-Da'wah Bil Kalām</i>)	42
2.6.4.1	<i>Konsep 'ad-Da'wah Bil Kalām Menurut Al-Quran</i>	44
2.6.5	Dakwah Melalui Penulisan (Dakwah Bil Qalam)	47
2.6.6	Dakwah Melalui Kerjasama Berkumpulan	51
2.6.7	Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (Bil Hāl)	52
2.6.7.1	<i>Dakwah Bil Hāl Melalui Dialog Yang Baik</i>	54

2.6.7.2	<i>Dakwah Bil Hāl Melalui Kebajikan</i>	56
2.6.8	Dakwah Melalui Media Sosial	58
2.6.9	Dakwah Melalui Institusi Pengajian	61
2.6.10	Dakwah Melalui Kesenian	63
2.7	Kerangka Teoretikal	65
2.8	Kerangka Konseptual	71
2.9	Penutup	74
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	75
3.1	Pengenalan	75
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.3	Populasi Dan Pemilihan Sampel	76
3.4	Pengumpulan Data	78
3.4.1	Temu bual Semi Struktur	79
3.4.2	Perpustakaan	80
3.4.3	Pemerhatian	80
3.4.4	Kebolehpercayaan Data Kajian	81
3.5	Analisis Data	82
3.6	Pemilihan Lokasi	82
3.7	Penutup	82
BAB 4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	84
4.1	Pengenalan	84
4.2	Hasil Dapatan Biodata Ustazah Asma' Harun	85
4.2.1	Latar Belakang UAH dan Keluarga	85
4.2.2	Latar Belakang Pendidikan	86
4.2.3	Kelayakan Profesional	86
4.2.4	Pengalaman Dalam Dakwah dan Pekerjaan	87
4.2.4.1	<i>Pendekatan Dakwah Bersama Keluarga</i>	88
4.2.4.2	<i>Pendekatan Dakwah Bersama Masyarakat</i>	88
4.2.4.3	<i>Sokongan Pasukan dan Bantuan Luar untuk Urusan Rumah Tangga</i>	89

4.2.4.4	<i>Sokongan Suami dan Keluarga</i>	90
4.2.4.5	<i>Prinsip dan Matlamat Dalam Dakwah</i>	91
4.2.4.6	<i>Kelayakan Menjadi Tokoh Dakwah di Malaysia</i>	91
4.2.5	Keperibadian Ustazah Asma' Harun.	92
4.3	Hasil Dapatan Analisis Strategi Dakwah Kontemporari Ustazah Asma' Harun di Malaysia.	99
4.3.1	Dakwah Melalui Lisan Yang Baik.	99
4.3.1.1	<i>Lemah Lembut, Petah dan Berhikmah Di dalam Bertuturkata</i>	100
4.3.2	Dakwah Melalui Penulisan (<i>al-Dakwah bil Qalam</i>)	103
4.3.3	Dakwah Melalui Kumpulan Pasukan	104
4.3.4	Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (<i>Bil Hāl</i>)	106
4.3.4.1	<i>Menjaga Hubungan Yang Baik Sesama Masyarakat</i>	108
4.3.4.2	<i>Menyediakan Khidmat Kebajikan</i>	108
4.3.4.3	<i>Menyediakan Tempat Dakwah</i>	110
4.3.5	Dakwah Melalui Media Sosial	111
4.3.5.1	<i>Dakwah UAH di Media Sosial</i>	111
4.3.5.2	<i>Pengaruh Media Yang Paling Berkesan Buat Masa Sekarang</i>	112
4.3.5.3	<i>Peranan Pasukan di Sebalik Media</i>	113
4.3.6	Dakwah Melalui Institusi Masjid	113
4.3.7	Dakwah Melalui Perniagaan	114
4.4	Cadangan Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari Kepada Pendakwah-Pendakwah di Malaysia.	118
4.4.1	Personaliti yang baik	118
4.4.1.1	<i>Ikhlas</i>	120
4.4.1.2	<i>Amanah Dalam Menjalankan Dakwah dan Menyampaikan Ilmu</i>	121
4.4.2	Dakwah melalui Ilmu yang Bermanfaat	123
4.4.3	Dakwah di Institusi Masjid	129
4.4.3.1	<i>Mempunyai Tauliah Sebagai Kelayakan Berdakwah</i>	130
4.4.4	Dakwah melalui Kemahiran Dalam Penyampaian (<i>'al-Da'wah Bil Kalām</i>)	132
4.4.5	Dakwah Melalui Penulisan (<i>al-Dakwah bil Qalam</i>)	133

4.4.6	Dakwah melalui Kerjasama Berkumpulan	134
4.4.7	Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (<i>Bil Hāl</i>)	135
4.4.7.1	<i>Dakwah Melalui Kebajikan</i>	136
4.4.8	Dakwah Melalui Media Sosial	136
4.4.9	Dakwah di Institusi Pengajian	138
4.4.10	Dakwah Melalui Kesenian	139
4.5	Penutup	142
 BAB 5 RUMUSAN KAJIAN		143
5.1	Pengenalan	143
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	143
5.2.1	Objektif Pertama: Strategi Dakwah Kontemporari	144
5.2.2	Objektif Kedua: Strategi Yang Digunakan Oleh Ustazah Asma' Harun Didalam Dakwah Kontemporari	144
5.2.3	Objektif Ketiga: Cadangan Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari Oleh Pakar Dakwah Kepada Pendakwah dan Badan-Badan Dakwah	145
5.3	Implikasi Daripada Penemuan	146
5.3.1	Saranan Kepada Pendakwah	146
5.3.2	Saranan Kepada Jabatan-Jabatan Dakwah	146
5.3.3	Saranan Kepada Institusi-Institusi Pengajian	147
5.3.4	Saranan Kepada Masyarakat	147
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	148
5.5	Penutup	149
 RUJUKAN		150
APENDIK		157
PROFIL PENULIS		186

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 2.1	Prinsip-Prinsip Dakwah Yang Digariskan Dalam Al-Quran	44
Jadual 3.1	Ringkasan Maklumat Informan Utama	76
Jadual 3.2	Maklumat Informan Tambahan (Kakitangan UAH)	78

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 1.1	Jenis-jenis Dakwah (Afifi, 2024)	4
Rajah 1.2	Syarat-syarat Penganugerahan Tokoh dari YADIM	11
Rajah 1.3	Jadual Keterlibatan Ikon Pendakwah-Pendakwah Muslimah YADIM	12
Rajah 2.1	Ringkasan Definisi Dakwah Secara Istilah (Afifi, 2024)	28
Rajah 2.2	Asas Pelaksanaan Dakwah (<i>Usul al-Da'wah</i>)	31
Rajah 2.3	Ringkasan Persiapan Dakwah Zaidan (2023)	33
Rajah 2.4	Ringkasan Strategi Dakwah Kontemporari Berdasarkan Sorotan Literatur	65
Rajah 2.5	Kerangka Teoretikal Usaha dan Strategi Dakwah Sa'id Al-Nursiy dalam Pembangunan Insan (Khosimet al., 2023)	66
Rajah 2.6	Kerangka Teoretikal Integrasi Dakwah Al-Ghazali dan Ibn Khaldun (Kamal Basiret al., 2024)	67
Rajah 2.7	Kerangka Teoretikal Komunikasi Dakwah Kontemporari (Roslan et al., 2024)	68
Rajah 2.8	Kerangka Teoretikal Pendekatan Psikologi Dakwah Hamka (Abd Razak Husin & Ismail, 2023)	70
Rajah 2.9	Kerangka Konseptual Strategi Dakwah Kontemporari UAH	73
Rajah 4.1	Ringkasan Strategi Dakwah yang Digunakan oleh UAH di Malaysia	117
Rajah 4.2	Analisis Tematik Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari di Malaysia	140
Rajah 4.3	Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari di Malaysia	142

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kenyataan
UAH	Ustazah Asma' Harun
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
NGO	Non-Goverment Organization
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
KUSZA	Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin
OUM	Open Universiti Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

JADUAL TRANSLITERASI

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini adalah berdasarkan kepada sistem ejaan baru Bahasa Malaysia¹. Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab, digunakan mengikut sistem *The Encyclopaedia of Islam*², cuma huruf (ج) dieja dengan j, (ق) dieja dengan q, dan (ش) dieja dengan sy.

Konsonan:

<u>Nama</u>	<u>Huruf ‘Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
hamzah	ء	,
bā’	ب	b
tā’	ت	t
thā’	ث	th
jīm	ج	j
ḥā’	ح	ḥ
khā’	خ	kh
dāl	د	d
dhāl	ذ	dh
rā’	ر	r
zāy	ز	z
sīn	س	s
syīn	ش	sy
ṣād	ص	ṣ
ḍād	ض	ḍ
ṭā’	ط	ṭ

¹ *Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, (Kuala Lumpur, 1972).

² *The Encyclopedia of Islam*, (London 1960), 1.

zā'	ظ	z
'āyn	ع	'
ghayn	غ	gh
fā'	ف	f
qāf	ق	q
kāf	ك	k
lām	ل	l
mīm	م	m
nūn	ن	n
hā'	ه	h
wāw	و	w/u
yā'	ي	y/i

Vokal Pendek:

--- : a³ -[ُ] : u -_ـ : i

Vokal Panjang:

(ي) --- : ai/ay (و) -[َ] : aw

(و) -[ُ] : ū/uw (ي) -- : ī/iy/iyy

Huruf *tā' marbūṭah* (ة) ditransliterasikan sebagai *hā* (ه / هـ) atau *tā* (ث). Keseluruhan ejaan adalah mengikut tulisan, tetapi kadang kala dieja mengikut bunyi.

Artikel:

(ا ل) : al- (*al-Ibānah*)

³ *Alif* jika menjadi konsonan ditransliterasikan sebagai (a) juga.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Dakwah merupakan satu tuntutan dalam Islam untuk menyeru orang lain ke arah kebaikan dan perlu dilaksanakan oleh setiap individu muslim mengikut kemampuan diri masing-masing. Tugas pendakwah bukan hanya sekadar mengajak mereka yang jahil mengenai agama untuk mengenal Islam, tetapi untuk menarik minat *mad'ū* iaitu kumpulan yang disasarkan mendapat dakwah. Para pendakwah perlu mendekati *mad'ū* yang terdiri daripada pelbagai latar belakang supaya dapat menghayati dan menjadikan Islam sebagai agama yang boleh diamalkan dalam gaya hidup mereka. Hal ini adalah merupakan tujuan utama yang sepatutnya dijadikan sasaran untuk dicapai terutamanya bagi pendakwah yang menjadikan dakwah sebagai kerjaya rasmi (Burhan & Aini, 2021).

Gerakan dakwah ini bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W dahulu dan berterusan sehingga kini bahkan menjadi lebih rancak apabila melihat dakwah tersebar dengan begitu pesat khususnya di Malaysia. Gelombang kerancakan dakwah di bumi Malaysia bermula pada sekitar awal tahun 1970-an telah mengubah landskap sosiopolitik, sosioekonomi negara dan pola pemikiran. Hal ini membuktikan bahawa melalui usaha gigih dan tetap teguh oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan sokongan gerakan dakwah Non-Government Organization (NGO), telah menyemarakkan dan mengembangkan lagi misi Islam sebagai agama *rahmān lil 'ālamīn* (MAIS, 2016).

Menurut (Alauddin, 2016), pada era globalisasi dan kemodenan kini, terdapat ramai pendakwah yang muncul bagai cendawan tumbuh selepas hujan sama ada melalui media sosial dan sebaliknya. Fenomena pendakwah selebriti semakin meriah dan kerap muncul di majalah, radio, buku, laman sosial dan televisyen. Para pendakwah yang menyampaikan nasihat agama melalui media ini sudah semakin ramai jumlahnya dengan menampilkan gaya dakwah dan ciri khas masing-masing. Munculnya pendakwah yang ramai ini kelihatannya menjadikan citra Islam telah berubah menjadi lebih segar dan ramah. Islam tidak lagi dipandang sebagai terorisme atau perkara yang menakutkan. Cerita kolot ketinggalan zaman menjadi semakin hilang dengan perlahan-

lahan kerana para pendakwah kini semakin mengikuti selera zaman ketika berdakwah terutamanya apabila memanfaatkan kecanggihan teknologi. Fenomena kebanjiran pendakwah-pendakwah ini menunjukkan suatu perkembangan yang sihat untuk umat Islam di Malaysia.

Namun begitu, terdapat banyak masalah yang timbul di sebalik fenomena ini. Kemunculan fenomena baharu telah menzahirkan sisi lain dari sudut kehidupan pendakwah. Kisah dan cerita kehidupan para pendakwah sudah mula diceritakan di khalayak ramai contohnya dalam ruangan gosip seperti *facebook*, *tiktok* dan *instagram*. Terdapat pendakwah yang menjadi pelakon filem, menjadi duta iklan dan terkadang pasangan dan anak-anak pendakwah itu lebih dikenali berbanding pendakwah itu sendiri. Ukuran kejayaan sesebuah dakwah pula sudah mula diukur melalui populariti manakala ukuran dakwah melalui fakta, hujah dan olahan yang kreatif serta kredibiliti kini hanya menjadi sebuah mimpi (Alauddin, 2016).

Sejak kebelakangan ini, dakwah yang murni dan mulia telah dicemari oleh beberapa isu peribadi pendakwah khususnya pendakwah selebriti. Terdapat beberapa pendakwah selebriti yang kebanyakannya dikenali daripada rancangan realiti televisyen terpalit dengan isu kontroversi dan mendapat kejian serta cemuhan daripada masyarakat. Keadaan ini bercanggah dengan keperibadian baginda Rasulullah S.A.W dalam menyampaikan dakwah (Ab Rahim et al., 2023). Keberkesanan pelaksanaan dakwah tidak diukur melalui tepuk riuh dan gelak tawa para pendengar, malah tidak juga daripada ratap tangis serta juraian air mata sahaja tetapi kejayaan dakwah itu boleh diukur melalui kesan yang ditinggalkan ke dalam fikiran *mad'ū* atau kesan yang ada di dalam jiwa mereka kemudian tergambar melalui tingkah laku mereka (Alauddin, 2016).

Melihat kepada kemunculan ramai para pendakwah di Malaysia khususnya, hal ini merupakan satu kelebihan untuk berdakwah kepada *mad'ū*. Namun para pendakwah perlu mempersiapkan diri dengan persiapan mengikuti dakwah dengan strategi yang baik agar dakwah berkesan kepada *mad'ū* (Monib et al., 2020). Menurut Afifi (2024) asas dakwah kepada Allah SWT terbagi kepada lima bahagian utama yang menunjukkan keluasan dan kesyumulan ajaran Islam serta menegaskan keperluan interaksi dengan semua lapisan masyarakat tanpa pengecualian. Justeru, tidak ada seorang pun yang terkeluar daripada tanggungjawab dakwah melainkan individu yang hilang kewarasan seperti orang gila atau mereka yang tidak mempunyai keupayaan akal yang sempurna.

1.1.1 Jenis-jenis dakwah

Jenis-jenis dakwah terbagi kepada lima (5), yaitu: (a) dakwah *infiradiyyah* (dakwah kepada individu); (b) dakwah *al-'Umumiyyah* (dakwah secara umum); (c) dakwah *khusūsiyyah* (dakwah secara khusus); (d) dakwah *ijtima'iyyah* (dakwah secara sosial); dan (e) dakwah *al-tharīqu al-rasā'il* (dakwah melalui surat):

a) Dakwah *Infiradiyyah* (Dakwah kepada individu)

Dakwah secara individu adalah seperti dakwah Rasulullah SAW kepada isterinya Siti Khadijah Alaihassalam, anak saudaranya Saidina Ali bin Abi Talib, sahabat karibnya Abu Bakar As-Siddiq, Zaid bin Harithah, Bilal bin Rabah, Suhaib Ar-rumi, 'Ammar bin Yasir, Umar ibn Khatab, Usman bin 'Affan, Abu Quhafah, 'Amru bin 'Absah, 'Adi bin Abi Hatim, Mu'awiyah bin Haidah, Abu Jahal, Walid bin Al-Mughirah, Abu Hurairah dan lain-lain.

b) Dakwah *al-'Umumiyyah* (Dakwah secara umum)

Dakwah secara umum adalah turun berjalan di lapangan. Pada tempat berkumpulnya *mad'ū* seperti di kedai makan, kafe, premis yang menjual minuman arak untuk melakukan kerja dakwah dan menyampaikan dengan cara yang baik. Pendakwah perlu bercakap tentang kalam agama dan keimanan serta berusaha menyampaikan dakwah seperti mengajak mereka pergi ke masjid untuk mendengar perincian karya agama.

c) Dakwah *Khusūsiyyah* (Dakwah secara khusus)


Dakwah secara khusus adalah seperti menziarahi secara khusus kepada golongan tertentu daripada golongan umat Nabi Muhammad SAW. Pendakwah perlu berjalan dan menziarahi mereka, bercakap bersama mereka tentang kalam agama dan keimanan kepada Allah SWT. Hal ini dapat mendorong mereka supaya bersama-sama berusaha berdakwah ke jalan Allah untuk melatih dan melakukan urusan-urusan agama dan jihad Rasulullah SAW. Antaranya seperti golongan alim ulama, orang-orang terkenal (pemimpin, para hakim dan menteri), orang-orang terdahulu dan seluruh bangsa sama ada dari golongan pekerja, tukang, petani dan lain-lain.

d) Dakwah *Ijtimā'iyah* (Dakwah secara sosial)

Dakwah secara sosial adalah menerangkan dan bercakap secara umum untuk memberi kefahaman kepada masyarakat sama ada di Masjid atau di tempat berkumpul seperti dakwah Nabi Muhammad kepada kaum kerabatnya di Bukit *Sofā*, dakwah Nabi kepada kaum muslimin ketika melakukan Haji *Wāda'* dan nabi di pasar-pasar Mekah seperti pasar *Ukkaz*, *Dhil Majannah* dan *Dhil Majar*.

e) Dakwah *Al-Tharīqu al-Rasāil* (Dakwah melalui surat)

Dakwah melalui surat adalah mengutuskan surat-surat dan buku-buku kepada *mad'ū* seperti nabi mengutuskan surat kepada raja-raja di serata tempat pada zamannya untuk mengajak mereka kembali kepada Allah SWT dan berpegang kepada agama Islam. Hal ini adalah seperti nabi mengutuskan surat kepada *Najāsyi* iaitu Raja Habsyah, Hiraqyl Raja Rom, Kisra Raja Parsi, Al-Haris bin Abi Shimril Ghassani Raja Sham, Yahudi khaibar dan Sahibul Yamamah iaitu Hauzah bin 'Ali Al-Hanafi. Tanggungjawab dakwah ini perlu diteruskan oleh pendakwah. Maka kesesuaian dengan masa kini adalah berdakwah dengan cara dakwah kontemporari. Rajah di bawah (Rajah 1.1) merupakan ringkasan jenis-jenis dakwah:



Rajah 1.1 Jenis-jenis Dakwah (Afifi, 2024)

1.2 Latar Belakang Kajian

Agama Islam merupakan agama yang paling mulia di sisi Allah SWT dan nabi Muhammad SAW merupakan antara rasul utusan Allah untuk menyebarkan Islam. Namun selepas kewafatan baginda SAW syariat Islam ini perlu diteruskan oleh orang-orang berkeelayakan antaranya pendakwah-pendakwah yang mempunyai kelayakan dari segi akidah yang tidak bercanggah dengan syariat Islam dan mempunyai ilmu yang baik serta dapat mengajar, mendidik, membimbing dan mengajak *mad'ū* sebagaimana yang diusahakan oleh baginda SAW. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Terjemahan:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya."

(Ali-Imran: 104)

Menurut *al-Rāzī* (1981), ayat ini mengandungi perintah kepada umat Islam supaya menyeru kepada kebajikan, menyuruh melakukan yang makruf (yang dikenal baik menurut syariat), dan mencegah dari melakukan munkar (kemungkaran). Ayat ini juga menekankan pentingnya integriti, kepemimpinan moral, dan kesedaran tanggungjawab dalam masyarakat Islam. Menurut Ibn Kathir (2000), ayat ini merupakan perintah Allah agar wujud dalam kalangan umat Islam satu kelompok khusus yang memikul tanggungjawab menyeru kepada segala bentuk kebaikan, memerintahkan yang makruf serta mencegah kemungkaran (Ibn Kathir, 2000). Beliau menegaskan bahawa kewajipan amar makruf nahi mungkar adalah asas tegaknya agama dan tanda kebaikan umat ini, bahkan kejayaan mereka bergantung kepada pelaksanaan tugas tersebut.

Dakwah ini bukan sahaja digalas oleh para pendakwah muslimin semata-mata. Bahkan pendakwah daripada kalangan muslimah juga amat diperlukan sebagai penggerak yang kuat bagi menyebarkan agama Islam. Hal ini adalah kerana, pada zaman nabi Muhammad SAW telah bermula konsep dakwah atau ajakan daripada

'*Ummahāt al-Mukminīn* (isteri-isteri nabi) antaranya Saidatina Aisyah RA yang mengajak golongan muslimin dan muslimah dalam penyebaran ilmu bahkan beliau menjadi rujukan kepada umat Islam sepanjang zaman. Keberanian wanita dalam menyampaikan dakwah telah lama masyhur selari dengan perkembangan dakwah pada zaman Rasulullah SAW (Daud & Abdullah, 2020). Firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ
اللَّهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Terjemahan:

Orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan, sebahagian dari mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, menegakkan solat, menunaikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
(Al-Taubah: 71)

Menurut *al-Rāzī* (1981), ayat ini menggambarkan kedudukan istimewa orang-orang beriman lelaki dan perempuan yang saling menjadi penolong antara satu sama lain kerana mereka disatukan oleh kesatuan akidah dan ketaatan kepada Allah (*al-Rāzī*, 1981). Saling tolong-menolong menurut beliau bukan hanya dalam aspek material tetapi lebih utama dalam perkara moral seperti amar makruf dan nahi mungkar, kerana kedua-duanya menjadi asas pembinaan masyarakat yang sejahtera. *Al-Rāzī* (1981) turut menegaskan bahawa kekuatan umat ini terletak pada keselarasan antara akidah yang benar dan amalan yang sahih, termasuklah pelaksanaan solat dan zakat sebagai bukti praktikal keimanan. Beliau menambah bahawa jaminan rahmat Allah dalam ayat ini diberikan kepada mereka yang menghimpunkan dua unsur tersebut, kerana sifat Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana menuntut penetapan ganjaran yang layak bagi orang beriman (*al-Rāzī*, 1981).

Pendakwah dalam kalangan Muslimah juga terlalu penting pada masa kini untuk menyebarkan agama kepada masyarakat khususnya kaum wanita. Dalam menyempurnakan tugas dakwah kepada semua lapisan masyarakat, tanggungjawab pendakwah muslimah sama seperti pendakwah lelaki. Hal ini kerana peranan wanita

membantu kaum lelaki tercapai dalam menjalankan misi dakwah (Daud & Abdullah, 2020). Oleh itu, wanita juga berperanan dalam mendidik masyarakat kerana wanita juga merupakan ibu yang berharga kepada anak bangsa. Ibu bertanggungjawab dalam memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang baik (Rosli & Abdullah@Tan Ai Pao, 2015). Namun begitu, pendakwah muslimah perlu juga mempelajari *uslub* dakwah yang baik agar dakwah lebih memberi impak kepada *mad'ū*. Hal ini menjadi tanggungjawab pendakwah muslimah untuk mendalami ilmu *uslub* dakwah agar mesej dakwah dapat disampaikan kepada anak-anak, para pelajar dan masyarakat khususnya kaum wanita. Mereka juga menggalas tanggungjawab yang besar dalam menjalankan dakwah kepada kaum wanita agar ancaman salah faham terhadap Islam itu dapat dielakkan (Rosli & Abdullah@Tan Ai Pao, 2015).

Selain *uslub* dakwah, pendakwah muslimah juga harus menguasai pelbagai bentuk dakwah kontemporari yang sesuai dengan masa kini bagi menarik perhatian masyarakat. Oleh itu, pendekatan dakwah harus dipelbagaikan supaya dakwah itu kekal relevan dan menepati keperluan kelompok yang disasarkan. Dalam konteks kreativiti dakwah, pelbagai aspek perlu dipertimbangkan termasuk memanfaatkan media sebagai platform penyebaran dakwah yang berkesan (Ismail, 1991). Selain itu, jati diri dan akhlak yang baik juga perlu dicontohi oleh pendakwah muslimah kepada masyarakat sebagai ikutan yang baik. Firman Allah SWT:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ

وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ

وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ

اللَّهُ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah

serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.

(Al-Ahzab: 35)

Ayat ini menyebut golongan lelaki dan perempuan muslimin dan muslimat, mu'minin dan mu'minat, serta sifat-sifat seperti ketaatan (*al-qunūt*), kejujuran, kesabaran, kerendahan hati, sedekah, puasa, menjaga kehormatan, dan mengingat Allah dengan banyak sebagai kategori orang beriman yang mulia (Mukaromah, 2022). al-Nasafi menjelaskan bahwa pengulangan antara jantina (lelaki-perempuan) menegaskan bahawa pahala dan ganjaran bagi mereka tidak terbatas pada satu jantina sahaja, tetapi terbuka bagi kedua-duanya (An-Nasafi, 2019). Dalam ayat ini telah digariskan sepuluh ciri-ciri mukmin yang dapat dicapai dengan baik sama ada lelaki atau wanita. Ciri-ciri tersebut telah dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kategori akidah, akhlak dan ibadah.

1.2.1 Pemilihan subjek kajian

Pemilihan subjek kajian iaitu Ustazah Asma' Harun (UAH) berdasarkan beberapa ciri-ciri eksklusif berikut, iaitu: (a) keterlibatan UAH di media sosial; (b) mempunyai dakwah penulisan yang baik; (c) mempunyai dakwah keteladanan dan perbuatan yang berstrategi; (d) mempunyai kumpulan sokongan dalam menggerakkan kerja-kerja dakwah UAH; dan (e) mempunyai keteladanan yang baik:

1.2.1.1 Keterlibatan UAH Di Media Sosial

Dalam tinjauan pengkaji di ruangan media sosial, pengkaji mendapati profil akaun UAH aktif dengan program-program bersifat dakwah seperti ceramah keagamaan, ceramah kekeluargaan, ceramah motivasi, *webinar* hukum-hakam agama, sesi soal jawab bersama penonton, sesi *tadabbur* al-Quran, ziarah mahabbah dan pencerahan isu-isu semasa. Program-program ini kebanyakannya disiarkan secara langsung

dengan kerap. Keadaan ini menunjukkan bahawa UAH sangat aktif dan menonjol dalam media sosial dan menjadi perhatian pada masa kini berbanding pendakwah muslimah yang lain.

1.2.1.2 Mempunyai Dakwah Penulisan Yang Baik

Dalam tinjauan pengkaji terhadap buku-buku penulisan UAH, beliau banyak mengarang buku-buku berkonsepkan keagamaan. Antara tajuk buku penulisan beliau ialah Sahabat Dunia Akhirat, 150 Tips Wanita Dambaan Syurga, Tips Wanita Bahagia, Kembara Menuju Allah, *Planner* Sekeluarga Menuju Syurga, Dakwah Penuh Ukhuwah, 111 Soal Jawab *Fiqh* Ramadhan dan banyak lagi. Pengkaji mendapati penulisan UAH mendapat sambutan yang menggalakkan dan dijual di kedai beliau yang bernama Galeri Ustazah Asma' Harun bertempat di Senawang, Negeri Sembilan dan di Terengganu. Beliau juga menjual buku secara atas talian dan fizikal, antaranya di lokasi ceramah beliau sama ada di masjid atau syarikat. Menurut UAH dalam temu bual pengkaji bersamanya, buku yang dikarang olehnya yang bertajuk sahabat dunia akhirat telah dicetak sebanyak lapan kali cetakan dalam tempoh setahun, (Ustazah Asma' Harun, Temu bual oleh Penulis, 19 September 2020).

1.2.1.3 Mempunyai Dakwah Keteladanan dan Perbuatan Yang Berstrategi

Dalam tinjauan awal pengkaji mendapati UAH juga terlibat dalam bidang perniagaan dengan menyediakan tempat khusus di galeri UAH untuk menjual buku, pakaian patuh syariah, telekung solat, produk makanan dan gimnasium patuh syariat. Beliau juga menyediakan tempat khusus bagi perniagaan dan pengeluaran daging yang halal untuk kemudahan orang awam untuk mendapatkannya. Daripada perniagaan ini secara tidak langsung dapat memberikan contoh perniagaan Islam kepada masyarakat umum serta dapat membantu kebajikan ramai masyarakat. Beliau juga telah mewujudkan NGO Sahabat Amal Care dan aktif dalam membantu serta menjaga kebajikan masyarakat seperti menyediakan gerobok prihatin dan aktif menyantuni masyarakat Islam, muallaf, golongan asnaf dan sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan. (Ustazah Asma' Harun, Temu bual oleh Penulis, 19 September 2020). Beliau juga membina hubungan baik dengan masyarakat iaitu menyediakan waktu khusus bagi


sesi luahan dan kaunseling khususnya bagi golongan wanita yang mempunyai masalah dan sebagainya.

1.2.1.4 Mempunyai Kumpulan Sokongan Dalam Menggerakkan Kerja-Kerja Dakwah UAH

Temu bual awal antara pengkaji bersama UAH, pengkaji mendapati UAH menonjol dan mendapat perhatian di mata masyarakat dalam dakwah dengan beberapa faktor. Antaranya adalah dengan strategi yang tersusun dengan menubuhkan kumpulan sokongan dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti dakwah, pendidikan, kebajikan dan perubatan. Antara gerak kerja dalam kumpulan yang dibina ialah unit dakwah, unit utiliti, unit ekonomi, unit media, unit pentadbiran, unit penyelidikan dan unit perhubungan. Unit-unit ini berperanan dalam gerak kerja yang telah digariskan oleh UAH. Pasukan adalah merupakan tunjang utama kekuatan dakwahnya. Hal ini menjadi faktor utama pengkaji ingin mengkaji strategi yang digunakan oleh beliau (Ustazah Asma' Harun, Temu bual oleh Penulis, 19 September 2020).

1.2.1.5 Mempunyai keteladanan yang baik.

UAH telah mendapat anugerah tokoh dari Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) (Ustaz Haji Nasruddin Hassan, Temu bual oleh penulis melalui panggilan telefon, 27 April 2021). Kelayakan mendapat anugerah ini berdasarkan kepada syarat-syarat seperti rajah (Rajah 1.2) berikut:



Rajah 1.2 Syarat-syarat Penganugerahan Tokoh dari YADIM

UAH telah dilantik sebagai ikon dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada 23 September 2020 yang lalu. Hal ini menunjukkan syarat-syarat untuk menjadi ikon pendakwah YADIM ada pada UAH dan kemampuan beliau dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat telah diiktiraf di Malaysia. Jadual dibawah ini menunjukkan tentang keterlibatan ikon pendakwah-pendakwah muslimah YADIM dalam dakwah mengikut kaedah-kaedah dakwah yang digariskan berdasarkan pemerhatian pengkaji. Berdasarkan carta ini, pengkaji mendapati terdapat ciri-ciri eksklusif UAH berbanding ikon pendakwah muslimah YADIM yang lain. Hal ini menjadi faktor utama pengkaji ingin menjadikan UAH sebagai subjek kajian kerana beliau mempunyai kumpulan sokongan yang kuat bagi melaksanakan dakwah bil hāl dengan baik. Rajah berikut (Rajah 1.3) merupakan jadual keterlibatan ikon pendakwah-pendakwah muslimah YADIM

Bil.	Nama Asatizah	Kaedah-Kaedah Dakwah									
		Dakwah Fizikal			Dakwah Online				Dakwah Bilhal		
		Berdakwah Di Institut Keagamaan (Masjid, Madrasah, Surau)	Berdakwah Di Stesen Television	Berdakwah Di Radio	Facebook	TikTok	Instagram	Youtube	Menyertai NGO	Memiliki Perniagaan	Kumpulan Sokongan (Team)
1.	Ustazah Norhafizah Binti Musa	/	/	/	/	/	/	/		/	
2.	Prof. Muhaya Binti Haji Mohamad	/	/	/	/	/	/	/		/	
3.	Ustazah Isfadiyah Binti Dasuki	/	/	/	/	/	/	/	/	/	
4.	Ustazah Asma' Binti Harun	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

Rajah 1.3 Jadual Keterlibatan Ikon Pendakwah-Pendakwah Muslimah YADIM

1.2.1.6 Menyediakan Platform Dakwah.

Dalam sesi temu bual bersama UAH, pengkaji mendapati UAH mengambil inisiatif untuk menyediakan platform dakwah sebagai syiar Islam dan menghidupkan suasana Islam di Medan Ilmu iaitu pusat penyebaran ilmu yang ditubuhkannya di Senawang bermula pada tahun 2020. Usaha ini juga bagi meraikan pelbagai pihak kerana tidak mampu menerima jemputan ceramah yang terlalu banyak di masjid, institusi kerajaan, institusi swasta dan korporat. Melalui Medan Ilmu yang disediakan, terdapat jadual pengajian khusus antaranya kuliah dhuha perdana dan kuliah dhuha berkala dengan menjemput para 'asātizah untuk mengisi ruang dakwah. Selain itu, turut disediakan klinik al-Quran, kelas fardhu ain dan klinik kaunseling (Ustazah Asma' Harun, Temu bual oleh Penulis, 19 September 2020).

Bagi memanfaatkan perkongsian pengajian agama yang dianjurkan, UAH akan memastikan segala perkongsian di Medan Ilmu akan dibuat secara langsung bagi memudahkan orang ramai turut sama mendapat manfaat. Kajian ini akan mengkaji tentang strategi dakwah kontemporari dan mengkaji dakwah UAH di Malaysia. Hal ini adalah kerana beliau mempunyai latar belakang yang baik sama ada dari segi pendidikan dan pengalaman dalam dunia dakwah. Beliau juga merupakan antara salah seorang pendakwah muslimah yang aktif dalam penyebaran dakwah di media sosial di masa kini. Hal ini berdasarkan kepada jumlah tontonan di medium media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *Youtube*. Beliau bukan ikon yang dilahirkan daripada program realiti televisyen namun beliau berjaya menjadi tumpuan meskipun hanya bermula di media sosial.

Kajian ini bukan tertumpu kepada strategi dakwah kontemporari dan mengkaji tentang dakwah UAH dalam ceramahnya sahaja akan tetapi mengkaji kepelbagaian dakwahnya yang menjadi tunjang kekuatan dan menarik minat pengikutnya dalam penyebaran ilmu serta menjadi contoh yang baik sebagai ikutan tauladan ummah. Pendakwah seharusnya meneliti terlebih dahulu latar belakang dan kedudukan sasaran dakwah terutamanya golongan muallaf dalam merangka usaha untuk menjalankan *mas'ūliyyah 'ijtimā'iyah* (tanggungjawab dalam masyarakat) di samping mengambil pendekatan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW berpandukan saranan al-Quran dengan penuh hikmah (Rosli & Abdullah@Tan Ai Pao, 2015).

Kajian ini juga akan mengkaji dakwah UAH dipelbagai medium dakwah antaranya di media sosial seperti di *Facebook*, *Tiktok*, *Telegram* dan lain-lain media

yang merupakan medium yang sesuai di era ini yang menarik minat ramai *mad'ū*. Terdapat beberapa wasilah yang menjadi pendokong kepada penguasaan media sosial sebagai medium untuk menyampaikan mesej dakwah dalam kajian ini. Antaranya, *Facebook, Youtube, Twitter, Instagram, Tiktok* dan *Telegram* yang boleh digunakan dan dimanfaatkan bagi kepentingan tuntutan agama seperti menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat (Zaharuddin, 2012). Pengkaji memilih UAH sebagai tokoh YADIM di Malaysia kerana beliau mampu membawa dakwah yang baik kepada ramai *mad'ū* dan menjadi tauladan yang baik buat ramai pengikutnya. Hal ini kerana, para pendakwah muslimah yang mendapat tumpuan umum menjadi salah satu faktor dakwah mudah mendapat perhatian dan diterima kerana merujuk kepada faktor penguasaan pendakwah dalam semua aspek yang ada kaitan dengan dakwah serta latar belakang sasaran dakwah (Borham et al., 2018).

1.3 Permasalahan Kajian

Setiap usaha dakwah pasti berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran yang semakin kompleks dari semasa ke semasa. Halangan-halangan seperti penolakan, cercaan, ancaman dan fitnah merupakan antara ujian yang sering dihadapi oleh para pendakwah dalam melaksanakan tanggungjawab menyampaikan risalah Islam. Cabaran dakwah pada masa kini dilihat jauh lebih mencabar berbanding era terdahulu, khususnya dalam aspek pendidikan akhlak dan pembentukan perilaku yang selaras dengan tuntutan al-Quran dan hadis (Andini et al., 2023). Pada masa kini juga, pendekatan dalam penyampaian dakwah sudah mula mengalami perubahan makna, dan sebahagian daripadanya cenderung membawa implikasi yang kurang positif. Terdapat pelaksanaan dakwah yang menimbulkan kontroversi dalam masyarakat akibat kaedah penyampaian yang tidak beretika, seperti penggunaan nada yang keras, seruan yang bersifat provokatif yang menyumbang kepada pembentukan stigma masyarakat yang negatif terhadap dakwah Islam itu sendiri (Atmaja, 2020).

Selain kelemahan dari sudut cara penyampaian dakwah, terdapat juga masalah peribadi dalam kalangan pendakwah yang menjadi punca perpecahan umat seterusnya mengelirukan masyarakat. Menurut Alauddin (2016), antara kelemahan yang paling terzahir dan membimbangkan bagi pendakwah ialah berlaku persengketaan yang berpunca dari *Ta'addud al-madāris al-Fikhiyyah* iaitu aliran pemikiran yang pelbagai dan menimbulkan pertentangan yang tajam sehingga dapat menenggelamkan hakikat

matlamat dan persamaan risalah dakwah dan ia merupakan satu aib besar yang berpunca dari sikap fanatik terhadap pemikiran di dalam kelompok sendiri dan juga kerana mereka tidak bersedia menerima dan menghormati pendapat orang lain, gagal untuk menilai diantara perkara baik atau buruk dan persoalan yang betul atau salah.

Penyakit *al-'ijāb bi al-ra'y* iaitu penyakit mengagumi pendapat sendiri kini sedang menyerang sebahagian pendakwah dan situasi ini membuatkan pendakwah tidak lagi dapat mewarisi adab dan sikap para imam fuqaha yang banyak berselisih pendapat tentang persoalan dan permasalahan di kalangan umat namun mereka tidak pernah berbangga diri atau mendabik dada dan ia menunjukkan suasana getir dan gamatnya pertelingkahan dalam kalangan pendakwah sehingga mengakibatkan tanggungjawab terabai untuk menyelesaikan permasalahan umat kerana semua tenaga mereka tertumpu kepada *politiking*, polemik dan perlumbaan bagi menambahkan bilangan penyokong masing-masing (Alauddin, 2016).

Sedar atau tidak, perbezaan manhaj dan pendekatan (*uslub*) dakwah dalam hal *'ittijāh* (orientasi) iaitu corak dan garapan dakwah yang dipilih oleh pendakwah berdasarkan tahap kefahaman, ijtihad, dan pendekatan peribadi masing-masing meninggalkan kesan negatif yang agak ketara dalam dunia dakwah hari ini (Alauddin, 2016). Selain itu, terdapat juga permasalahan-permasalahan lain yang timbul didalam dakwah. Menurut Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (2016), walaupun pelbagai program dan usaha telah dilaksanakan untuk menyampaikan dakwah, namun hasilnya tidak memberangsangkan dan tidak mampu menarik generasi muda khususnya untuk kembali ke pangkal jalan bahkan kepincangan dan kelesuan berlaku dalam kalangan generasi muda pada hari ini telah berada pada tahap yang amat membimbangkan kerana mereka dilingkari dengan budaya *c-minded* iaitu budaya mementingkan *career* (kerjaya), *credit card* (kad kredit), *cash* (duit tunai), kereta mewah, kasanova, kondominium mewah, *chick* (perempuan gedik), *corruption* (korupsi) dan *complacency* (kesenangan hidup).

Golongan muda khususnya tidak menerima produk dan perkhidmatan dakwah yang ditawarkan dan tidak berminat untuk menghadiri majlis ilmu, masjid dan surau kerana berpunca dari majlis ilmu yang berbentuk satu hala iaitu penyampaian ilmu dalam keadaan duduk statik sedangkan golongan muda zaman ini lebih suka kepada aktiviti yang memerlukan kepada pergerakan yang aktif (MAIS, 2016). Selain itu juga, Kekurangan pendakwah yang aktif merupakan antara punca tidak berhasilnya pelaksanaan dalam gerak kerja dakwah. Keadaan ini menjadikan sasaran dakwah

kurang mendapat sambutan terhadap penerimaan dakwah. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah kerana lemahnya pembangunan jati diri dan insaniah dalam diri seorang pendakwah (Burhan & Aini, 2021).

Oleh itu, Bagi memastikan dakwah yang disampaikan mampu meresap ke dalam jiwa *mad'ū* serta kekal berterusan dalam pelaksanaannya, para pendakwah perlu merancang dan menyusun strategi dakwah yang berkesan serta sesuai dengan konteks masyarakat semasa. Pendekatan dakwah yang bersifat kontemporari hendaklah diaplikasikan dengan penuh hikmah melalui pelaksanaan strategi yang tersusun, terancang dan berkesan. Dalam masa yang sama juga, para pendakwah juga perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan keupayaan diri, komitmen dan kreativiti dalam menyampaikan mesej dakwah bagi menawan hati dan minda *mad'ū*. Segala strategi yang dirancang dan dilaksanakan perlulah berpaksikan kepada petunjuk al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW agar matlamat amar makruf nahi munkar dapat dicapai secara menyeluruh dan berkesan (Ismail & Osmani, 2024).

Menurut (Ab Rahim et al., 2023). Perkembangan dunia dakwah masa kini memerlukan kepada pendekatan dakwah yang pelbagai dan selari dengan peredaran keadaan masyarakat zaman ini dan tidak lagi terbatas kepada kaedah tradisional seperti ceramah atau pendekatan tradisional semata-mata. sebaliknya menuntut integrasi pendekatan moden yang lebih relevan dan efektif dalam memenuhi keperluan serta kecenderungan golongan sasaran dakwah (Hatim & Sahad, 2020). Di dalam kajian ini, pengkaji akan membuat kajian khusus berkaitan pendakwah muslimah. Menurut (Daud & Abdullah, 2020). Tugas sebagai pendakwah muslimah dalam menyampaikan dakwah terlalu penting dengan menggunakan kepelbagaian pendekatan dakwah yang lebih sesuai pada masa kini seperti menonjolkan peribadi atau jati diri yang baik supaya dapat dijadikan contoh tauladan kepada masyarakat dan merupakan antara faktor penerimaan masyarakat terhadap dakwah. Ciri-ciri peribadi ini merupakan sifat terpuji yang seharusnya dimiliki oleh setiap wanita agar jelas kesannya terhadap tingkah laku *zāhiriyyah*.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan penelitian ke atas permasalahan kajian, tiga persoalan utama telah digariskan iaitu sebagaimana berikut:

- i) Apakah strategi dakwah kontemporari?
- ii) Bagaimanakah strategi dakwah kontemporari yang digunakan oleh UAH?.
- iii) Apakah cadangan kerangka terhadap strategi dakwah kontemporari kepada pendakwah-pendakwah di Malaysia?

1.5 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian yang telah disesuaikan bagi menjawab persoalan kajian:

- i) Mengenalpasti strategi dakwah kontemporari.
- ii) Menganalisis strategi dakwah kontemporari UAH.
- iii) Mencadangkan kerangka strategi dakwah kontemporari kepada pendakwah-pendakwah di Malaysia.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini penting kerana ia dapat menganalisis tentang strategi dakwah kontemporari pada masa kini dan menganalisis strategi dakwah UAH. Selain itu, kajian ini menyediakan kerangka strategi dakwah berkesan pada era yang penuh dengan cabaran dan juga menyingkap permasalahan yang berlaku di kalangan ummah khususnya di Malaysia. Di samping itu, kajian ini dilihat dapat memperkasakan lagi kaedah dan strategi dalam dakwah yang kontemporari bertujuan mengajak ummah menjadi umat yang diredai. Memandangkan akhir zaman ini masalah umat terlalu banyak seperti masalah akhlak dan lain-lain yang memerlukan kepada pendakwah yang berdakwah dengan menggunakan strategi dakwah yang sesuai di masa kini agar dakwah lebih berkesan. Ini kerana pendakwah merupakan penyambung dakwah yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW bagi mengeluarkan umat dari kegelapan dan kejahilan serta

menyeru manusia kearah kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Pengkaji amat berharap melalui kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat. Antaranya adalah: (a) Jabatan-Jabatan Dakwah Di Malaysia; (b) Pendakwah; (c) Masyarakat; dan (d) Institusi-Institusi Pendidikan.

1.6.1 Jabatan-Jabatan Dakwah Di Malaysia

Kajian ini boleh dijadikan rujukan dan kerangka kepada Jabatan Dakwah dalam menganjurkan program dakwah seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan seluruh jabatan dakwah di Malaysia agar dakwah dapat berkembang dengan baik seterusnya dapat melancarkan proses amar maaruf dan nahi munkar. Menurut Rosli (2017), peranan agensi-agensi dakwah dalam negara ini amat penting bagi memberi kefahaman, menyelesaikan salah faham bab agama, menjadi guru bicara umat, membimbing dan membangunkan roh serta jiwa orang Islam yang berkualiti dan berakhlak baik, membentuk diri insan yang proaktif, merangka strategi, metode dan konsep pelaksanaan dakwah yang berkesan serta membentuk umat Islam yang saling menghormati antara satu sama lain dan berperanan untuk memakmurkan bumi Allah ini dengan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT serta melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah kepada semua peringkat masyarakat sama ada muslim atau bukan muslim daripada pelbagai bangsa dan negara.

1.6.2 Pendakwah

Para pendakwah di Malaysia khususnya yang berada pada zaman globalisasi ini yang mempunyai banyak persaingan, cabaran, hentaman dan pelbagai ujian disarankan untuk menjadikan kajian ini sebagai panduan sepanjang berdakwah agar dapat memberikan keberkesanan dakwah kepada masyarakat. Menurut Jalal et al. (2018), terdapat beberapa masalah yang timbul dalam menggerakkan gerak kerja dakwah pada zaman kini adalah berkaitan dengan kekangan tenaga pendakwah yang mempunyai kemahiran, kekangan kewangan dan kekangan saudara baru yang memeluk Islam kerana dakwah dalam negara yang mempunyai pelbagai agama dan kaum. Tambahan pula di zaman kini, terlalu ramai pendakwah dan *influencer* yang berdakwah secara bebas di media sosial dan di lapangan namun banyak mengelirukan masyarakat dan tidak mempunyai reputasi serta akhlak yang baik secara tidak langsung menjatuhkan

nama baik pendakwah dan memberi kesan yang tidak elok kepada dakwah. Justeru, pengkaji berharap kajian ini dapat dijadikan panduan dan persiapan diri kepada pendakwah agar dapat melaksanakan dakwah dengan baik dan disenangi ramai.

1.6.3 Masyarakat

Visi keagamaan yang jelas dan mendalam amat penting dalam usaha menawarkan penyelesaian yang bijaksana kepada masyarakat. Namun begitu, para pendakwah sering berhadapan dengan kesukaran dalam mengurus masa bagi melaksanakan sesi konsultasi atau bimbingan tempatan yang berkaitan dengan pelbagai isu yang dihadapi oleh komuniti. Situasi ini menggambarkan bahawa masyarakat amat memerlukan bimbingan serta sokongan dalam menangani pelbagai permasalahan sosial dan keagamaan. Justeru, program pembangunan dan kebangkitan generasi muda perlu dirancang secara strategik bagi melahirkan golongan pemuda yang berfikiran ilmiah, berdaya juang tinggi serta mampu memberikan khidmat kepada masyarakat secara berkesan (Andini et al, 2023). Pengkaji berharap, kajian ini sedikit sebanyak dapat menyumbangkan kaedah dakwah yang berkesan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat agar masyarakat menyenangi dakwah yang dibawa dan seterusnya kembali kepada Allah dan sentiasa berterusan berpegang dengan agama Allah Taala.

1.6.4 Institusi-Institusi Pendidikan

Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada institusi pendidikan yang menawarkan pengajian-pengajian Dakwah Islamiyah seperti UiTM, KUIS dan lain-lain lagi. Hal ini kerana penuntut-penuntut ilmu ini merupakan antara orang yang mewarisi ilmu dari guru mereka dan yang akan bertemu ummah di lapangan. Menurut Jamil (2020), adalah menjadi kerugian jika pemikiran pelajar yang masih muda diasak dengan maklumat palsu, khayalan dan perbualan kosong berpanjangan yang tidak memberi bermanfaat. Firman Allah:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Terjemahan:

Demi Masa!, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

(Al-Asr : 1-3)

Menurut (al-Ṭabarī, 2001).Masa yang disumpah oleh Allah SWT merujuk kepada waktu siang, malam, dan senja menunjukkan kefanaan dan larian masa yang berharga. Beliau menegaskan bahawa manusia pada umumnya berada dalam kerugian besar kerana sifat manusia yang rapuh dan mudah hilang jika tidak mempergunakan waktunya dengan sebaiknya kecuali hanya mereka yang memenuhi empat syarat iaitu iman, amal soleh, saling menasihati dengan kebenaran dan saling menasihati dengan kesabaran. “kebenaran” yang dimaksudkan ialah mengikuti petunjuk Al-Qur’ān dan meninggalkan larangan-Nya, sementara “kesabaran” bermaksud mempertahankan ketaatan dalam menghadapi ujian dan godaan.

Imam Shafi’iy ada menyebut dalam sebuah syairnya yang bermaksud “Sesiapa yang tidak mengisi masa mudanya dengan ilmu pembelajaran, maka takbirkanlah empat kali untuknya kerana beliau dianggap telah mati (Bahjat, 1999). Menurut Abd Majid et al. (2023), kemalasan berfikir dikalangan pihak yang menguruskan institusi merupakan antara cabaran permasalahan yang berlaku dalam pengurusan dakwah untuk membina dan membangunkan umat yang terbaik seperti yang dituntut dalam Islam. Kajian ini akan menumpukan kepada strategi dan kerangka dakwah kontemporari yang digunakan oleh tokoh-tokoh Islam dan berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah. Pengkaji berharap kajian ini dapat memenuhi keperluan penuntut ilmu yang sedang menuntut ilmu di instituti ini agar memahami konsep dan strategi dakwah yang perlu digunakan untuk berdakwah khususnya di Malaysia.

1.7 Definisi Operasi

1.7.1 Analisis

Merujuk Kamus Dewan Bahasa, analisis bermaksud pengkajian dan pengupasan untuk mengetahui selok belok sesuatu dari sudut penilaian baik atau buruk. Maka, kajian ini adalah satu analisa terhadap dakwah kontemorari Ustazah Asma' Harun dan strategi-straeqi dakwah yang digunakan bersesuaian dengan zaman sekarang.

1.7.2 Strategi

Merujuk Kamus Dewan Bahasa, strategi bermaksud rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

1.7.3 Dakwah

Dakwah merupakan ajakan manusia kepada agama Islam yang merupakan jalan yang diredhai oleh Allah SWT. Ia juga merupakan suatu kewajipan yang bermatlamatkan hubungan kemanusiaan pada masa depan dan merangkumi dua aspek utama iaitu dunia dan akhirat (Abdi Syahrial, 2015).

1.7.4 Kontemporari

Merujuk Kamus Dewan Bahasa, kontemporari bermaksud semasa, pada masa ini, masa kini. Dakwah kontemporari merupakan dakwah yang dilakukan dengan menggunakan kaedah teknologi yang moden selaras dengan perkembangan semasa. Pendekatan ini dianggap lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam kalangan masyarakat bandar dan masyarakat yang mempunyai latar belakang pendidikan pada peringkat menengah dan ke atas (Moharam, 2021).

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini merupakan limitasi terhadap topik atau isu yang ingin dikaji. Pengalaman pengkaji dalam dunia dakwah hampir lapan tahun di Selangor terdedah kepada masalah-masalah sosial, adab, keruntuhan akhlak dan pelbagai masalah ummah di Selangor dan seluruh dunia. Oleh sebab itu, berdasarkan tajuk yang di pilih, kajian ini lebih berfokus kepada perbincangan dan kajian yang telah ditetapkan, dan ia tertumpu kepada persoalan berikut:

- i) Fokus kajian ini menganalisis dakwah Ustazah Asma' Harun di Malaysia.
- ii) Kajian ini memberi fokus kepada strategi dakwah kontemporari yang perlu diamalkan oleh pendakwah-pendakwah bagi memberi keberkesanan yang baik kepada masyarakat sama ada yang muslim atau bukan muslim agar sentiasa kembali kepada Allah SWT.
- iii) Kajian lapangan dilakukan kepada staf Ustazah Asma' Harun. Seramai 10 orang yang mewakili setiap bidang dalam gerak kerja dan pasukan yang menjadi tulang belakang kekuatan dakwah UAH di Malaysia.
- iv) Kajian lapangan dilakukan kepada pakar dakwah dan juga pakar yang berpengalaman dalam akademik seramai lapan orang untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman yang berharga dari mereka ini agar dapat dijadikan sebagai pedomam dan kerangka untuk kajian ini dan bagi mengelakkan daripada berlaku bias kepada sebelah pihak sahaja.
- v) Secara khususnya kajian ini memfokuskan kepada bidang dakwah yang merangkumi kaedah dan strategi dakwah khususnya dakwah kontemporari yang selari dengan al-Quran dan as-sunnah yang menjadi ikutan seluruh alam.

1.9 Penutup

Kajian ini akan menganalisis strategi dakwah kontemporari dan strategi dakwah UAH dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Kaedah dan strategi yang bakal di dapati daripada kajian ini dapat memberikan manfaat kepada jabatan-jabatan dakwah, pendakwah-pendakwah yang menggerakkan dakwah, institusi-institusi pendidikan dan masyarakat di Malaysia agar dakwah terus relevan di masa kini. Dunia

dakwah yang berdepan dengan pelbagai cabaran sama ada dari sudut masalah sosial, akidah dan kejahilan yang berkaitan dengan agama amat memerlukan kepada pendakwah sama ada pendakwah di kalangan lelaki mahupun wanita dalam membantu mempertahankan akidah serta memberi kefahaman yang jelas dan pendekatan yang berkesan kepada masyarakat. Berdasarkan kepada kajian terdahulu, kegiatan dakwah yang begitu pesat di Malaysia menunjukkan kepada kepelbagaian penyampaian dakwah yang diguna pakai bagi memastikan Islam sentiasa berada di tempat tertinggi kerana kerja dakwah ini merupakan kerja para Rasul dan 'Anbiya'. Selain itu, kajian yang dijalankan ini perlu diketengahkan agar medium dakwah mampu diperluaskan serta berlaku penambahbaikan hari demi hari dalam mendepani zaman yang semakin canggih dan mencabar serta memerlukan pendekatan dakwah kontemporari dan semasa agar dakwah tidak dipandang sebelah mata dan lesu di kalangan *mad'ū* yang ingin berjinak-jinak dengan Islam. Justeru, penyelidik berharap kajian ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan pendekatan dakwah selari dengan zaman yang semakin canggih dan mencabar ini dari semasa ke semasa.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tinjauan literatur adalah merujuk kepada tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji telah membuat tinjauan terhadap beberapa kajian berkaitan isu-isu yang berlaku di kalangan masyarakat, pendekatan dakwah dan kajian terhadap tokoh-tokoh yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Perkara ini penting dilakukan dalam memastikan kajian pengkaji memenuhi keperluan kepada kelompangan yang didapati daripada kajian yang lepas.

2.2 Definisi tajuk

Dakwah mempunyai pelbagai maksud, bagi memahami lebih mendalam maksud dakwah ini pengkaji mendatangkan pelbagai maksud dakwah dari sudut bahasa dan istilah.

2.2.1 Dakwah dari sudut bahasa

“Dakwah” asal dari perkataan “*Da’ā*”. Dari segi bahasanya membawa maksud meminta tolong, beribadah, menyeru, menjemput, mengajak, memanggil dan meraung (Zin, 1991). Ianya juga membawa maksud menyeru, menjemput, mengajak dan memanggil pada sesuatu untuk merangsang hukum (Ghazali, 1996). Dalam Kamus Dewan edisi ke-2, definisi dakwah bermaksud penyebaran ajaran sesuatu agama. Dakwah dari sudut bahasa menurut (Afifi, 2024) adalah merangkumi daripada *Fi’il Thulāthi : Da’ā, Yad’ū, Fahuwa Dā’in*.

2.2.2 Dakwah dari sudut istilah

Menurut (Afifi, 2024) maksud dakwah dari sudut istilah sebagaimana yang disebut dalam al-Quran mempunyai beberapa maksud. Diantaranya adalah:

- i) Dakwah dengan makna doa.

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Terjemahan:

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.

(Al-'Araf : 55)

- ii) Dakwah dengan makna seruan.

وَيَوْمَ يَقُولُ نَادُوا شُرَكَائِيَ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا لَهُمْ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُم

مُؤَبِّقًا ﴿٥٢﴾

Terjemahan:

Dan (ingatkanlah) masa Allah berfirman: "Panggillah sekutu-sekutuKu yang kamu katakan itu (untuk menolong kamu); lalu mereka memanggilnya, tetapi sia-sia sahaja, kerana makhluk-makhluk itu tidak menyahut seruan mereka: dan kami jadikan untuk mereka bersama sebuah tempat azab yang membinasakan.

(Al-Kahfi: 52)

- iii) Dakwah dengan makna menggalakkan dan menghasut.

وَيَا قَوْمِ مَا لِي أَدْعُوكُمْ إِلَى النَّجَاةِ وَتَدْعُونَنِي إِلَى النَّارِ ﴿٤١﴾

Terjemahan:

Dan wahai kaumku! Apa halnya aku dengan kamu? Aku mengajak kamu kepada keselamatan, dan kamu pula mengajakku ke neraka?

(Al-Ghafir: 41)

- iv) Dakwah dengan makna meminta pertolongan.

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَتَاكُمْ عَذَابُ اللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمُ السَّاعَةُ أَغَيْرَ اللَّهِ تَدْعُونَ إِنْ كُنْتُمْ

صَادِقِينَ ﴿٤٠﴾

Terjemahan:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Khabarkanlah kepadaku, jika datang kepada kamu azab Allah, atau datang kepada kamu hari kiamat, adakah kamu akan menyeru yang lain dari Allah (untuk menolong kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar?"

(Al-'An'am: 40)

v) Dakwah dengan makna permintaan.

لَا تَدْعُوا الْيَوْمَ ثُبُورًا وَاحِدًا وَادْعُوا ثُبُورًا كَثِيرًا ﴿١٤﴾

Terjemahan:

Lalu dikatakan kepada mereka "Janganlah kamu menjerit-jerit meminta pada hari ini sejenis kebinasaan sahaja, tetapi mintalah kebinasaan sebanyak-banyaknya (kerana azab yang menunggu kamu di sini banyak jenisnya)".

(Al-Furqan: 14)

vi) Dakwah dengan makna suruhan atau perintah.

وَمَا لَكُمْ لَا تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۖ وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ لِتُؤْمِنُوا بِرَبِّكُمْ وَقَدْ أَخَذَ مِيثَاقَكُمْ إِنْ

كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

Terjemahan:

Dan mengapa kamu tidak beriman kepada Allah? Sedang Rasulullah mengajak kamu untuk beriman kepada Tuhan kamu, dan Allah telah mengambil janji setia dari kamu (untuk beriman); jika kamu hendak beriman (maka telah jelaslah dalil-dalilnya).

(Al-Hadid: 8)

vii) Dakwah dengan makna soal atau pertanyaan.

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْهَاء ۖ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَّوْهَاهَا

تَسْرُ النَّاطِرِينَ ﴿٦٩﴾

Terjemahan:

Mereka berkata lagi: "Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami apa warnanya?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua

warnanya, lagi menyukakan orang-orang yang melihatnya".
(Al-Baqarah: 69)


Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ۖ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ الْأَرْضِ إِذَا
أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾

Terjemahan:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmuNya dan kekuasaanNya, ialah terdirinya langit dan bumi (dalam keadaan yang menakjubkan itu) dengan perintah dan penentuan takdirNya; akhirnya apabila Ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing).
(Al-Rum: 25)

Berdasarkan analisis etimologi dari konteks ayat-ayat Al-Quran di atas, istilah dakwah (dari akar kata *da'a*) memiliki lingkungan makna yang luas, namun intipatinya berpusat pada perbuatan seruan atau panggilan yang menuntut respons daripada penerima. Spektrum makna ini dapat diklasifikasikan merangkumi dimensi vertikal (permohonan dan doa kepada Allah SWT, seperti dalam surah Al-'Araf: 55), dan dimensi horizontal (interaksi antara manusia), yang diwakili oleh seruan, ajakan, menggalakkan, menghasut, meminta pertolongan, dan memberi suruhan, yang kesemuanya bermatlamat untuk mendorong individu lain kepada penerimaan atau tindakan tertentu (surah Al-Kahfi: 52). Tambahan pula, istilah ini turut mencakupi seruan yang bersifat ketuhanan (perintah untuk beriman, surah Al-Hadid:8, dan panggilan kebangkitan, surah Al-Rum:25). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan aktiviti komunikasi yang komprehensif, terancang, dan diwajibkan untuk menarik, mempengaruhi, atau menyeru individu lain ke arah perubahan tingkah laku, akidah, atau penerimaan sesuatu kebenaran, terutamanya Seruan kepada ajaran Islam. Rajah dibawah (Rajah 2.1) merupakan ringkasan definisi dakwah secara istilah:



Rajah 2.1 Ringkasan Definisi Dakwah Secara Istilah (Afifi, 2024)

Menurut Al-Zuhaili (2025) Berdasarkan ayat al-Quran di atas menjelaskan bahawa maksud dakwah adalah menyeru dengan seruan kepada manusia supaya bangkit semula selepas kematian. Jelas dan nyata bahawa perkataan dakwah ini membawa maksud mengajak dan menyeru. Menurut ulama terkenal imam al-Ghazali, dakwah didefinisikan sebagai suatu *manhāj* yang lengkap dalam menjelaskan matlamat serta tujuan hidup manusia. Beliau menegaskan bahawa setiap peringkat dakwah memerlukan pendekatan yang tersusun kerana ia melibatkan keseluruhan ilmu pengetahuan yang digunakan dalam usaha membimbing manusia ke arah kebenaran. Dakwah menurut beliau bukan sekadar seruan atau ajakan, tetapi merupakan petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT yang menjadi panduan hidup manusia menuju kesejahteraan sebenar (Zin, 1991).

Menurut Al-Aluri (1979) telah menerangkan bahawa dakwah memalingkan pemikiran dan pandangan manusia kepada pemikiran dan pandangan berdasarkan akidah. Ini kerana dakwah merupakan satu ajakan dan seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kelalaian dan kesesatan yang hampir terjerumus ke dalamnya. Firman Allah SWT:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ ۚ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ

وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Terjemahan:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

(Yusuf: 108)

Menurut Zuhaily (1998) dalam *Tafsir al-Munir*, beliau menjelaskan tentang maksud dakwah berpandukan ayat ini bahawa Allah telah menjelaskan tentang bukti tujuan dakwah nabi SAW dan kepercayaannya terhadap nabi SAW. Yang dimaksudkan dakwah disini ialah dakwah kepada jin dan manusia supaya mereka dapat ikuti dakwah nabi SAW untuk mengesakan Allah SWT dengan tidak mensyirkannya dan menyeru kepada agama Allah Taala dengan penuh yakin dan jelas serta mengajak untuk mempercayai tentang kerasulan nabi Muhammad SAW. Menurut Zaidan (2023), dalam karyanya *Usul al-Da'wah*, konsep dakwah ditafsirkan sebagai satu seruan kepada Allah SWT. Beliau menjelaskan bahawa dakwah bererti menyeru manusia kepada Allah, yakni menyeru kepada agama-Nya iaitu agama Islam yang telah diutuskan kepada nabi Muhammad SAW melalui wahyu daripada Tuhan Yang Maha Esa. Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۚ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا

جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۚ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

﴿١٩﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya.

(Al-Imran: 19)


2.3 Pelaksanaan Dakwah Berpaksikan kepada Empat Asas Utama

Menurut Zaidan (2023) pelaksanaan dakwah berpaksikan kepada empat asas utama sebagaimana dihuraikan dalam karya beliau *Usul al-Da‘wah*. Beliau membahagikan konsep asas dakwah kepada empat komponen penting, iaitu:

- i) Kandungan dakwah (*Maudhu‘ al-Da‘wah*) merujuk kepada mesej atau isi ajaran yang disampaikan, berteraskan al-Quran dan sunnah.
- ii) Pendakwah (*al-Dā‘ī*) individu yang memikul tanggungjawab menyampaikan risalah Islam dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.
- iii) Penerima dakwah (*al-Mad‘ū*) golongan sasaran yang menjadi tumpuan penyampaian dakwah, dengan mengambil kira latar belakang dan keperluan mereka.
- iv) Metode dakwah (*Wasilah al-Da‘wah*) kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan penyampaian dakwah mencapai keberkesanan dalam pelbagai konteks masyarakat.

Empat asas ini saling berkait dalam membentuk kerangka pelaksanaan dakwah Islam yang menyeluruh dan berkesan (Zaidan, 2023). Mengikut huraian ini, pengkaji mendapati medium dakwah adalah antara tempat yang sesuai sebagai Wasīlah Da‘wah, manakala ilmu agama sebagai kandungan dakwah, golongan ustaz dan ustazah pula sebagai pendakwah yang menyeru dan mengajak kepada agama Islam secara sistematik kepada golongan awam yang merupakan sebagai penerima dakwah. Dan demikian juga

dakwah ini merangkumi kepada mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan ramadhan, melakukan ibadah haji dan berdakwah kepada Allah, malaikatnya, kitab-kitabnya, Rasul-Rasulnya, kebangkitan selepas kematian, dan beriman kepada takdir Allah yang Allah tetapkan samada baik dan buruknya kepada manusia serta berdakwah kepada pengabdian melakukan ibadah kepada Tuhannya seolah-olah Allah melihatnya (Afifi, 2024). Rajah dibawah (Rajah 2.2) merupakan ringkasan asas pelaksanaan dakwah:



Rajah 2.2 Asas Pelaksanaan Dakwah (*Usul al-Da'wah*)

2.4 Persiapan Dakwah Yang Digariskan Oleh Zaidan (2023)

Menurut Zaidan (2023), pendakwah perlu mempersiapkan diri dengan persiapan-persiapan yang matang agar tugas yang diberikan untuk menyampaikan dakwah itu dapat dilaksanakan dengan hasil yang baik. Persiapan itu memerlukan kepada 3 perkara yang penting.

2.4.1 Ilmu pengetahuan yang luas


Golongan pendakwah mestilah mempunyai pandangan yang luas dan mengetahui apa yang akan disampaikan samaada yang berhubungan dengan perbuatan, perkataan, dan mengetahui apa yang harus ditinggalkannya. Jika pendakwah tidak mempunyai pengetahuan yang baik, maka termasuklah di dalam golongan yang jahil tentang apa yang dikehendaknya maka secara tidak langsung mereka akan berdakwah tentang Allah dan rasul tanpa pengetahuannya. Maka apabila terjadi yang demikian itu, kemudharatannya akan menjadi lebih banyak berbanding kemanfaatannya. Kerosakan akan menjadi lebih banyak dari kebbaikannya. Barangkali terjadi pendakwah yang jahil ini menyuruh sesuatu perkara yang munkar dan mencegah perbuatan yang maaruf begitu juga berkaitan perkara yang dihالalkan dan diharamkan di dalam syarak (Zaidan, 2023). Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan oleh Zaidan (2023) ialah ilmu yang berdasarkan dalil al-Quran dan Sunnah atau dalil-dalil dari syara' yang lainnya. Seharusnya seseorang muslim dan pendakwah selalu menambah ilmu pengetahuannya tentang agama dan memperkembangkannya supaya agama yang dianutinya dapat dikuatkan dengan dalil dan bukti sehingga seseorang muslim itu tidak akan melakukan dan menyuruh orang lain selain kepada perkara yang benar dan tidak pula mencegah dirinya dan orang lain melainkan terhadap perkara yang batil (Zaidan, 2023).

2.4.2 Iman yang kuat

Yang dimaksudkan dengan persiapan iman yang kuat ini ialah keyakinan pendakwah terhadap agama Islam yang telah dianugerahkan oleh Allah kepadanya dan diberi tugas agar disampaikan di dalam dakwahnya dan kerana itulah dia menganggap agama itu merupakan petunjuk yang benar dan selainnya adalah sesat dan batil (Zaidan, 2023). Seorang pendakwah yang memiliki iman yang kuat tidak dapat digoyahkan oleh ancaman sekalipun dia mengalami pelbagai kesulitan dan penderitaan lebih-walaupun jumlah orang yang mengikuti dakwahnya hanya sedikit dan dalam keadaan lemah sedangkan orang yang tidak mengikuti dakwahnya berjumlah ramai dan kuat. Semua ini tidak menimbulkan rasa putus asa dan takut dalam menyebarkan dakwah (Zaidan, 2023).

2.4.3 Hubungan yang terus menerus dengan Allah Taala.

Maksud hubungan terus menerus kepada Allah Taala adalah hubungan pendakwah dengan Tuhannya dan penyerahan jiwanya kepada Allah Taala di dalam semua keadaan dengan meyakini bahawa Allah sahajalah yang mampu memberikan manfaat dan mudharat kepadanya serta meyakini bahawa apa yang dikehendakinya pasti akan terjadi atau tidak akan terjadi sesuatu perkara dan kepada Allah Sahaja mereka bertawakkal menyerahkan segala-galanya terutamanya di dalam menjalankan tugas sebagai pendakwah di dalam meninggikan martabat agama Allah dan menentang musuh-musuh agamanya (Zaidan, 2023). Pendakwah mestilah di dalam penyerahan diri yang sepenuhnya kepada Allah mestilah seperti penyerahan seorang bayi kepada ibunya yang tidak kenal manusia lain selain ibunya dan tidak akan mengharapkan sesuatu pergantungan melainkan hanya kepada ibunya, apabila bayi itu tersedar tiada nama lain yang dipanggil melainkan ibunya. Namun ibarat ini bukan bermaksud perlu meninggalkan usaha dan ikhtiar tetapi yang dimaksudkan ialah tidak menyandarkan sekali-kali hanya kepada usaha dan ikhtiar tetapi perlu juga disamping usaha dan ikhtiar itu bertawakkal kepada Allah Taala (Zaidan, 2023). Rajah dibawah (Rajah 2.2) merupakan ringkasan persiapan dakwah menurut Zaidan (2023):



Rajah 2.3 Ringkasan Persiapan Dakwah Zaidan (2023)

2.5 Dakwah Kontemporari

Menurut kamus dewan edisi ke-4, kontemporari membawa maksud semasa atau masa kini. Dakwah kontemporari merupakan dakwah pada masa kini yang perlu dilaksanakan. Menurut Daud dan Abdullah (2020), Penglibatan pendakwah muslimah dapat memberikan kesan yang baik dalam dakwah kontemporari kerana mempunyai pendekatan yang lebih tertutup dan terkesan yang bersifat kewanitaan dan kekeluargaan amat diperlukan dan mempunyai peranan yang amat besar dalam menyampaikan mesej dakwah seperti isu syariah, akhlak, akidah, isu semasa wanita dan masyarakat berlandaskan dalil-dalil dari al-Quran Oleh yang demikian, pendakwah muslimah berperanan menyampaikan dakwah tanpa ada halangan atau kekangan yang tidak melanggar syariat sebagaimana yang digalas tanggungjawab oleh 'Ummahātul Mukminīn di zaman pemerintahan Rasulullah SAW. Dalam kajian Nazim (2015) ada menjelaskan bahawa kehebatan dalam diri sahshiah isteri-isteri Rasulullah SAW menjadi contoh tauladan dalam memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dakwah.

Menurut Noordin et al (2019), menjelaskan dalam kajiannya bahawa pentingnya penglibatan pendakwah selebriti muslimah yang mampu menjadi agen perubahan bagi mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan pertengahan. Kajiannya membawa kepada dua implikasi. Implikasi pertama adalah bagi memperkasakan dakwah wanita, keperluan mendengar dan memahami amat diperlukan. Implikasi kedua adalah menyatukan pendakwah selebriti muslimah amatlah diperlukan dalam institusi dakwah di peringkat negara supaya suara mereka didengari dan menjadi salah satu usaha untuk menyelesaikan pelbagai bentuk masalah dan cabaran lebih-lebih lagi cabaran dakwah kontemporari. Terdapat empat cabaran pengurusan masyarakat oleh pendakwah selebriti muslimah iaitu perubahan mendadak dunia globalisasi (*volatility*), ketidakpastian penerimaan atau penentangan dakwah oleh pihak sekeliling (*uncertainty*), kerumitan mengurus pelbagai ideologi masyarakat (*complexity*) dan kekaburan antara dakwah dan profesion (*ambiguity*).

Keberkesanan dalam menyampaikan dakwah juga perlu diambil kira. Menurut kajian Supriyanto (2018), dakwah yang berkesan adalah apabila dakwah yang disampaikan itu memberi kesan yang baik kepada penerima dakwah dan ia dapat dinilai melalui kefahaman dan kesenangan dalam hati penerima dakwah, membawa kesan dan pengaruh yang baik kepada *mad'ū*, dapat mencipta hubungan yang baik antara pendakwah dan penerima dakwah dan dapat dapat melahirkan tindakan yang positif dari

apa yang disampaikan. Menurut Daud dan Abdullah, (2020), dalam menyempurnakan penyampaian dakwah memerlukan perbagai cara antaranya menggunakan *uslub* dakwah secara hikmah, secara perdebatan yang baik ditambah lagi dengan memberikan kefahaman yang baik kepada masyarakat tentang isu-isu semasa.

2.6 Strategi Dakwah Kontemporari Yang Sesuai Digunakan

Pelbagai pendekatan dakwah yang perlu dilaksanakan oleh pendakwah selagi ia tidak bercanggah dengan hukum-hukum agama Islam. Tugas dakwah ini bukan digalas oleh para 'asatizah sahaja melalui ceramah semata-mata bahkan ia juga boleh dilaksanakan melalui keteladanan akhlak mulia yang ditampilkan oleh semua yang bergelar umat Islam. Dalam Islam tiada pendekatan dakwah yang dikhususkan bagi melaksanakan dakwah tetapi digalakkan untuk melalui pelbagai pendekatan dan medium yang bersesuaian selagi ia tidak bertentangan dengan apa yang digariskan dalam Islam. Hatim dan Sahad (2020) menyatakan bahawa penyampaian dakwah masa kini tidak lagi terikat dengan cara berceramah atau pendekatan mengikut tradisi semata-mata, bahkan ia perlu kepada pendekatan yang kontemporari supaya ia dapat memenuhi keinginan sasaran dakwah. Dalam melaksanakan tanggungjawab aktiviti dakwah, komunikasi serta strategi pengurusan dakwah yang berkesan akan menentukan kesan yang diperolehi menerusi dakwah yang terancang. Kaedah dan model yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah dijadikan rujukan bagi melaksanakan perancangan dan pengurusan yang mampu menghasilkan mesej dakwah kepada golongan yang disasarkan mengikut kemampuan dan kepelbagaian keadaan penerimaan dakwah.

Medium dakwah yang sedia ada perlu dipelbagaikan. Oleh itu dakwah ini perlu kepada pendekatan yang berstrategi dan pelbagai mengikut keadaan dan suasana semasa. Ini kerana keberkesanan dalam penyampaian melalui strategi-strategi yang tersusun lebih berkesan. Menurut Zawawi et al. (2016), antara langkah awal yang perlu dilakukan ialah menyediakan kerangka dan pemilihan strategi yang tepat dalam aktiviti dakwah Islamiah. Ismail dan Osmani (2024) menyatakan strategi dakwah kontemporari ialah pendakwah perlu menguasai kaedah penyampaian yang sesuai di era globalisasi. Kaedah multimedia yang tidak mempunyai had dapat menjamin keberkesanan penyampaian info dakwah kepada semua lapisan masyarakat.

Pendekatan dakwah yang lebih relevan juga memainkan peranan penting mengikut peredaran masa kini yang boleh menarik ramai masyarakat agar berminat

dengan pengajian agama. Johari (2016) ada menyatakan dalam kajiannya bahawa medium pendidikan agama Islam di masjid, madrasah, sekolah dan pondok masih menggunakan kaedah penyampaian yang tradisional. Menurut Mohd Ali bin Mohd Yusuf dan Ibrahim (2015), kaedah ini masih di peringkat sederhana. Pendakwah harus diiringi didalam dakwahnya dengan jentera yang bertenaga dan menggunakan pendekatan dakwah yang lebih bijaksana serta melalui media yang beraneka jenis (Alauddin, 2016). Terlalu banyak pendekatan dan strategi dakwah yang sesuai digunakan pada masa kini. Mengikut pemerhatian dan penelitian pengkaji, antara strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan pada masa kini adalah seperti yang dibincangkan pada bahagian berikutnya.

2.6.1 Dakwah Melalui Personaliti Yang Baik

Menurut Kamus Dewan yang ke-4, personaliti bermaksud keperibadian dan perwatakan. Personaliti yang baik merupakan antara strategi dakwah yang sangat penting kerana masyarakat akan melihat dan mengikut apa yang dibawa dan ditonjolkan oleh pendakwah.

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

﴿٣٣﴾

Terjemahan:

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!.

(Fussilat: 33)

Menurut Zuhaily (1998), ayat ini merupakan pujian dan penghargaan tertinggi kepada orang yang menyeru manusia kepada Allah sambil dia sendiri beramal saleh dan mengikrarkan dirinya sebagai Muslim. Ayat ini mengajarkan bahwa dakwah (mengajak kepada Allah) bukan semata ucapan kosong, tetapi mesti disertai amal dan keteguhan iman iaitu dakwah, amal dan identiti Muslim. Seorang pendakwah harus berusaha untuk menjaga personaliti, keperibadian dan perwatakan. Ia juga perlu dibimbing dengan ilmu

dan persiapan yang baik agar sentiasa berterusan dengan akhlak yang baik. Walaupun dakwah dikategorikan dalam perkara yang boleh diusahakan, tetapi ia bukanlah satu ilmu yang boleh ditalqinkan begitu sahaja dan mampu dipelajari menurut kelebihan diri dan bakat. Dakwah berkait rapat dengan sikap dan akhlak. Bagi mereka yang mempunyai dan memiliki ketinggian akhlak menurut Islam sebenarnya telah memiliki ciri seorang pendakwah yang sebenar dan apabila ketinggian akhlak diadun dengan strategi dakwah yang betul nescaya akan menghasilkan natijah yang terbaik dalam dakwah. (JAIS ,2016).

Menurut Zaidi dan Muhamat (2020), personaliti pendakwah memainkan peranan yang penting kepada masyarakat sebagai satu langkah dan usaha untuk melakukan perubahan nilai yang positif yang sesuai dengan objektif dakwah Islamiah dan ia dibentuk berdasarkan ciri-ciri dalaman dan luaran yang perlu dimiliki dalam diri seorang pendakwah muslimah seperti memiliki sifat sabar yang tinggi, akhlak yang baik, berilmu pengetahuan yang baik, penampilan yang kemas dan sebagainya. Pendekatan personaliti yang berkesan mampu menarik perhatian dan memberi pengaruh kepada sasaran dakwah supaya dapat menerima Islam dan mempraktikkannya. Oleh itu, keupayaan dan usaha yang bersungguh dalam mempraktikkan personaliti sebenar seorang pendakwah muslimah dengan konsisten akan dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada kecemerlangan dakwah yang diusahakan (Zaidi & Muhamat, 2020).

Abdullah et al, (2019) dalam kajiannya mengatakan bahawa pentingnya penglibatan pendakwah muslimah dalam dakwah remaja dan masyarakat seiring dengan pendakwah lelaki agar dapat saling lengkap melengkapi untuk menyelesaikan banyak masalah dalam membina jati diri remaja dan masyarakat. Ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan pendakwah dikalangan muslimah amat penting seiring dengan pendakwah lelaki yang mempunyai akhlak, jatidiri dan qudwah yang baik dan menjadikan Rasulullah sebagai contoh tauladan terbaik dalam menyempurnakan akhlak dalam dakwah bersama masyarakat. (Aisyah, 2023). Ciri-ciri pendakwah muslimah bersama remaja dan masyarakat perlu diambil berat dalam membina sendiri yang baik antaranya perlu memiliki ilmu-ilmu pengetahuan, berakhlak yang baik, lemah lembut dan hatinya sentiasa mengingati Allah. Pendakwah juga seharusnya meneliti semula dan meneladani kaedah dakwah yang disandarkan kepada keperibadian dan akhlak terpuji dan nabi Muhammad Saw adalah merupakan contoh teladan yang paling baik kepada ummah (Ismail & Latiff, 2020).

Menurut Zaidan (2023), ada menyebut di dalam bukunya *uslub al-da'wah* bahawa pendakwah mestilah berakhlak dengan akhlak yang sesuai dengan Islam seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran dan sunnah nabi Muhammad SAW. Antara akhlak yang baik yang paling penting perlu ada pada seorang pendakwah ialah berlaku benar, sabar, berkasih sayang, merendah diri dan bergaul dengan pergaulan yang baik (Zaidan, 2023).

2.6.2 Dakwah melalui Ilmu yang Bermanfaat

Di dalam Dakwah, ilmu merupakan perkara penting kerana ia merupakan *maudhū' al-da'wah* (isi dakwah) yang akan disampaikan kepada *mad'ū*. Firman Allah SWT:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ۚ وَاللَّهُ يَعْلَمُ

مُتَقَلِّبَكُمُ وَمَتَوَاكُم ﴿١٩﴾

Terjemahan:

Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadaNya bagi salah silap yang engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di akhirat).

(Muhammad:19)

Dalam ayat di atas menjelaskan bahawa sebelum bertindak dan melakukan sesuatu perkara, ilmu pengetahuan amat diperlukan dan ia merupakan perkara yang terpenting kerana sesuatu perkara yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh tidak mungkin dapat dikerahkan tanpa mengetahui bahkan tidak akan sempurna dan tidak akan mencapai sasaran yang dikehendaki serta akan menjadi gagal. Maka di sini difahami bahawa ilmu pengetahuan itu sangat perlu dan penting dalam semua keadaan, tindakan dan perbuatan di dalam menunaikan tugas dakwah kerana menurut ajaran agama Islam, ilmu pengetahuan itu dapat menyampaikan manusia kepada Tuhannya (Zaidan, 2023).

Menurut Ashaari dan Ahmad (2020), dalam kajiannya menjelaskan bahawa pentingnya bagi pendakwah muslimah dalam menyampaikan dakwah kontemporari memiliki ilmu dan kemahiran tertentu agar dapat menguasai cara yang terbaik untuk mendekati sasaran dakwah mengikut peredaran semasa. Dalam kajiannya juga menekankan tiga elemen penting yang perlu dilengkapkan iaitu elemen ilmu, elemen kemahiran dan elemen sikap. Elemen ilmu ditekankan kerana menurutnya kandungan dakwah terletak pada ilmu. Ia merangkumi dalam pelbagai ilmu sama ada ilmu yang sedia ada dan ilmu tambahan. Adapun elemen kemahiran ditekankan kerana ia merupakan nilai tambah untuk dilaksanakan dalam dakwah. Manakala elemen sikap ditekankan kerana ia merupakan satu inisiatif untuk berdepan dengan sasaran dakwah.

Menurut Al-Qardhawi (2009), pendakwah seharusnya mempelajari dan mendalami ilmu al-Quran dan al-Sunnah kerana ilmu al-Sunnah itu dapat memberikan gambaran tentang perjalanan kehidupan nabi SAW dan seterusnya memberikan pedoman mengenai sirah nabi dan para sahabat. Antara ilmu lain yang perlu dikuasai oleh pendakwah juga ialah seperti ilmu akhlak, tasawwuf, ilmu Sejarah sama ada yang berkaitan tentang ketamadunan manusia, Sejarah agama lain, Sejarah islam dan sebagainya. Perlu juga menguasai ilmu Bahasa yang menjadi alat yang utama didalam komunikasi terhadap sasaran dakwah yang harus dikuasai. Selain itu, perlu juga menguasai ilmu yang dikarang oleh ahli falsafah dalam bidang ibadah, akidah, akhlak serta ilmu kemasyarakatan seperti Syed Qutb, Abu Al-Hasan Al-Nadawi dan Imam Al-Ghazali perlu dititikberatkan (Al-Qardhawi, 2009).

Seterusnya, para pendakwah harus mempelajari kepelbagaian ilmu agar mudah untuk memahami serta mendekati masyarakat. Diantara ilmu yang harus dimiliki oleh seorang pendakwah selain ilmu al-Quran dan al-Sunnah ialah ilmu psikologi, ilmu fekah, sains dan sebagainya (Ismail & Latiff, 2020). Pendakwah juga harus memiliki pengetahuan didalam ilmu kemanusiaan seperti sosiologi, psikologi, falsafah, ekonomi dan ilmu-ilmu yang lain seperti kejuruteraan, kimia, sains, kedokteran, teknologi dan sebagainya. Melalui penguasaan ilmu-ilmu ini dapat membantu para pendakwah didalam memahami sasaran dakwah dengan lebih rapat dan dekat dan ia merupakan perkara penting bagi memantapkan lagi isi kandungan dakwah yang diberikan oleh pendakwah. (Al-Qardhawi, 2009).

Diantara ilmu yang penting dikuasai ialah ilmu fikah yang membincangkan berkaitan hukum-hukum dalam Islam seperti ilmu muamalah, adab dan ibadah. Ilmu tersebut membolehkan para pendakwah menjawab soalan-soalan yang berkaitan halal

dan haram didalam sesuatu perkara, bijak menggandingkan ajakan dakwah melalui hukum-hukum asas didalam sesuatu subjek dan isu semasa serta boleh memperbetulkan kesalahan-kesalahan didalam hukum yang berlaku dikalangan sasaran dakwah itu (Nasir et al., 2024). Terdapat kepentingan dalam mendalami ilmu fekah bagi setiap Muslim adalah sangat perlu dititikberatkan kerana Islam menggalakkan umatnya keluar dari kejahilan terutamanya para pendakwah dan pendidik agama dalam mendidik masyarakat untuk memahami ilmu fikah. Didalam masa yang sama juga para pendakwah tidak boleh lari dari bersandarkan kepada rujukan yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah di dalam setiap hukum terhadap perkara yang dinyatakannya.

Selain wajib memiliki ilmu yang tinggi bagi memahami al-Quran dan al-Sunnah, pendakwah di era ini juga mesti memiliki kepakaran atau sekurang-kurangnya ambil tahu dengan pelbagai ilmu pengetahuan (Zuhdi, 2020). Disamping mempelajari dan menyebarkan ilmu, pendakwah harus meneliti juga hal-hal berkaitan adab dan akhlak agar dakwah yang diiringi dengan ilmu, adab dan akhlak itu dapat meninggalkan kesan yang baik kepada *mad'ū*. Ilmu yang tidak disertai dengan adab dan akhlak tidak akan mampu melahirkan pendakwah yang dikagumi dan hebat oleh masyarakat. Namun ilmu itu perlu diseimbangkan dengan adab dan akhlak yang baik kerana iblis juga mempunyai ilmu yang hebat dan tinggi tetapi mereka tiada adab yang dan akhlak yang baik bahkan mereka ingkar dan sombong dengan perintah Allah SWT (Zuhdi, 2020).

2.6.3 Dakwah melalui Institusi Masjid

Dakwah melalui institusi masjid merupakan antara strategi yang berkesan dan menjadi tumpuan dalam Tamuri (2021) menjelaskan bahawa masjid merupakan institusi keagamaan yang terpenting menyampaikan dakwah sejak zaman nabi Muhammad SAW sehingga kini. khususnya berkaitan dengan aspek pembangunan dan pendidikan masyarakat Islam serta mempunyai peranan yang amat besar melalui pelbagai program, agenda dan pengimaran agar masjid dapat membawa orang Islam ke pangkuan agama dan ia menjadi keperluan yang dituntut ketika umat Islam dalam krisis akidah sosial, politik dan permasalahan umat yang kritikal dengan pelbagai masalah. Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan iaitu *one stop centre* (pusat satu hentian) ilmu dan masyarakat. Antaranya seperti pusat pendidikan formal dan tidak formal, pusat pembangunan teknologi informasi dan komunikasi ummah,

pusat dakwah luar masjid, pelindungan dan latihan saudara baharu, pusat dakwah luar masjid dan pemantapan pengurusan masjid (Tamuri, 2021).

Daripada kajian Tamuri (2021) ini, beliau jelas menunjukkan bahawa peranan masjid yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW dan zaman keemasan Islam telah berjaya meletakkan umat Islam berada di puncak peradaban tamadun dunia dan kecemerlangan. Kepentingan peranan ini telah terbukti dalam sejarah Islam bermula pada permulaan Islam sehinggalah sekarang. Sejarah yang berfakta ini akan dapat menjernihkan dan memperbetulkan semula persepsi serta kefahaman sesetengah anggapan yang sempit, beku dan kolot terhadap peranan masjid dalam sejarah masyarakat Islam. Diantara ganjaran yang dijanjikan Allah kepada orang yang memakmurkan masjid sebagaimana sabda oleh nabi SAW:

مَنْ جَاءَ مَسْجِدِي هَذَا، لَمْ يَأْتِهِ إِلَّا لِحَيْرٍ يَتَعَلَّمُهُ أَوْ يُعَلِّمُهُ، فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الْمُجَاهِدِ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَمَنْ جَاءَ لِغَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الرَّجُلِ يَنْظُرُ إِلَى مَتَاعِ غَيْرِهِ

Terjemahan:

Barangsiapa yang mendatangi masjidku ini, tidaklah dia datang melainkan kerana sesuatu kebaikan yang dia pelajari atau mengajarkannya, maka dia seperti orang yang berjihad di jalan Allah. Dan barangsiapa yang mendatanginya disebabkan selain daripada itu, maka dia seperti seseorang yang melihat barang milik orang lain.

(Hadis Ibnu Majjah: 227)

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَخَلَ مَسْجِدَنَا هَذَا لِيَتَعَلَّمَ حَيْرًا، أَوْ لِيُعَلِّمَهُ، كَانَ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ،
وَمَنْ دَخَلَهُ لِغَيْرِ ذَلِكَ، كَانَ كَالنَّاظِرِ إِلَى مَا لَيْسَ لَهُ

Terjemahan:

Barangsiapa yang memasuki masjid kami ini untuk mempelajari kebaikan atau mengajarkannya seperti seseorang yang berjihad di jalan Allah. Dan barangsiapa yang memasukinya disebabkan selain daripada itu, maka dia seperti seseorang yang melihat sesuatu yang bukan miliknya.

(Riwayat Ahmad: 8603)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:
 وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارِسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا
 نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَغَشِيَتْهُمْ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ
 عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ".

Terjemahan:

Dari Abu Hurairah RA. katanya Rasulullah SAW. bersabda: Bila suatu kaum berkumpul di salah satu rumah Allah (masjid) lalu mereka membaca Kitabullah dan mempelajarinya sesama mereka, diturunkan kepada mereka ketenangan dan diselubungi mereka dengan rahmat. Mereka dikerumuni oleh para malaikat dan Allah menyebut-nyebut dengan bangga kepada orang-orang yang di dekat-Nya. Sedangkan orang yang lalai beramal, ia tidak akan dapat mengejar ketinggalannya dengan gelar kebangsawannya."

(Riwayat Muslim: 2699)

Melalui hadis dan al-Quran ini jelas menunjukkan peranan masjid dalam penyebaran dakwah amat penting dari zaman pemerintahan nabi SAW sehingga sekarang bahkan sehingga akhir zaman.

2.6.4 Dakwah Melalui Kemahiran Dalam Penyampaian (*'al-Da'wah Bil Kalām*)

Komunikasi merupakan perkara penting bagi seorang pendakwah agar dakwah sampai kepada *mad'ū* lebih berkesan. Namun ia perlu kepada kemahiran di dalam penyampaian. Dakwah melalui komunikasi yang berkesan dapat memberikan impak dan kesan yang besar didalam kehidupan seseorang. Ini menunjukkan penguasaan komunikasi terlalu penting didalam membentuk sesebuah dakwah yang berkesan. (Mokhtar et al.,2021). Menurut (Ibn 'Āsyūr. 1433), didalam kitab yang dikarangnya *'Usūlul Insyā' Walkhiṭābah* menerangkan bahawa berpidato (pengucapan awam) merupakan satu rukun yang hebat dan merupakan di antara adab ketika bersosial bersama masyarakat untuk menghasilkan penghalusan intipati dan mendorong mereka untuk melakukan apa yang terbaik untuk kepentingan mereka dan menenangkan emosi mereka ketika mereka sedar dan menggalakkan semangat mereka ketika bertemu.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2016) komunikator (pendakwah) dan audiens (penerima dakwah) merupakan antara unsur yang terpenting bagi mempengaruhi keberkesanan dakwah. Adapun matlamat komunikasi mengikut yang digariskan dalam Islam adalah untuk mencapai keadilan, keamanan, ukhuwah dan kemakmuran kehidupan didunia serta mendapat keredhaan Allah SWT di Akhirat. Dakwah juga akan terbantut apabila komunikasi dan penyampaian tidak memenuhi apa yang diperlukan oleh *mad'ū*. Pendakwah perlu juga menguasai seni khutbah. Menurut Musa (2009) di dalam kitabnya '*at-Tamayyūz Fil khiṭābah Wal al-Ilqā'*, Khutbah merupakan di antara wasilah dakwah yang mempunyai nilai kemuliaan dan ketinggiannya di dalam dakwah. Keseluruhan nabi menggunakan khutbah untuk berdakwah atau komunikasi kepada kaum-kaum mereka diikuti dakwah mengikut peredaran masa sehingga menjadi alat komunikasi mingguan dan salah satu kewajipan Islam. Khutbah (pengucapan awam) juga merupakan kesenian untuk berucap dikhalayak ramai melalui penyampaian yang spontan termasuk memberi keyakinan dan menghasilkan kecenderungan terhadap apa yang disampaikan.

Di dalam kitab '*al-Khiṭābah 'Indal 'Arab* karangan (Muhammad Al-khadru Husain Al-Qaherah, 1346), beliau menjelaskan bahawa kebangkitan seni berpidato bermula sejak kedatangan Islam di mimbar-mimbar. Antara tujuan utama kebangkitan tersebut ialah untuk menyeru manusia ke jalan hidayah Islam. Pada peringkat awal kemunculan Islam, aktiviti berpidato ini telah dipelopori oleh golongan lelaki yang tampil mendahului dalam arena pengucapan awam. Khutbah ketika itu memainkan peranan yang lebih besar berbanding syair, malah kedudukannya diangkat tinggi dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana, pada masa tersebut, karya puisi dan syair mengalami kemerosotan nilai akibat wujudnya unsur pembaziran dalam pujian, kekasaran dalam sindiran, kemewahan hidup ketika muda, serta kecenderungan kepada pujian melampau dan celaan yang keterlaluan. Selain itu, pemikiran, perilaku dan sikap akan dapat difahami melalui disiplin psikologi sosial. Pendakwah perlu mengetahui dan memahami latar belakang, persekitaran dan suasana audiens (*mad'ū*) ini agar matlamat komunikasi dan dakwah mampu memberikan hasil yang baik dan Rasulullah SAW merupakan seorang contoh pendakwah terbaik dalam menyampaikan dakwahnya mengajak manusia kepada nur Islam seperti yang dinyatakan dalam al-Quran (JAIS, 2016).

2.6.4.1 Konsep 'ad-Da'wah Bil Kalām Menurut Al-Quran

Komunikasi yang baik juga berperanan memberikan kesan yang baik kepada penerima dakwah. Antara tujuan komunikasi dakwah adalah untuk menerangkan, meyakinkan, menimbulkan kesan yang baik dan menggerakkan masyarakat sebagai *mad'ū* untuk melakukan apa yang disampaikan dalam dakwah. Menurut Mubasyaroh (2017), di antara strategi komunikasi yang baik ialah dengan menggunakan kaedah komunikasi persuasif iaitu komunikasi yang boleh mempengaruhi *mad'ū* sehingga boleh membangkitkan kesedaran untuk menerima dan melaksanakan nilai-nilai yang baik dengan tindakan. Komunikasi persuasif dapat diperhatikan dengan prinsip-prinsip dakwah yang digariskan dalam al-Quran iaitu *qaulān ma'rufā* (perkataan yang baik), *qaulān layyinān* (perkataan yang lembut), *qaulān sādīdān* (perkataan yang benar dan jujur), *qaulān bālighā* (perkataan yang sampai dan mudah difahami), *qaulān karīmā* (perkataan yang mulia), *qaulān maysūrā* (perkataan yang mudah difahami). Jadual dibawah (Jadual 2.1) merujuk kepada prinsip-prinsip dakwah yang digariskan dalam Al-Quran:

Jadual 2.1

Prinsip-Prinsip Dakwah Yang Digariskan Dalam Al-Quran

No.	Jenis prinsip	Terjemahan dalil	Rujukan
1	<i>Qaulān Ma'Rufā</i> (perkataan yang baik)	“Dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).”	[Al Ahzab:32]
2	<i>Qaulān Layyinān</i> (perkataan yang lembut)	"Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".	[Ta Ha:44]
3	<i>Qaulān Sādīdān</i> (perkataan yang benar dan jujur)	“Hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul	[An Nisa":9]

		(menepati kebenaran)”
4	<i>Qaulān Bālighā</i> (perkataan yang sampai dan mudah difahami)	Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan [An Nisa":63] nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka.
5	<i>Qaulān Karīmā</i> (perkataan yang mulia)	Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau [Al Isra":23] kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah

		engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).
6	<i>Qaulān Maysūrā</i> (perkataan yang mudah difahami)	Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka, kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang [Al Isra":28] engkau harapkan, maka katakanlah kepada mereka kata- kata yang menyenangkan hati.

Panduan ini merupakan ayat Allah yang suci menjelaskan dan mempamerkan kaedah komunikasi dakwah yang berkesan dan efektif dengan menggunakan kalimah-kalimah yang menjadi perinsip didalam gaya penyampaian serta penggunaan bahasa yang digunakan (Abdullah, 2024). Dakwah yang disampaikan oleh nabi Muhammad SAW menggunakan beberapa metode, antaranya *bil hikmah*, *mau'izah hasanah*, dan *mujādalāh*. Penggunaan metode-metode ini berbeza mengikut situasi yang dihadapi baginda pada ketika itu. Oleh itu, nabi SAW menyesuaikan pendekatan dakwah dengan keadaan masyarakat di Kota Makkah. Metode yang paling dominan digunakan oleh nabi Muhammad SAW semasa fasa dakwah di Makkah ialah metode *bil hikmah*. Hal ini kerana pada waktu tersebut masyarakat Makkah masih belum mengenal agama Islam, maka baginda memfokuskan kepada penyampaian ajaran yang baik dan penuh kebijaksanaan. Pendekatan ini bertujuan agar dakwah baginda dapat diterima dengan lebih baik oleh masyarakat (Firdaus, 2020) sebagaimana Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْ لَهُمُ الْبَالَتِ هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ

رَبِّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Terjemahan:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan kamu lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalanNya dan siapakah yang yang mendapat petunjuk.

(Al-Nahl: 125)

Menurut Ab Rahman et al. (2011), ayat tersebut dianggap sebagai tonggak utama yang menggariskan asas dakwah serta kaedah pelaksanaannya. Ayat ini turut menjelaskan saranan-saranan dan pendekatan dalam memperjuangkan dakwah Islam, di samping menetapkan garis panduan dakwah yang ditujukan kepada Rasulullah SAW serta kepada para pendakwah selepas baginda. Kesemuanya berfungsi sebagai panduan dalam usaha menyampaikan agama Allah SWT secara menyeluruh dan berkesan. Zuhaily (1998) turut menjelaskan makna ayat tersebut bahawa dakwah ke jalan Allah SWT serta usaha untuk mentauhidkan-Nya atau mengenal-Nya merupakan perkara yang bersifat *darūri* (keperluan asas) untuk dipelajari. Hal ini kerana ia merupakan asas terpenting dalam kehidupan beragama. Beliau turut menggariskan pelbagai kaedah dan *uslūb* dakwah yang berlandaskan kebijaksanaan dan pendekatan yang baik, yang mampu memberi kesan mendalam kepada hati para *mad'ū* (sasaran dakwah). Kesimpulannya, pendekatan yang digariskan dalam al-Quran iaitu hikmah, pelajaran yang baik dan bantahan dengan cara yang baik merupakan antara pendekatan dakwah yang sesuai yang sudah pun digunapakai oleh nabi SAW di dalam dakwahnya terhadap sasaran dakwahnya nya sehingga dapat memikat hati dan mempengaruhi *mad'ū* supaya dapat menerima ajaran Islam sebagai panduan dan sebagai cara hidup mereka.

2.6.5 Dakwah Melalui Penulisan (Dakwah Bil Qalam)

Mengikut konteks dizaman globalisasi kini, dakwah melalui penulisan terdiri daipada *da'ī* yang merupakan sebagai elemen penulis, *mad'ū* sebagai pembaca yang akan menggunakan penulisan ini sebagai tempat atau medium untuk disampaikannya kepada pembaca. Proses interaksi di antara *da'ī* penulis dengan *mad'ū* berupa pesanan

atau mesej yang baik serta berpandukan kepada perkara-perkara yang berlandaskan syariah (Osman, 2018). Menurut Fitria dan Aditia (2019), dalam era moden yang sarat dengan perkembangan teknologi canggih, penyampaian dakwah tidak lagi memadai jika hanya bergantung kepada metode lisan semata-mata, bahkan ia memerlukan kepada pendekatan tambahan yang mampu menjadi penghubung antara komunikator dan komunikan dengan jangkauan yang lebih luas. Sehubungan itu, pelaksanaan komunikasi dakwah melalui dakwah *bil qalam* menjadi salah satu metode yang relevan dan berkesan dalam memperluas penyebaran mesej dakwah secara lebih sistematik dan inklusif. Menurut (Osman, 2018), Dakwah melalui penulisan merupakan diantara strategi dakwah kontemporari dimasa kini. Ia sudah pun dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sejak pemerintahannya untuk menyebarkan islam kepada wilayah-wilayah berhampiran. Malah galakan dan tuntutan dari Allah SWT untuk menghasilkan bahan bacaan melalui penulisan supaya dapat dihayati ini ada disebut melalui firman Allah SWT didalam Surah al-Qalam ayat 1:

ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

Terjemahan:

Nun. Demi pena dan apa yang mereka tulis.

(Al-Qalam: 1)

Menurut al-Qurtubī, huruf tunggal “ن” (*Nūn*) merupakan salah satu *al-ḥurūf al-muqaṭṭa‘āt* yang maknanya hanya diketahui oleh Allah SWT, namun para ulama memberikan beberapa pandangan. Beliau menyebut bahawa sebahagian mufassir berpendapat “ن” ialah nama salah satu makhluk Allah, ada yang menafsirkannya sebagai tinta (*al-midād*), dan ada juga yang menyatakan ia merujuk kepada seekor ikan besar (*al-ḥūt*) yang menjadi simbol kekuasaan Allah dalam penciptaan (al-Qurtubī, 2003). Dalam frasa “وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ”, al-Qurtubī menjelaskan bahawa Allah bersumpah dengan pena sebagai lambang ilmu, kerana dengannya segala catatan, wahyu, ilmu, dan ketetapan ditulis. Beliau menegaskan bahawa sumpah ini menunjukkan kemuliaan ilmu dan tulisan, serta menjadi dalil bahawa ilmu adalah asas petunjuk dan kemajuan manusia (al-Qurtubī, 2003, 68:1). Al-Qurtubī turut menyatakan bahawa para malaikat menggunakan pena untuk mencatat segala amalan manusia, serta menulis takdir dan wahyu. Oleh itu, sumpah Allah dengan pena membawa makna bahawa seluruh kehidupan manusia terikat kepada ilmu yang dicatat oleh pena, dan ia menunjukkan

keagungan wahyu Al-Qur'an sebagai sumber kebenaran yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW.

Dakwah *bil qalam* sebagai salah satu metode dakwah berperan penting dalam mengatasi keterbatasan dakwah yang disampaikan secara lisan. Dakwah *bil lisān*, meskipun efektif dalam situasi tertentu, mempunyai kekangan dari segi jangkauan dan keterikatan waktu. Kekurangan ini dapat dilengkapi melalui dakwah *bil qalam*, yang mampu menyampaikan mesej dakwah secara lebih meluas dan berkekalan (Fitria & Aditia, 2019). Model penulisan ini menjadi satu inspirasi didalam perkembangan dakwah yang berbentuk penulisan dan dimanfaatkan seiring dengan kelebihan teknologi media massa di zaman kini khususnya media massa seperti majalah, surat khabar, buku-buku, buletin, kuliah-kuliah yang bertulis, risalah-risalah dan sebagainya yang terkandung mesej-mesej dakwah dan masih relevan digunakan sehingga kini. (Osman, 2018).

Dakwah *bil qalam* sebagai metode komunikasi dakwah berupaya memberikan peluang kepada *mad'ū* untuk memilih pesan dakwah yang sesuai dengan kemampuan, keperluan dan tahap pemahaman mereka. Selain itu, melalui pendekatan ini, pesan dakwah dapat dibaca berulang kali, dihentikan sementara atau disambung semula pada bila-bila masa apabila *mad'ū* memerlukan pemahaman yang lebih mendalam. Keanjalan ini menjadikan dakwah *bil qalam* tidak terikat oleh batasan waktu, sekali gus memungkinkan penyampaian dakwah mencapai khalayak secara lebih luas dan berkesan (Fitria & Aditia, 2019). Justeru itu, galakan agar menulis untuk urusan kebaikan dengan menggunakan pen menunjukkan bahawa hubungan yang rapat bersama penulis didalam menyampaikan mesej dakwah kepada pembaca dan secara tidak langsung akan membentuk peribadi. Setiap penulisan hendaklah berpaksikan kepada matlamat yang jelas (Osman, 2018).

Matlamat tersebut merujuk kepada usaha memastikan tulisan yang dihasilkan dapat memberikan manfaat, bimbingan dan kesedaran kepada pembaca. Secara umum, antara tema utama yang menjadi asas kepada pembentukan matlamat dalam penulisan ialah rasa tanggungjawab, pembentukan contoh teladan (*role model*), dan komitmen terhadap amanah dan tugas penulisan itu sendiri. Selain itu, Matlamat didalam menyampaikan dakwah melalui penulisan adalah untuk menyebarluaskan mesej didalam penulisan yang mempunyai nilai-nilai yang berpandukan dengan Syariat didalam islam. Melalui dakwah ini juga ia dapat menggalakkan pembaca yang membaca penulisan agar berfikir dan menghayati segala mesej yang ingin disampaikan

supaya (*mad'ū*) pembaca dapat mengambil pengisian yang dipaparkan dalam penulisan untuk dijadikan panduan didalam kehidupan (Badrudin, 2017).

Menurut Fitria dan Aditia (2019), Melalui dakwah *bil qalam*, komunikan diberi peluang untuk memahami gagasan dan idea dakwah secara lebih mendalam dan menyeluruh melalui penulisan yang tersusun. Dengan cara ini, kesan yang terhasil daripada proses komunikasi dakwah dapat lebih selari dengan objektif penyampaian yang diharapkan. Selain itu, dakwah melalui penulisan dapat memberikan ruang dan peluang kepada *da'i* untuk berkongsi dan menerapkan mesej-mesej dan elemen-elemen yang positif seperti peringatan dan motivasi. Elemen ini juga mampu mengajak *mad'u* untuk mencapai matlamat perubahan didalam corak kehidupan untuk menjadi yang lebih baik (Badrudin, 2017). Justeru, penyebaran ilmu melalui penulisan mestilah disebarkan mengikut manhaj dan prosedur ilmu yang sebenar dengan mempelajari melalui ulama-ulama dan guru-guru yang faqih dan mahir di dalam bidang ilmu agama (Ab Rahim et al., 2023). Dakwah ini juga memerlukan kepada strategi yang tersusun. Strategi penyusunan naskah dakwah yang efektif bergantung kepada tiga komponen utama, iaitu pemilihan bahasa yang komunikatif, penyusunan struktur yang sistematik, dan penerapan pendekatan emosional yang mampu menyentuh hati. Ketiga-tiga komponen ini saling melengkapi dalam membentuk naskah dakwah yang bukan sahaja menjangkau aspek kognitif audiens tetapi turut mempengaruhi aspek afektif mereka. Strategi-strategi ini selaras dengan nilai-nilai komunikasi Islam yang tercermin dalam prinsip *tabligh*, hikmah, dan *mau'izah hasanah*, yang menekankan penyampaian dakwah secara bijaksana, jelas dan sarat dengan nasihat yang baik (Rosita, 2025).

Menurut (Ab Rahim et al., 2023), Strategi dan pendekatan yang berkesan didalam dakwah melalui penulisan ini perlu digunakan bagi memastikan mesej tepat, jelas dan difahami oleh pembaca. Kehebatan yang disumbangkan melalui penulisan oleh tok kenali didalam menyampaikan dakwah sehingga menjadi rujukan kepada para ilmunan. Ini dapat diperhatikan daripada pengorbanan dan jasa beliau yang disebut-sebut dan masih segar diseluruh masyarakat di Malaysia. Oleh itu, adalah penting bagi pendakwah untuk terus mengembangkan kemahiran komunikasi, memperkukuh literasi keislaman, serta menyesuaikan metode dakwah dengan idinamika sosial masyarakat semasa. Diharapkan bahawa dakwah yang disampaikan melalui naskah yang komunikatif, tersusun dan menyentuh hati mampu menjadi wahana transformasi moral dan spiritual dalam masyarakat yang semakin kompleks (Rosita, 2025).

2.6.6 Dakwah Melalui Kerjasama Berkumpulan

Adapun, kerjasama dalam kumpulan juga di antara satu galakan dan strategi yang baik untuk menyusun gerak kerja dakwah kontemporari supaya ia lebih kuat dan relevan di masa kini. Handayani (2020) menekankan tentang pendidikan sifat bekerja dalam kumpulan iaitu '*amal jamā'i*' atau '*teamworking*' telah dititikberatkan dalam Islam sama ada melalui al-Quran dan hadis Sifat bekerja dalam kumpulan ini perlu bermula dari keluarga. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقِيمُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُومٌ ﴿٤﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya Allah sukakan orang-orang yang berjuang di jalan-Nya dalam barisan seolah-olah satu binaan yang tersusun kukuh.

(Al-Saff:4)

Ayat di atas merupakan dorongan dan penghargaan Allah kepada orang-orang beriman yang bersatu menghadapi musuh di jalan Allah. bukan berperang secara sembarangan, tetapi pada barisan yang teratur dan tersusun. “Saf” di sini menunjukkan kedisiplinan, persatuan, kekompakan, bukan kekacauan. Barisan yang tersusun membuat mukmin-mukmin itu seperti bangunan teguh, yang bahagian-bahagiannya berpaut antara satu sama lain. Allah menegaskan bahawa dia juga mencintai orang-orang yang benar-benar beriman dan benar-benar berjuang, bukan sekadar cakap kosong (Zuhaily, 1998).

Menurut Handayani (2020) Salah satu ciri utama pendakwah yang berjaya ialah sifatnya yang gemar bermusyawarah. Musyawarah bermaksud menjalin komunikasi yang berkesan dengan individu-individu tertentu bagi menyatukan persepsi dan pandangan dalam usaha memastikan kelangsungan organisasi serta pencapaian matlamat bersama. Justeru, seorang pendakwah perlu membentuk *teamwork* (pasukan kerja) yang memiliki visi dan misi yang sama, beridentiti jelas, serta berakhlak mulia bagi melahirkan prestasi kerja yang produktif. Oleh itu, pemimpin dan pendakwah harus bersikap bijaksana serta mampu mengetepikan kepentingan peribadi demi kepentingan organisasi dan kesejahteraan bersama didalam *teamwork* (Handayani (2020). Kesimpulannya, sifat bekerja dalam kumpulan amat dituntut dalam Islam dan

merupakan amalan baik yang mempunyai pelbagai kelebihan berbanding bekerja secara bersendirian.

2.6.7 Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (Bil Hāl)

Islam adalah agama yang menugaskan umatnya supaya saling mengembangluaskan Islam, dan dari ini juga Islam disebut sebagai agama dakwah. Dakwah Bil Hāl merupakan dakwah yang menekankan dengan tindakan bukan hanya sekadar mengatakan melalui tuturkata tetapi ia juga memberi contoh yang baik sebagai tauladan. Diikuti dengan komunikasi yang baik akan memudahkan pendakwah didalam menyampaikan dakwahnya (Gunawan & Abdul Muhid, 2022). Pendakwah harus menjadikan Rasulullah sebagai model dalam dakwah kerana Rasulullah menekankan dari semua sudut bagi memastikan dakwahnya diterima oleh *mad'ū*. Firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Terjemahan:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

(Al-Qalam: 4)

Menurut Zuhaily (1998), maksud “*khuluq ‘azīm*” adalah bahawa beliau memiliki akhlak mulia yang ditetapkan Allah dalam Al-Qur’an. sifat mulia ini meliputi adab, kesopanan, rasa malu, kemurahan (dermawan), keberanian, kelembutan, pemaafan, serta pelbagai sifat baik dan terpuji lainnya. Maka, sebagai umat Islam, kita dituntut untuk menjadikan akhlak beliau sebagai teladan dalam kehidupan harian. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرُ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ

مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُمْ ۚ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَرُوا بِاللُّقَابِ ۚ

بِئْسَ الْإِسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ ۚ وَمَنْ لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَحْسَبُوا وَلَا

يَعْتَبْ بَعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُّحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا

اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ

وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

حَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Terjemahan:

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat. Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim. Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih

keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Al-Hujurat: 10-13)

Menurut Zuhaily (1998), ayat ini merupakan pengenalan antara orang-orang mukmin sebagai *ikhwah* (saudara) membentuk asas hubungan sosial Islam. Perlu mendamaikan dua pihak yang berselisih, menghapuskan permusuhan dan mengembalikan suasana ukhuwwah. Tafsirnya memberi tumpuan kepada kewajipan masyarakat untuk menyelesaikan punca permusuhan supaya perasaan dendam tidak berterusan. Melarang mempersenda, mengejek, memanggil dengan gelaran yang merendahkan, berburuk sangka, mengintip dan melontarkan umpatan sesama manusia. Menurut Zuhaily (1998), ayat ini juga menegaskan hikmah kepelbagaian suku dan bangsa (*sha'ūb wa qabā'il*) bertujuan untuk *ta'āruf* (saling mengenali dan bekerjasama), bukan untuk saling sombong atau menidakkan hak. Zuhaylī menegaskan bahawa ukuran kemuliaan di sisi Allah ialah takwa, bukan asal keturunan, warna kulit atau status sosial. Oleh itu, ayat ini menentang rasisme, prasangka etnik dan sebarang klaim keunggulan berdasar nasab semata. Sifat dan kelakuan yang disebut didalam Ayat al-Quran dan Hadis ini perlu dijadikan sebagai panduan kepada setiap pendakwah ketika berurusan bersama *mad'ū* agar memberikan impak yang baik didalam dakwah.

2.6.7.1 Dakwah Bil Hāl Melalui Dialog Yang Baik

Pendakwah harus berdakwah bukan sahaja kepada orang Islam supaya kembali kepada Allah tetapi perlu juga berdakwah kepada orang bukan Islam agar suka kepada agama Islam. Tambahan pula malaysia ini mempunyai pelbagai kaum yang berlatarbelakangkan agama yang pelbagai. Ia memerlukan pendekatan Da'wah Bil Hāl melalui dialog yang baik bersama mereka. Menurut (Kadri et al., 2024) Di Malaysia ini terdiri daripada pelbagai masyarakat antaranya masyarakat pluralistik yang mempunyai perbezaan dari aspek agama, budaya dan bangsa. Justeru ia memerlukan kepada satu wadah didalam masyarakat. Didalam isu ini, Dialog dilihat antara wadah yang efektif untuk membina kesefahaman dan sikap yang toleransi didalam kalangan masyarakat dinegara ini. Di dalam al-Quran dan Hadis nabi SAW ada menerangkan dengan jelas bahawa pendekatan dialog adalah antara dakwah yang paling efektif yang dilakukan kepada orang bukan muslim oleh para rasul. Seorang pendakwah harus membina

hubungan yang baik didalam dialog dengan menunjukkan dakwah *bil hāl* atau akhlak terpuji.

Setiap pembimbing atau pendakwah perlu kepada kefahaman, kepakaran dan kebijaksanaan yang mendalam terhadap prinsip-prinsip dan konsep-konsep dakwah Islam ketika ingin menyampaikan keterangan tentang Islam. Seorang pendakwah perlu meneliti terlebih dahulu latarbelakang dan kedudukan sasaran dakwah khususnya golongan Muallaf dalam merangka usaha untuk menjalankan tanggungjawab ini dengan menjadikan pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah itu sebagai ikutan mengikut saranan didalam al-Quran dengan cara yang bijaksana (Rosli & Abdullah@Tan Ai Pao, 2015). Menurut (Kadri et al., 2024). Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan didalam kajian beliau, konsep dakwah *bil hāl* yang digunakan didalam dialog ini memberikan peranan yang besar di dalam menangkis pandangan negatif masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam itu sendiri kerana masyarakat yang bukan Islam hakikatnya melihat dan menilai akhlak seorang Muslim iaitu menilai penampilan pendakwah sebelum menilai keunikan dan keindahan Islam itu sendiri.

Di antara konsep dakwah *bil hāl* Rasulullah SAW melalui Dialog kepada bukan Muslim ialah berlembut dengan musuh dan berkeras sekiranya perlu, bercakap dengan bahasa yang mudah dan difahami, berbicara dengan kasih sayang dan wajah yang berseri dan mengiktiraf serta meraikan kedudukan (sasaran dakwah) iaitu menggunakan pendekatan yang tidak sama mengikut tahap kemampuan *mad'ū* termasuk juga pemilihan panggilan yang merujuk kepada status pangkat dan seumpamanya dan pemilihan laras bahasa yang sesuai. (Kadri et al., 2024). Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ

رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Terjemahan:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Al-Nahl: 125)

Justeru itu, pendakwah yang hidup dinegara yang berbilang agama dan bangsa ini perlulah menitikberatkan tentang keharmonian dan saling bertoleransi dalam anutan agama dan pendakwah juga perlu mempamerkan akhlak yang baik dan mengekalkannya apabila berdepan didalam situasi dialog antara agama ataupun provokasi-provokasi yang cuba untuk menghina dan menjatuhkan agama Islam (Kadri et al., 2024).

2.6.7.2 Dakwah Bil Hāl Melalui Kebajikan

Masyarakat hari ini lebih suka kepada dakwah melalui pendekatan kebajikan yang diberikan samaada didalam bentuk wang, harta, zakat atau bantuan dari sudut tenaga apatahlagi pendakwah yang menggunakan kaedah ini disertakan dengan penampilan dan akhlak yang baik. Dakwah adalah seruan dan aktiviti kepada kerja-kerja kebajikan bagi tujuan membina kesejahteraan hidup masyarakat. Dimensi kesejahteraan yang menjadi tujuan dan agenda dakwah meliputi kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Abd. Ghani et al., 2020). Agenda kebajikan melalui aktiviti, program dan pendekatan dakwah bolehlah dianggap juga sebagai pelaksanaan konsep filantropi iaitu melalui berkasih sayang terhadap manusia atau *mad'ū*. Kebiasaanya ditunjukkan dengan berinfak melalui wang, harta atau zakat dan kerja kebajikan yang dilakukan untuk orang lain atau *mad'ū*. Maka, dakwah dan filantropi ini adalah saling berkaitan dan relevan dilaksanakan (Abd. Ghani et al., 2020).

Dakwah melalui menginfakkan harta atau bersedekah merupakan perkara yang sangat dituntut sebagaimana disebut didalam Firman Allah SWT:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ

سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ ۗ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Terjemahan:

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Al-Baqarah : 261)

Al-Sha'rawī (1991) menjelaskan bahawa ayat ini menggambarkan infak di jalan Allah (*fi sabīlillāh*) sebagai jihad yang luas, bukan hanya peperangan fizikal. Jihad mencakupi pengorbanan harta untuk menegakkan agama, menyokong para mujahid, dan mengekang hawa nafsu agar sanggup memberi untuk kebaikan. Gambaran benih yang berlipat kali ganda melambangkan pahala yang berganda bagi setiap pengorbanan di jalan Allah, menekankan bahawa setiap usaha demi agama akan diberkati dan digandakan Allah sesuai kehendak-Nya. Di dalam agama Islam telah menetapkan zakat yang merupakan filantropi yang perlu dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup manusia dengan menetapkan golongan yang khusus yang berhak menerima zakat sebagaimana dinyatakan didalam surah al-Taubah ayat 60 (Abd. Ghani et al., 2020). Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ

وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۚ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Taubah: 60)

Menurut al-Nasafī (1998), Ayat ini menjelaskan bahawa zakat hanya boleh diberikan kepada lapan golongan tertentu yang telah ditetapkan oleh Allah. Penegasan “إِنَّمَا” pada awal ayat menunjukkan bahawa pembahagian zakat adalah terhad dan tidak boleh disalurkan sesuka hati, kerana ia merupakan ketetapan syarak yang wajib dipatuhi. Selain itu juga, Mengagihkan zakat sebagai amalan filantropi mampu memupuk kasih sayang, sifat murni, simpati, pemurah dan melahirkan hubungan yang harmoni sesama masyarakat (Abd. Ghani et al., 2020). Prinsip filantropi sebagaimana yang digariskan didalam al-Qur'an adalah merangkumi aspek-aspek yang baik iaitu amalan bersedekah, melakukan infaq, perintah dan galakan saling bantu membantu di dalam soal kebaikan atau kebajikan, gesaan supaya berlumba-lumba didalam

melakukan kebajikan dan cakna serta memberi perhatian terhadap orang miskin, anak yatim dan orang yang memerlukan bantuan serta larangan meminggirkan mereka (Abd. Ghani et al., 2020). Allah berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ

اللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Terjemahan:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

(Al-Maidah: 2)

Kerjasama atau tolong menolong yang di maksudkan bukan sekadar tindakan sosial atau organisasi, tetapi kolaborasi untuk amal soleh, dakwah, menegakkan keadilan, dan memperbaiki masyarakat seperti menolong fakir miskin, menegakkan syariat, pendidikan, dakwah, dan perbuatan baik lain. Dan Allah melarang menyokong atau ikut serta dalam kejahatan, penindasan, atau perbuatan yang merugikan manusia seperti menipu, menzalimi orang lain, korupsi, fitnah, kekerasan. Allah juga mengingatkan takwa merupakan tonggak utama didalam urusan moral dan kerjasama serta mengingatkan hukuman yang keras bagi yang menentang perintah ini (Zuhaily, 1998). Maka jelaslah bahawa dakwah *bil hāl* melalui kebajikan, tolong menolong dan berkasih sayang bersama masyarakat merupakan antara strategi dakwah yang berkesan kepada *mad'ū* di masa kini. Proses pembangunan dan pengembangan dakwah dilihat mampu memberikan kesan yang baik sekiranya pendekatan dakwah melalui kebajikan ini dilaksanakan dengan bersistem dan berterusan kepada *mad'ū* (Abd. Ghani et al., 2020).

2.6.8 Dakwah Melalui Media Sosial

Pada zaman dahulu dakwah disampaikan melalui khutbah, puisi, ceramah, syair, sirah dan sebagainya. Namun, ketika ini saluran dakwah dapat diluaskan melalui

kecanggihan teknologi dan menjadi semakin dikenali dan didengari tanpa had masa dan tempat melalui aplikasi yang serba canggih seperti *Youtube, Instagram, Tiktok, Blog, Twitter* dan sebagainya. Walaubagaimanapun, tular melalui aplikasi yang canggih bahawa media ini boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan. Jika yang tular itu baik maka ia akan memberikan pengaruh yang baik dalam sesuatu perkara dan tindakan. Namun sekiranya ia tidak baik atau ia melibatkan isu sensitif atau negatif maka ia akan memberikan kesan yang tidak baik dan menyebabkan banyak keburukan kepada masyarakat (Khoiri et al., 2024).

Menurut Nordin et al. (2019) antara perkara yang boleh memberi peranan dalam aspek pendidikan ialah media sosial yang merupakan satu medium untuk masyarakat bersosialisasi antara satu sama lain. Beliau menjelaskan lagi umat Islam sepatutnya menjadi umat yang paling ke hadapan mengetahui kemajuan dunia mengikut kemodenan di masa kini agar tidak ketinggalan ke belakang. Hal ini kerana, semua berita dan maklumat terkini boleh didapati melalui teknologi media sosial. Sehubungan dengan itu, perkembangan teknologi yang maju di zaman serba moden ini dapat membantu menyebarkan ilmu Islam dengan lebih luas dan dapat dimanfaatkan oleh ramai masyarakat dan perlu bergerak dengan lebih pantas seiring dengan teknologi di masa kini.

Menurut Nordin et al. (2019) perlulah bagi setiap individu agar sentiasa sedar dan tidak leka dengan arus pemodenan ini agar dapat memberi manfaat kepada orang lain. Beliau menggariskan beberapa kepentingan dan kebaikan dalam penggunaan media sosial ini. Antaranya ialah merapatkan silaturahim, berfikiran luas dan berkeyakinan, motivasi diri, peluang pekerjaan dan medium untuk memberikan pendapat. Media sosial juga berperanan dalam mendekatkan masyarakat, ahli keluarga dan umat Islam keseluruhannya dan dapat bersilaturahim. Maka secara tidak langsung pendakwah muslimah perlulah menguasai media sosial ini agar dapat dimanfaatkan sebaiknya di jalan dakwah agar dapat dijadikan sebagai medium pembelajaran Islam dalam bidang agama dan dapat mengembangkan dakwah (Fitriani, 2017)

Menurut Nazim, (2015). Strategi dalam dakwah konvensional adalah terhadap waktu dan ruang pada mata masyarakat, dakwah dizaman teknologi informasi ini memiliki tentangan yang terlalu hebat tetapi dalam masa yang sama media *online* telah menjadi keperluan seharian di dalam masyarakat moden dengan mudah. Namun, sangat mengecewakan apabila media ini disalahgunakan. Jika tidak menggunakan strategi yang tepat, dakwah melalui media ini tidak akan memberi kesan yang baik dan

berjaya kepada *mad'ū*. Menurut Kamarudin et al. (2019), teknologi komunikasi di zaman serba moden ini semakin berkembang pesat, penggunaan internet tidak dapat dipisahkan dengan media sosial seperti *twitter*, *facebook*, *Instagram* dan aplikasi yang lain. Di media sosial, selain dapat berkongsi maklumat ia juga dapat menambah ilmu pengetahuan dan bertukar pendapat. Ia juga dapat memberikan nilai manfaat yang besar kepada pendakwah bagi menyebarkan dakwah Islam. Adab juga perlu dijaga dan diteliti dalam menyampaikan sesuatu maklumat khususnya maklumat yang benar, fakta yang tepat, menjaga akhlak dalam penulisan, menjaga perasaan orang Islam dan juga bukan Islam. Menasihati secara berhemah media sosial mampu membuktikan bahawa ia boleh menjadi sebuah medium wasilah dakwah yang bagus pada zaman kemodenan ini. Usaha untuk menyebarkan dakwah juga perlu kreatif dan inovatif supaya dapat menghasilkan masyarakat yang cakna dengan teknologi yang aktif dengan platform sosial maya seperti blog, internet, perkhidmatan rangkaian sosial dan sebagainya terutamanya di kalangan generasi *millenial* masa kini (Aisyah, 2023).

Pendakwah juga perlu memahami perubahan pola kehidupan dalam masyarakat yang terlalu bergantung kepada media. Kerana itu juga, menyebarkan media Islam secara *online* merupakan satu kelebihan untuk menguasai ummat. Jika kelebihan media ini tidak disentuh dan dikuasai oleh pendakwah, maka boleh jadi golongan muda menjadi semakin jauh dari agama. Oleh itu, strategi yang tepat amat diperlukan bagi menguasai sasaran dan keberkesanan dakwah serta dapat menjangkau lebih ramai *mad'ū*. Nazim (2015). Dalam mengamalkan strategi melalui dakwah media ini perlu kepada tiga strategi yang terbukti keberkesanannya dalam meningkatkan jumlah pengunjung di media *online*. Pertama, media-media yang bekerjasama dengan satu visi dan matlamat. Kedua, mempelbagaikan mesej media (*content*) yang kreatif yang memudahkan pengunjung mudah untuk mendapat ilmu pengetahuan berkaitan Islam yang boleh menarik minat pengunjung. Ketiga, mengembangkan dan menyebarkan teknologi maklumat yang terkini seperti aplikasi android dan laman web jenis mudah alih (Nazim, 2015).

Dakwah dapat dilakukan dengan lebih meluas dan segala informasi dapat dilakukan diujung jari. Bagi mendapatkan perjalanan dakwah yang lebih sempurna, asas-asas dakwah perlulah diikuti dan dipelihara. Persediaan ilmu yang banyak dan persiapan diri untuk berhujah serta melontarkan jawapan bagi *mad'ū* yang bertanya berkaitan agama perlulah ada pada diri seorang pendakwah. Ia juga bagi menyampaikan mesej dakwah yang ingin disampaikan dengan jelas. Ini merupakan antara inisiatif

dapat meningkatkan peratusan dakwah yang berlaku. Media sosial merupakan suatu media yang banyak memberikan pengaruh kepada masyarakat pada masa kini. Dakwah yang baik adalah yang menggunakan platform terkini kerana mengikuti peredaran masa dan zaman (Kamarudin et al., 2019).

Menurut Bashori dan Jalaluddin (2021), dakwah Islamiyah perlu dilaksanakan seiring dengan perkembangan zaman dan kemajuan teknologi pada era milenial. Usaha ini bertujuan memastikan para *da'ī* sentiasa bersifat *up to date* dalam memanfaatkan media dakwah kontemporari bagi menyampaikan pengetahuan, pemahaman dan penghayatan tentang ajaran Islam kepada *mad'ū* secara lebih berkesan. Oleh itu, kemajuan teknologi tidak seharusnya menjadi halangan, sebaliknya perlu diadaptasi dan dimanfaatkan agar aktiviti dakwah dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

2.6.9 Dakwah Melalui Institusi Pengajian

Menurut Fathurrohman (2019) dalam kajiannya dakwah dalam konteks pendidikan, banyak terdiri sekolah-sekolah dan bertambah suburnya tumbuh pelbagai kampus-kampus yang moden di pelbagai daerah dan sekarang ini sekolah-sekolah Islam sudah menjadi satu trend, kebanyakan ibubapa berlumba-lumba memasukkan anak mereka ke sekolah yang bercirikan keislaman. Pusat Islam yang turut dikenali sebagai Masjid Institusi dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi berfungsi sama seperti masjid, iaitu sebagai tempat utama pelaksanaan ibadah solat. Selain itu, Pusat Islam juga berperanan sebagai pusat penyebaran dan penyampaian dakwah kepada warga kampus serta masyarakat sekitarnya. Justeru, setiap program atau aktiviti yang dianjurkan perlu dirancang mengikut kesesuaian kumpulan sasaran (*mad'ū*) supaya objektif dakwah dapat dicapai dengan lebih berkesan (Yusof et al., 2022).

Institusi pengajian ini merupakan tempat masyarakat menerima ilmu khususnya golongan muda. Betapa pentingnya ilmu dan dakwah diserapkan kepada golongan ini bagi menjamin peribadi, adab, akhlak dan keseluruhan yang melibatkan aspek dalaman dan luaran pada diri seseorang. Ini kerana kekurangan pengetahuan agama pada masa kini menjadikan generasi muda kurang terkawal dan banyak melakukan kegiatan yang kurang bermanfaat. Sebahagian remaja lebih suka membuang masa di kafe berbanding menghadiri masjid bahkan lebih senang bermain *game online* daripada membaca al-Quran (Fathurrohman, 2019). Secara umum, masyarakat khususnya warga kampus sering melihat Pusat Islam sebagai ruang khusus bagi mahasiswa Muslim menunaikan

solat fardu lima waktu semata-mata. Namun demikian, tanggapan sebegini perlu diperbetulkan dan diperhalusi agar fungsi Pusat Islam tidak hanya difahami sebagai pusat pelaksanaan ibadah khusus, tetapi turut diiktiraf sebagai institusi penting dalam penyebaran dakwah pada masa kini (Yusof et al., 2022).

Menurut Fathurrohman (2019), Setiap orang mampu dan berhak untuk berdakwah melalui pendidikan di sekolah mahupun pendidikan tidak formal mengikut kesesuaian yang difahami yang bermula dari keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga, masyarakat sehingga ke ruang yang lebih meluas. Namun, Kewujudan Pusat Islam di sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) lebih berpotensi menghidupkan serta mengembangkan syiar Islam dalam kalangan warga kampus, sepertimana peranan yang pernah dilaksanakan oleh Baginda SAW dalam membangunkan masyarakat Islam pada peringkat awal (Yusof et al., 2022). Firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ



Terjemahan:

Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan.

(Al-Mujadalah:11)

Ayat ini menunjukkan bahwa keimanan (“beriman kepada Allah”) memberikan derajat tinggi, dan tambahan ilmu pengetahuan memberikan derajat ekstra atau istimewa bagi seseorang. Jika seorang mukmin berilmu dan mengamalkan ilmunya, maka dia akan mendapat darjat yang berlipat kali ganda. Ilmu di sisi Allah bukan hanya sebagai pengetahuan dunia semata, tetapi alat untuk memahami kebenaran, mengamalkan syariat, serta menjadi manfaat bagi diri dan masyarakat sehingga ilmu dan amal (perbuatan) harus berjalan bersama. Derajat yang diangkat oleh Allah ini mampu mencakupi kedudukan mulia di dunia (penghormatan, kemuliaan) dan tinggi derajat di akhirat. Dakwah dan pendidikan yang dikongsikan berdasarkan keaslian yang berpegang teguh dengan nilai-nilai Islam dan berdasarkan penemuan-penemuan terbaharu di masa sekarang iaitu kontemporari sangatlah penting untuk digunakan

dalam dakwah bagi menghadapi segala permasalahan yang berlaku (Fathurrohman, 2019).

Bagi memastikan penyebaran dakwah Islam terus memberi impak yang signifikan, pembangunan serta pemerkasaan peranan Pusat Islam perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Penggunaan teknologi terkini bukan sahaja mampu meningkatkan kecekapan pengurusan, malah dapat mengangkat imej institusi keagamaan agar tidak ketinggalan dalam arus moden dan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Selain itu, pemilihan saluran media sosial yang sesuai dan menjadi tumpuan utama masyarakat perlu diteliti agar penyampaian dakwah dapat disampaikan secara berkesan kepada kumpulan sasaran (Yusof et al., 2022). Para pendakwah perlu menguasai penggunaan teknologi serta media sosial terkini agar selari dengan arus perkembangan semasa dan seterusnya mampu memperkukuh usaha dakwah secara berterusan. Dalam hal ini, peranan pihak pentadbiran Pusat Islam turut memainkan peranan yang penting bagi memastikan matlamat dan objektif institusi tersebut sebagai nadi penyebaran dakwah Islam dapat dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan (Yusof et al., 2022).

2.6.10 Dakwah Melalui Kesenian

Dakwah melalui kesenian merupakan antara strategi yang berkesan dan menjadi tarikan dalam menyampaikan dakwah pada zaman ini. Menurut Hatim dan Sahad (2020), menyedari nilai-nilai keindahan yang terdapat dalam kesenian dan mampu memberi tarikan kepada manusia, maka kesenian merupakan suatu perkara yang cukup penting dalam dakwah dan berperanan memenuhi tuntutan fitrah. Menurut Baharun (2022) beliau menyokong suara dan seni muzik sebagai medium untuk menyampaikan dakwah yang relevan untuk generasi kini. Lagu dan seni muzik ini bukan sekadar digunakan sebagai hiburan semata-mata sejak zaman dahulu lagi malah ramai antara pengkarya-pengkarya menggunakan muzik sebagai medium dakwah sama ada pengkarya dalam dan luar negara bagi menyampaikan mesej yang berkaitan dengan isu semasa, politik, penderaan fizikal, mental dan alam sekitar dan sebagainya.

Kesenian yang mempunyai elemen mendidik dan menepati syariah turut memberikan potensi besar dalam mempengaruhi gaya hidup dan pemikiran ke arah lebih baik. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kesenian dapat dilihat sebagai salah satu medium dakwah yang mampu memberi kesan baik dalam penyebaran Islam kepada


mad'ū melalui penggunaan media sosial dan aplikasi teknologi komunikasi. (Hatim & Sahad, 2020). Terdapat ramai pendakwah zaman kini yang menyelitkan bait-bait lagu dan nasyid dalam ceramah mereka bagi menarik minat *mad'ū* dan menambahkan seri isi ceramah. Malah, terdapat juga yang mempunyai bakat mampu menyampaikan karya-karya melalui nasyid yang berbentuk ketuhanan, penuh dengan mesej dakwah sama ada yang dicipta sendiri atau sekadar hanya menyanyikan lagu-lagu dan nasyid-nasyid tersebut (Baharun, 2022).

Terdapat pelbagai medium kesenian yang seiring dengan zaman kini yang boleh dimanfaatkan. Terdapat wasilah dakwah lain dalam menyampaikan dakwah di laman sesawang seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram*, *Blog*, dan sebagainya lagi (Daud & Abdullah, 2020). Walaubagaimanapun, pendakwah harus berhati-hati ketika menyampaikan dakwah melalui kesenian ini supaya tidak terlalu hanyut dan *laghā* dengan idea pendekatan dakwah yang moden secara kontemporari ini (Hatima et al., 2020). Menurut Ismail dan Latiff (2020), penggunaan medium dakwah kreatif yang pelbagai ini amat bagus dalam usaha menarik minat masyarakat dengan lebih ramai terutamanya belia muda, namun ia perlu dipastikan supaya tidak terlalu berlebihan sehingga menjadi satu hiburan yang melalaikan. Pemilihan *genre* dan alat muzik yang digunakan serta melodi lagu-lagu tersebut mestilah juga diberi perhatian supaya tidak mencemarkan imej baik agama Islam.

Selain itu, kesenian dakwah melalui lawak jenaka yang diperhatikan ia juga menjadi satu *trend* dan rencah wajib dalam beberapa siri kuliah agama dan ceramah yang melibatkan pendakwah selebriti kerana ia dapat menarik *mad'ū* dan pendengar lebih ramai (Baharun, 2022). Begitu juga apabila menggunakan komedi melalui pendekatan yang santai di dalam ceramah agama sama ada secara maya atau fizikal perlu berpada-pada (Ismail & Latiff, 2020). Objektif utama dalam menggunakan pendekatan seni ini bukan hanya menjadi satu rancangan untuk gelak ketawa dan menghiburkan semata-mata. Seharusnya kandungan dalam komedi yang digunakan itu perlu diikuti dengan batas-batas agama Islam agar tidak bersifat perkauman, bersifat mengeji, merendahkan orang lain, menimbulkan persengketaan dan mengandungi unsur yang lucu walaupun hanya dengan sekadar gurauan dan sebagainya (Baharun, 2022).

Perlu digariskan panduan yang ketat di dalam menggunakan kesenian ini ketika berdakwah seperti seni suara, seni muzik, komedi dan lakonan ini yang mematuhi garis panduan syariah dan syarak supaya tidak terpesong dari tujuan asal dakwah dan tidak berlaku fitnah terhadap agama sehingga ditakuti ia akan menjadi satu bentuk hiburan

yang tidak mempunyai manfaat dan melalaikan (*laghā*) (Ismail & Latiff, 2020). Rajah di bawah (Rajah 2.4) merupakan ringkasan strategi dakwah kontemporari berdasarkan sorotan literatur:




Rajah 2.4 Ringkasan Strategi Dakwah Kontemporari Berdasarkan Sorotan Literatur

2.7 Kerangka Teoretikal

Beberapa kerangka teoretikal dikenal pasti mempunyai kaitan dengan kajian ini iaitu dalam konteks strategi dakwah kontemporari. Kerangka teoretikal Khosim et al. (2023) tentang usaha dan strategi dakwah Sa ‘id Al-Nursiy dalam pembangunan insan menekankan penggunaan pendekatan bawah-ke-atas (*bottom-up*) sebagai teras pelaksanaannya. Pendekatan ini dicapai melalui gabungan tiga komponen strategik yang utama, iaitu: (a) pemantapan ilmiah, yang merujuk kepada pengukuhan aspek keilmuan dan intelektual; (b) *al-qudwat al-hasanat*, yang menekankan kepentingan teladan dan akhlak yang baik sebagai contoh ikutan; dan (c) penyebaran dakwah, yang merupakan usaha aktif menyampaikan mesej keagamaan. Secara keseluruhannya, model ini mencadangkan bahawa pembangunan insan yang berkesan perlu dimulakan daripada asas individu dan komuniti melalui pengukuhan ilmu, penerapan amalan teladan, dan penyebaran seruan dakwah secara terancang.

Kerangka teoretikal Khosim et al. (2023), yang menekankan pendekatan bawah-ke-atas (*bottom-up*) melalui pengukuhan ilmiah, teladan (*al-qudwat al-hasanat*), dan penyebaran dakwah, dijangka menawarkan dimensi utama yang diperlukan bagi

kerangka strategi dakwah kontemporari dalam kajian ini. Walaupun kajian ini memfokuskan kepada analisis strategi kontemporari dan kaedah penyampaian yang relevan dengan media moden untuk diaplikasikan oleh pendakwah di Malaysia, kerangka Sa'id Al-Nursiy pula menyediakan asas rohani dan metodologi pembangunan insan yang holistik bagi isi kandungan dakwah tersebut. Oleh itu, kerangka strategi UAH (yang berkaitan dengan kaedah penyampaian) boleh diadaptasi dengan mengintegrasikan prinsip pembangunan insan Khosim et al. (2023) (yang berkaitan dengan kandungan dan asas), bagi memastikan strategi penyebaran yang canggih disokong oleh etos dakwah yang kukuh, berasaskan ilmu dan keperibadian unggul, menjadikannya model yang bukan sahaja relevan dari segi medium tetapi juga mantap dari segi maqasid pada peringkat individu dan komuniti (Chudori et al., 2024). Kerangka teoretikal usaha dan strategi dakwah Sa'id Al-Nursiy dalam pembangunan insan (Khosim et al., 2023) adalah seperti berikut:




Rajah 2.5 Kerangka Teoretikal Usaha dan Strategi Dakwah Sa'id Al-Nursiy dalam Pembangunan Insan (Khosim et al., 2023)

Seterusnya, kerangka konseptual dakwah oleh Kamal Basir et al. (2024) dibina berasaskan integrasi dua model panduan klasik, iaitu model urutan progresif sains Al-Ghazali yang menekankan pembangunan rohani dan teori pendidikan malakat Ibn Khaldun yang berfokus kepada integrasi sosial. Pertemuan dan penyesuaian kedua-dua kerangka teoretikal ini menghasilkan dimensi teras iaitu penyesuaian kepada konteks dakwah kontemporari (globalisasi dan kemajuan teknologi), yang menjadi mekanisme penting untuk memastikan program dakwah bukan sahaja kukuh dari segi akidah dan akhlak rohani (Al-Ghazali) tetapi juga praktikal dan berdaya tahan dalam konteks

masyarakat moden dan integrasi sosial (Ibn Khaldun). Secara ringkasnya, kerangka teoretikal ini mencadangkan pendekatan seimbang yang merangkumi pembangunan dalaman individu melalui ilmu dan rohani, serta kesediaan luaran individu untuk berinteraksi dan berintegrasi dengan masyarakat kontemporari.

Integrasi kerangka teoretikal Kamal Basir et al. (2024), yang mengintegrasikan model pembangunan rohani Al-Ghazali dan teori integrasi sosial Ibn Khaldun, dijangka dapat menyediakan dimensi substantif yang kukuh dan holistik bagi kerangka strategi dakwah kontemporari yang dianalisis dalam kajian ini. Walaupun kajian ini lebih memfokuskan kepada analisis kaedah penyampaian dan strategi yang relevan UAH dengan media moden untuk diaplikasikan oleh pendakwah, kerangka Kamal Basir et al. (2024) menekankan keperluan untuk mencapai pembangunan yang seimbang antara dimensi rohani (Al-Ghazali) dan integrasi sosial (Ibn Khaldun). Titik pertemuan kedua-dua model klasik ini adalah penyesuaian kepada konteks kontemporari (globalisasi dan kemajuan teknologi), yang secara langsung menyokong strategi dakwah moden yang dikaji dalam konteks kajian ini. Oleh itu, strategi penyebaran yang canggih yang dicadangkan oleh kajian ini dapat diadaptasi dengan mengintegrasikan kerangka holistik Al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Kerangka teoretikal integrasi dakwah Al-Ghazali dan Ibn Khaldun (Kamal Basir et al., 2024) adalah seperti berikut:




Rajah 2.6 Kerangka Teoretikal Integrasi Dakwah Al-Ghazali dan Ibn Khaldun (Kamal Basir et al., 2024)

Selain itu, kerangka teoretikal Roslan et al. (2024) menganalisis komunikasi dakwah kontemporari oleh pendakwah selebriti wanita di Instagram dengan memfokuskan kepada hubungan antara pendakwah (*dā'ī*) dengan sasaran dakwah

(*mad'ū*) untuk mencapai matlamat dakwah. Kerangka ini menggariskan empat komponen utama yang mempengaruhi keberkesanan dakwah, iaitu metodologi (dianalisis melalui video), isi kandungan (*maudu'*) yang menekankan penerapan kriteria nilai berita, penghalang (seperti cabaran dunia maya), dan media yang spesifik kepada kemaskini *reels* di *Instagram*. Pendakwah pula diklasifikasikan sebagai gabungan agamawan dan pempengaruh, mencerminkan adaptasi peranan dalam era digital, yang mana keseluruhan elemen ini berfungsi untuk menghubungkan penyampaian moden dengan penerimaan sasaran demi menjayakan tujuan dakwah.


Kerangka teoretikal Roslan et al. (2024) dan kajian ini menunjukkan hubungan yang saling melengkapi kerana kedua-duanya berorientasikan strategi kontemporari dan aplikasi dakwah dalam konteks Malaysia. Persamaan ketara adalah fokus kepada peranan pendakwah sebagai gabungan agamawan dan pempengaruh dalam penyebaran dakwah di media digital, yang merupakan ciri utama tokoh seperti Ustazah Asma' Harun. Walau bagaimanapun, perbezaannya adalah Roslan et al. (2024) memberikan analisis mikro yang lebih terperinci dengan membedah elemen komunikasi seperti metodologi (analisis video), media (*instagram reels*), dan kriteria Isi kandungan yang spesifik iaitu penerapan *newsworthiness* (nilai berita), menjadikannya model keberkesanan komunikasi yang spesifik. Oleh itu, kerangka Roslan et al. (2024) boleh berfungsi sebagai panduan operasional atau komponen terperinci bagi menentukan elemen media dan isi kandungan dalam kerangka strategi yang lebih luas dan generik yang ingin dicadangkan oleh kajian mengenai UAH. Kerangka teoretikal komunikasi dakwah kontemporari (Roslan et al., 2024) adalah seperti berikut:



Rajah 2.7 Kerangka Teoretikal Komunikasi Dakwah Kontemporari (Roslan et al., 2024)

Di samping itu, kerangka teoretikal yang dicadangkan oleh Abd Razak Husin dan Ismail (2023) adalah berkenaan pendekatan psikologi dakwah menerusi pentafsiran Hamka dalam tafsir al-Azhar. Kerangka teoretikal Abd Razak Husin dan Ismail (2023) ini menggariskan lima teras utama dalam pendekatan psikologi dakwah Hamka yang bertujuan membina insan *ulul albāb*, iaitu: (a) *bil hikmah* (merangkumi penggunaan akal fikiran dan takwa serta pemerhatian terhadap kejadian alam); (b) *mau 'izah hasanah* (menekankan nasihat dan peringatan); (c) *al-mujadalah*, (merujuk kepada perbincangan yang mendatangkan faedah, pengetahuan, dan memelihara hukum agama); (d) tarbiyah (mendalami ilmu agama, al-Quran, dan bertakwa); dan (e) *targhib* dan *tarhib* (melibatkan penyampaian ganjaran baik dan buruk). Secara keseluruhan, kerangka teoretikal tersebut menyediakan model pembangunan insan secara holistik yang menggabungkan aspek intelektual, emosi, perdebatan sihat, pendidikan berterusan, dan motivasi agama, berdasarkan intipati dakwah daripada tafsiran ulama nusantara terkemuka.

Kerangka teoretikal psikologi dakwah Hamka oleh Abd Razak Husin dan Ismail (2023) dan kajian ini menunjukkan hubungan yang saling melengkapi. Kerangka teoretikal Abd Razak Husin dan Ismail (2023) mencadangkan landasan psikologi yang kukuh, manakala kajian ini berfokus kepada strategi penyampaian yang kontemporari. Kerangka teoretikal pendekatan psikologi dakwah Hamka tersebut menggariskan lima teras dakwah yang berfungsi sebagai model pembangunan insan yang holistik. Setiap teras tersebut diinterpretasikan sebagai isi kandungan dan pendekatan psikologi yang mendasari strategi dakwah. Sebaliknya, kajian ini bertujuan menganalisis dan mencadangkan kerangka strategi dakwah kontemporari yang efektif melalui UAH. Oleh itu, kerangka Abd Razak Husin dan Ismail (2023) ini berpotensi menjadi kurikulum teras atau panduan etika dan pendekatan psikologi bagi memastikan strategi penyebaran yang canggih yang dianalisis daripada amalan pendakwah kontemporari kekal mantap dan berkesan dalam mencapai matlamat pembangunan generasi yang berintegriti dan berwawasan. Kerangka teoretikal pendekatan psikologi dakwah Hamka (Abd Razak Husin & Ismail, 2023) adalah seperti berikut:



Rajah 2.8 Kerangka Teoretikal Pendekatan Psikologi Dakwah Hamka (Abd Razak Husin & Ismail, 2023)

Berdasarkan analisis perbandingan, kerangka teoretikal komunikasi dakwah kontemporari oleh Roslan et al. (2024) adalah yang paling dekat dan relevan dengan kajian ini kerana kedua-duanya berorientasikan strategi aplikasi kontemporari di media digital Malaysia. Kerangka teoretikal Roslan et al. (2024) menganalisis ciri-ciri keberkesanan komunikasi dakwah melalui elemen metodologi, media (*Instagram reels*), dan isi kandungan yang spesifik iaitu penerapan *newsworthiness* (nilai berita), yang selari dengan amalan pendakwah selebriti seperti UAH. Namun demikian, untuk merumuskan kerangka konseptual yang komprehensif bagi kajian ini, semua kerangka teoretikal yang diulas perlu diintegrasikan sebagai rujukan.

Kerangka teoretikal Roslan et al. (2024) dijadikan rujukan utama untuk menentukan komponen metodologi dan media digital (kaedah penyampaian). Manakala, kerangka teoretikal Khosim et al. (2023) dijadikan rujukan bagi dimensi pendekatan bawah-ke-atas (*bottom-up*) yang menekankan pemantapan ilmiah dan *al-qudwat al-hasanat* sebagai asas pembangunan individu. Seterusnya, kerangka teoretikal oleh Kamal Basir et al. (2024) menyediakan pendekatan asas yang holistik melalui integrasi pembangunan rohani (Al-Ghazali) dan integrasi sosial (Ibn Khaldun) bagi memastikan tujuan yang jelas dalam penyesuaian kepada konteks dakwah kontemporari. Sebaliknya, kerangka teoretikal Abd Razak Husin et al. (2023) melengkapkan pendekatan psikologi dan etika dakwah menerusi Hamka bagi mencapai matlamat pembangunan insan. Oleh itu, kerangka konseptual kajian UAH yang


dicadangkan akan menggunakan kerangka-kerangka teoretikal tersebut sebagai asas kepada kerangka konseptual strategi dakwah kontemporari UAH yang seimbang dan holistik.

2.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang digambarkan dalam rajah di bawah memperlihatkan aliran sistematik bagi kajian ini, iaitu strategi dakwah kontemporari UAH bermula daripada pembentukan objektif kajian hingga kepada impak dakwah. Bahagian awal rajah menumpukan kepada empat komponen utama yang membentuk asas kerangka dakwah kontemporari, iaitu cabaran dakwah, persiapan dakwah, asas kandungan dakwah, serta kaedah dan medium dakwah. Keempat-empat elemen ini saling berhubungan dalam membantu perjalanan kajian. Bahagian “Cabaran Dakwah” menggambarkan realiti semasa seperti globalisasi dan isu VUCA (*Volatility*: situasi yang sentiasa berubah, *Uncertainty*: ketidakpastian, *Complexity*: kerumitan, dan *Ambiguity*: kekaburan) dalam penyebaran dakwah, media sosial, penerimaan ideologi masyarakat dan batas syariah. Cabaran dakwah ini selaras dengan pandangan Daud dan Abdullah (2020) serta Noordin et al. (2019) yang menekankan cabaran dakwah masa kini yang menuntut kebijaksanaan dan adaptasi pendekatan.

Seterusnya, bahagian “Persiapan Dakwah” dan “Asas Kandungan Dakwah” menghubungkan aspek dalaman pendakwah dengan ilmu, iman dan hubungan spiritual kepada Allah sebagaimana yang digariskan oleh Zaidan (2023) dalam *Usul al-Da‘wah*. Elemen ini menegaskan bahawa kekuatan dalaman dan keilmuan pendakwah menjadi asas kepada penyampaian dakwah yang berkesan. Bahagian “Asas Kandungan Dakwah” pula memperincikan dimensi seperti pementapan ilmiah, akhlak pendakwah, pembangunan sosial, serta psikologi dakwah. Hal ini seiring dengan pandangan Ashaari dan Ahmad (2020) serta Al-Qardhawi (2009) yang menekankan bahawa dakwah kontemporari mesti berpaksikan ilmu, adab dan kefahaman menyeluruh terhadap masyarakat sasaran. Aliran ini kemudiannya disambungkan kepada “Kaedah dan Medium Dakwah” yang merangkumi kaedah tradisional, kaedah kontemporari serta strategi dakwah UAH yang menggabungkan pendekatan hikmah, komunikasi persuasif, media digital dan kempen sosial, sebagaimana yang dihuraikan oleh Firdaus (2020) dan Osman (2018).

Akhir sekali, bahagian “Integrasi Kerangka Teoretikal” dan “Impak Dakwah” menunjukkan bagaimana teori-teori yang digunakan (seperti Khosim et al. dan Kamal Basir et al.) membantu kajian ini untuk membuat analisis lebih holistik berkaitan strategi dakwah kontemporari UAH. Hubungan kerangka teoretikal dan impak dakwah ini menggambarkan bahawa cadangan keberkesanan strategi dakwah kontemporari tidak hanya bergantung pada pendekatan semasa, tetapi juga pada kekuatan teori dan adaptasi psikologi, sosial dan media yang digunakan dalam konteks Malaysia moden. Bahagian terakhir, “Impak Dakwah”, menutup aliran dengan menunjukkan gambaran hasil bagi strategi dakwah kontemporari yang dijangka membantu dalam aspek penerimaan masyarakat, integrasi sosial, pembangunan insan holistik dan keberkesanan dakwah kontemporari secara keseluruhan. Kerangka konseptual bagi kajian ini secara menyeluruh mencerminkan integrasi antara teori klasik dakwah Islam dan keperluan semasa, sekaligus membantu menganalisis pendekatan UAH dalam menyampaikan dakwah pada era kontemporari ini berasaskan ilmu, hikmah, serta sensitiviti sosial yang tinggi. Kerangka konseptual strategi dakwah kontemporari UAH adalah seperti rajah berikut (Rajah 2.9):



Rajah 2.9 Kerangka Konseptual Strategi Dakwah Kontemporari UAH

2.9 Penutup

Kesimpulannya, Bab 2 kajian ini telah menyediakan sorotan literatur yang komprehensif dan bersistematis untuk membentuk kerangka konseptual dan teoretikal kajian. Perbincangan dimulakan dengan pendefinisian terminologi teras, iaitu konsep Dakwah dari sudut bahasa, istilah, dan konteks al-Quran, serta penetapan istilah strategi dan dakwah kontemporari yang merujuk kepada kaedah penyampaian ajaran Islam menggunakan teknologi dan wasilah moden. Seterusnya, sorotan ini mengesahkan asas syarak bagi kewajipan dakwah melalui prinsip amar makruf nahi munkar yang terkandung dalam Al-Quran. Bab ini turut memperincikan kategori dakwah tradisional (*infiradiyyah, al-'umumiyyah, khususiyyah, ijtima'iyyah, dan al-tharīqu al-rasāil*) dan beberapa ulasan literatur lain sebagai rujukan sekali gus mencadangkan prinsip-prinsip Islam yang wajib dipatuhi oleh pendakwah, khususnya peranan penting pendakwah muslimah dalam landskap kontemporari. Oleh itu, sorotan literatur ini berfungsi sebagai piawaian asas strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan untuk membanding dan menganalisis strategi dakwah UAH dalam bab-bab seterusnya.

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Metodologi membawa maksud satu prinsip, sistem, cara dan pendekatan untuk diteliti, dikaji serta menganalisis sesuatu kajian untuk mendapat hasil yang teratur, efisien dan berstrategi. Bagi mencapai tujuan dan matlamat untuk mengetahui hal-hal berkaitan isu-isu masyarakat serta gejala alam, metodologi ini juga merupakan usaha manusia yang murni (Mat et al., 2021). Metodologi kajian adalah elemen yang amat penting untuk menghasilkan sebuah kajian yang telus dan berkualiti. Penggunaan kaedah yang digunakan dalam kajian ini merupakan usaha pengkaji untuk mengkaji, menganalisis dan meneliti isu untuk mendapatkan hasil yang boleh menyumbang kepada pendakwah, masyarakat dan institusi-institusi atau jabatan-jabatan dakwah di Malaysia. Bagi memastikan kajian ini digunakan dengan efisien dan mendapat pencapaian didalam matlamat tujuan kajian, metodologi yang digunakan haruslah selari dan sejajar dengan objektif yang digariskan oleh pengkaji.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan kualitatif. Bagi memastikan kajian ini berjalan dengan efisien dan mencapai matlamat tujuan kajian, metodologi yang digunakan mestilah selari dengan objektif yang disasarkan. Penyelidikan kualitatif merupakan salah satu kaedah yang dapat menganalisis kajian dalam bentuk deskriptif, berupa kata-kata atau tingkahlaku manusia yang dapat diteliti (Taylor & Bogdan, 1984). Pengkaji akan menggunakan beberapa metodologi yang berkaitan agar objektif kajian dapat dirungkai. Penyelidik akan menjalankan sesi temu bual bersama UAH, pembantu peribadi UAH, Pasukan Sahabat Amal Care dan pasukan yang bekerja dibawah naungannya. Maklumat dari hasil kajian juga akan diperolehi melalui metode temu bual akan dijalankan. Dalam proses mengumpulkan maklumat, penyelidikan kualitatif berbentuk temu bual akan bergantung terhadap temu bual secara terbuka (Othman, 2014). Temu bual merupakan cara pengumpulan data yang dijalankan secara berinteraksi secara berdepan atau secara perbualan melalui telefon di antara yang

memberi tindak balas dan penyelidikan terhadap soalan yang akan dikemukakan sepanjang berlangsungnya sesi temu bual itu (Institut Aminuddin Baki, 2012).

Temu bual boleh dibahagikan sekurang-kurangnya kepada dua jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur dan temu bual semi berstruktur. Jenis temu bual yang akan digunakan dalam kajian ini adalah temu bual semi berstruktur secara bersemuka. Bagi membantu penyelidik untuk memperolehi maklumat yang lebih tepat sebagaimana yang digariskan perlu kepada temubual semi berstruktur bersemuka (Merriam, 1988). Bagi mengelakkan bias terhadap kajian ini, pengkaji juga akan menemubual pakar-pakar dalam bidang dakwah dan akademik antaranya seperti Dato' Dr Ustazah Nur Hafizah Musa, Prof Dr Huzaimah binti Ismail, Dr Nizam bin Abdul Qadir, Ustazah Fatahiyah binti Mahamood, Ustazah Zawiyah binti Hassan, Ustazah Fatimah Syarha binti Nordin, Ustaz Syed Nur Hisyam bin Syed Al-Edrus dan Prof Dr Syarifah Hayati Binti Syed Ismail.

3.3 Populasi Dan Pemilihan Sampel

Populasi adalah satu kumpulan yang merangkumi unsur, objek, dan ciri-ciri yang dilihat dan dinilai dalam melaksanakan kajian oleh pengkaji yang ingin diambalnya. Sampel merupakan individu yang telah dipilih oleh pengkaji untuk mewakili sesuatu populasi yang ingin dikaji (Noor & Fuzi, 2024). Berikut adalah populasi tempat yang menjadi sasaran oleh pengkaji didalam kajian ini. Menurut Patton (1990) individu yang dipilih dan ditemu bual adalah jumlah yang tidak besar bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat secara lebih mendalam dan lebih tepat. Bilangan satu sehingga tiga orang sudah mencukupi (Ghazali & Sufean, 2018). Sehubungan dengan itu, pemilihan sampel di dalam kajian ini ialah melibatkan Ustazah Asma' Harun (UAH) bagi menjawab objektif kedua berkaitan biodata dan strategi dakwah kontemporari yang dilaksanakan oleh beliau sepanjang dakwah yang dijalankannya di Malaysia. Jadual di bawah (Jadual 3.1) merupakan ringkasan maklumat informan utama:

Jadual 3.1

Ringkasan Maklumat Informan Utama

Nama	Kod Informan	Jantina	Jawatan
Ustazah Asma' Harun (UAH)	Informan 1	Perempuan	Pendakwah bebas

Seterusnya pengkaji menemubual sebahagian staf UAH yang bekerja bersama UAH bagi menjawab objektif kedua. Staf yang dipilih ini merangkumi pembantu peribadi UAH dan ketua unit gerak kerja untuk memberi respon terhadap strategi dakwah kontemporari yang digunakan oleh UAH sepanjang dakwahnya di Malaysia. Melalui temu bual ini, pengkaji boleh menilai sejauh mana strategi yang digunakan UAH di dalam dakwah kontemporari beliau. Seramai sepuluh orang staf UAH termasuk pembantu peribadi UAH yang terdiri daripada lelaki dan perempuan berjaya memberi maklum balas terhadap soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Menurut Patton (2002), pemilihan sampel merupakan tergolong dari kalangan individu yang suka dan berminat untuk melibatkan diri untuk sesebuah kajian dan mempunyai pengetahuan berkenaan tajuk kajian. Kaedah ini di sebut juga sebagai teknik ‘snowball’. Menurut M. Q. Patton (1990) teknik ‘snowball’ adalah merupakan strategi dan kaedah yang baik untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi yang bermula dengan seorang sampel kemudian seterusnya menambah bilangan sampel sehingga pengkaji merasakan sudah mencukupi maklumat yang diperlukan.

Temu bual yang seterusnya dijalankan untuk menjawab persoalan kepada mencadangkan kerangka strategi dakwah kontemporari kepada pendakwah-pendakwah. Pengkaji menemubual seramai lapan orang pakar dakwah di Malaysia yang mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun di dalam bidang dakwah dan lima orang daripadanya merupakan pakar dakwah yang menceburi juga dalam bidang akademik. Pengkaji menemubual seramai lapan orang pakar dakwah ini bagi memberikan idea dan cadangan mereka terhadap strategi dakwah kontemporari yang perlu digunakan oleh pendakwah-pendakwah di Malaysia pada masa akan datang. Informan yang dipilih oleh pengkaji disebut juga sebagai sampel purposive. Purposive amat baik kerana mereka mampu memberikan maklumat sehingga kajian tercapai dan pengkaji tidak perlu lagi mencari maklumat baru. Ini disebabkan kerana sampel ini terdiri dari mereka yang mudah untuk dihubungi, berpengetahuan, bermaklumat dan berpengalaman dalam bidang sebagaimana pengkaji kehendaki (Mariam, 2001). Jadual dibawah (Jadual 3.2) merupakan maklumat informan tambahan (kakitangan UAH):

Jadual 3.2

Maklumat Informan Tambahan (Kakitangan UAH)

Informan 1	Perempuan	Unit media
Informan 2	Lelaki	Unit travel
Informan 3	Perempuan	Unit pentadbiran
Informan 4	Perempuan	Unit korporat
Informan 5	Perempuan	Unit penyelidikan
Informan 6	Perempuan	Unit galeri
Informan 7	Perempuan	Unit eksekutif
Informan 8	Lelaki	Unit akademi ilmu Sahabat Amal Care
Informan 9	Perempuan	Unit dakwah & kebajikan
Informan 10	Perempuan	Pembantu peribadi

3.4 Pengumpulan Data

Proses pengumpulan adalah satu kaedah untuk menghimpunkan data dari informan dengan cara yang pelbagai untuk diselidik. (Mohd Sabri, 2009). Menurut (Ghazali & Sufean, 2018) pula pengumpulan data dari sumber yang pelbagai dan bahan yang ingin diselidik dan dikaji termasuk perlakuan, tingkah laku, percakapan, lambang serta isyarat yang memberi maksud atau semua bahan yang direkod, dicatat dan diperhatikan. Menurut (Othman Lebar, 2021) kebiasaannya kajian kualitatif bergantung kepada beberapa cara atau metode pengumpulan data yang berhajat kepada pengkaji berada melalui fizikal ditempat kajian. Antaranya ialah metode atau kaedah pemerhatian dengan secara langsung, melalui temu bual secara lebih mendalam dan melalui analisis dokumen. Pengumpulan data ini terbahagi kepada dua sumber utama iaitu primer dan skunder. Oleh itu, pengkaji telah berusaha untuk mengumpulkan maklumat penting dan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji untuk direnungi, diteliti, diolah dan ditafsirkan serta boleh dianalisis pada penghujung kajian ini dijalankan.

3.4.1 Temu bual Semi Struktur

Pengkaji telah menjalankan sesi temu bual bersama Ustazah Asma' Harun iaitu tokoh yang dikaji didalam kajian ini. Maklumat kepada hasil kajian ini juga diperolehi melalui metod temu bual yang dijalankan kepada sepuluh orang staf UAH termasuk pembantu peribadi UAH. Temu bual melalui penyelidikan kualitatif banyak bergantung melalui temu bual secara terbuka didalam proses untuk mengumpulkan maklumat (O. Lebar, 2014). Bagi memastikan objektif ketiga tercapai dan untuk mendapatkan kerangka strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan masa kini, pengkaji turut mengadakan temu bual terhadap pakar-pakar dakwah dan akademik yang berpengalaman seramai lapan orang yang terdiri dari lelaki dan perempuan. Ini kerana data yang akan dipilih dan diperolehi lebih bersasar dan tepat. Proses yang dilakukan untuk memperolehi maklumat ialah dengan mendapatkan nombor telefon untuk dihubungi kemudian menelefon untuk memberitahu kajian yang dikaji lebih detail atau menghantar mesej melalui aplikasi whatsapp untuk mendapatkan maklumat lebih detail untuk mendapatkan nama, jawatan semasa dan alamat email bagi tujuan penghantaran surat rasmi serta kandungan soalan-soalan yang bakal ditanya pada sesi temu bual yang akan diadakan.

Sebahagian temu bual secara atas talian menggunakan aplikasi google meet dan video call juga berjaya dijalankan secara bersemuka. Responden yang dipilih ini mempunyai pengalaman dan tanggungjawab yang besar didalam bidang dakwah dan akademik. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengutip data yang dilakukan secara bersemuka, berinteraksi atau melalui perbualan telefon. Temu bual ini memerlukan kepada senarai soalan-soalan yang disediakan untuk dikemukakan ketika sepanjang sesi temu bual berjalan (Institut Aminuddin Baki Jabatan Penyelidikan dan Penilaian & Malaysia, 2012). Temu bual dapat dibahagikan sekurang-kurangnya dua jenis temu bual iaitu temu bual struktur dan temu bual semi berstruktur manakala temu bual yang digunakan oleh pengkaji di dalam temu bual ini ialah temu bual semi berstruktur. Temu bual semi berstruktur secara bersemuka ini dapat membantu pengkaji dan penyelidik untuk memperolehi maklumat yang betul dan tepat sebagaimana yang dikehendaki. Tema utama daripada temubual pengkaji bersama UAH adalah berkaitan peribadi, latar belakang, gerak kerja dan strategi dakwah yang digunakan oleh beliau di dalam dakwahnya.

3.4.2 Perpustakaan

Kajian Perpustakaan yang dijalankan terhadap kajian dan penulisan merupakan lebih menjurus kepada bahan bacaan yang ilmiah. Bahan rujukan di dalam kajian ini yang digunakan pengkaji adalah seperti artikel, jurnal, risalah, buku dan sebagainya. Pengkaji juga menggunakan dokumen yang berasaskan dari sumber data sekunder. Data sekunder ini digunakan dalam kajian adalah untuk meyokong dan memantapkan lagi kefahaman pengkaji secara teoritikal. Sumber yang diperolehi ini pengkaji akan menjadikannya sebagai panduan sepanjang kajian ini dijalankan bagi menjawab permasalahan kajian dan objektif kajian dengan lebih jelas disamping mampu menyediakan laporan kajian untuk diterbitkan sebagai jurnal dan artikel.

Antara dokumen yang digunakan adalah melalui dokumentasi yang digunakan oleh Ustazah Asma' Harun. Pengkaji mendapat maklumat berkaitan dengan strategi dakwah kontemporari UAH di Malaysia. Maklumat kajian ini juga diperolehi melalui temu bual yang telah dicadangkan melalui objektif kajian. Sumber sekunder lain ialah seperti artikel, kitab, jurnal, tesis, kertas kerja dan semua bentuk penulisan ilmiah samada di dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab yang terpilih. Penulisan tersebut ialah berkaitan strategi, dakwah kontemporari, biodata UAH dan juga tokoh dakwah. Maklumat yang berkaitan dengan pendakwah dan kaedah dakwah kontemporari yang terkandung didalam al-Quran dan al-Sunnah juga menjadi rujukan utama untuk menganalisis strategi-strategi dakwah yang sesuai digunakan oleh pendakwah masa kini. Pengkaji juga mendapat maklumat-maklumat terbaru selain dari karya ulama silam ialah melalui bacaan jurnal-jurnal yang terkini terhadap strategi dakwah kontemporari seperti dakwah melalui media sosial, dakwah melalui pendekatan yang baik, dakwah melalui lisan, dakwah melalui kesenian dan sebagainya.

3.4.3 Pemerhatian

Metode pemerhatian akan diguna pakai bagi menganalisis pendekatan dakwah UAH. Penyelidik akan menggunakan kaedah pemerhatian ini bagi menjawab persoalan serta objektif kajian yang kedua. Penyelidik juga akan menggunakan metode ini di lokaliti pusat penyebaran dakwah UAH di Senawang Negeri Sembilan dan pemerhatian melalui media yang digunakan oleh UAH. Pemerhatian juga dianggap sebagai salah satu alat kajian yang bertujuan bagi menjawab dan mencapai objektif serta persoalan

kajian, dirancang dengan penuh teliti dan rapi serta direkod dengan bersistematik yang mana akhirnya dapat dikawal dan diperiksa kesahihan dan kepercayaannya (Louise H Kidder, 1981). Penyelidik mengambil masa lima tahun membuat pemerhatian terhadap dakwah UAH dari sudut gerak kerja, strategi dan penerimaan mad'u terhadap dakwah beliau di Malaysia.

3.4.4 Kebolehpercayaan Data Kajian

Menurut (Ghazali & Sufean, 2016), kebolehpercayaan data merupakan tahap kestabilan set instrumen sehingga persoalan-persoalan yang diajukan kepada sampel dapat difahami dan dijawab dengan baik. Kajian ini telalui melalui proses-proses kajian dari awal untuk mendapatkan kesahihan yang tinggi. Proses tersebut adalah:

a) Triangulasi Data

Tujuan triangulasi dilakukan adalah untuk meningkatkan kebolehpercayaan data kualitatif (John, 1983; Othman 2006: 140; William Wiersma 1991 : 170). Kajian ini dilakukan melalui triangulasi bermula dari pengumpulan data sekunder kemudian melalui perbandingan data primer iaitu temu bual bersama Ustazah Asma' Harun, staf UAH dan pakar dakwah. Pemerhatian dituruti juga semasa kajian ini dijalankan di lokasi medan ilmu iaitu tempat dakwah yang disediakan oleh UAH di Senawang dan lokasi dakwah UAH. Proses triangulasi ini didapati melalui data yang berbeza sebagai semak imbang dapatan dari hasil kajian. Pengkaji boleh mengembangkan dan menambah lagi data dapatan tersebut apabila didapati data tidak lengkap. Kaedah ini juga dikenali sebagai multi-method approach, iaitu satu pendekatan yang menggabungkan pelbagai jenis dapatan penyelidikan. Dalam pendekatan ini, data temu bual dijadikan sebagai data utama, manakala data pemerhatian dan analisis dokumen berfungsi sebagai data sokongan dan pelengkap kepada data primer tersebut. Pendekatan ini selari dengan pandangan Marohaini (2001) yang menyatakan bahawa penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data dapat meningkatkan ketepatan, keberdayaan dan kesahan sesuatu penyelidikan. Dengan itu, data tersebut menjadi lebih kukuh dan kuat kerana dikumpulkan padanya pelbagai sokongan dari pelbagai sumber yang berlainan. (Denzin, 1970).

3.5 Analisis Data

Terdapat beberapa langkah dan strategi di dalam membuat analisis semua data yang diperolehi bagi mencapai objektif yang digariskan dan yang dikehendaki. Pengkaji telah menggunakan kaedah melalui deduktif dan induktif. Menurut Ghazali & Sufean (2018) untuk menganalisis kajian-kajian terdahulu, kemudian seterusnya membina konsep, tema serta kod, Kemudian data diperolehi melalui temu bual seterusnya ditranskrip secara satu persatu kemudian direkodkan mengikut tema. Secara manual pengkaji melakukan dengan menaip satu-persatu perkataan dengan menggunakan kemudahan laptop. Setiap Transkripsi diperlukan sebanyak 10 helaian muka surat dan disimpan di dalam laptop terlebih dahulu sebelum dicetak di atas kertas A4 untuk memudahkan proses analisis data supaya dapat berjalan dengan baik.

Menurut Blaxter et al. (2002), Goodson & Sikes (2001) Penelitian dengan begitu cermat, ketekunan dan kesabaran perlu ada sepanjang pengkaji melakukan transkripsi data temu bual. Kaedah deskriptis juga telah digunakan oleh pengkaji bagi menjelaskan kaedah dan strategi yang sesuai digunakan daripada cadangan dan pandangan yang dicadangkan dalam menggunakan strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan oleh pendakwah di Malaysia. Seterusnya pengkaji menganalisis data tersebut secara analisis tematik. Tema-tema dan sub tema dikenal pasti melalui pengumpulan data yang telah dilakukan dengan terperinci.

3.6 Pemilihan Lokasi

Pengkaji memilih tempat dakwah Ustazah Asma' Harun kerana beliau terlalu aktif didalam dakwah dan mempunyai tempat dakwah yang disediakannya seperti medan ilmu, galeri Ustzah Asma' Harun dan perkampungan al-Hijrah. Tempat-tempat ini dimeriahkan oleh beliau dengan majlis ilmu dan pelbagai strategi dakwah sehingga mampu menarik ramai *mad'ū* hadir ke tempatnya dan mendapat sambutan yang baik.

3.7 Penutup

Dalam membuat analisis semua data yang diperolehi, terdapat beberapa strategi dan memerlukan ketekunan yang berterusan bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Penyusunan data yang bersistematik merupakan perkara penting yang mampu membantu pengkaji melakukan analisis dengan baik. Bagi menganalisis maklumat

kajian-kajian terdahulu, pengkaji akan menggunakan kaedah induktif dan deduktif seterusnya membina kod, tema dan konsep mengikut pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi (Ghazali & Sufean, 2018). Selain itu, metode komparatif dan deskriptif juga akan digunakan bagi menjelaskan kaedah yang sesuai daripada pandangan dan cadangan yang dicadangkan dalam melaksanakan kaedah pendekatan dakwah yang berkesan kepada masyarakat.

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Pendakwah merupakan golongan yang diberi tanggungjawab untuk meneruskan risalah Allah SWT kepada seluruh manusia supaya beriman kepada Allah SWT. Ismail dan Osmani (2024) menegaskan bahawa pendakwah memikul peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab amar ma'ruf dan nahi munkar. Namun demikian, bagi memastikan dakwah yang disampaikan mampu memberikan kesan mendalam kepada jiwa *mad'ū* serta dapat dilaksanakan secara konsisten dan berterusan, pendakwah perlu merancang strategi yang seiring dengan realiti masyarakat masa kini. Hal ini termasuklah penerapan kaedah dakwah kontemporari melalui penggunaan strategi dakwah yang teratur, sistematik dan berasaskan keperluan semasa. Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang mengemukakan tiga persoalan utama mengenai dakwah kontemporari yang berkesan di masa kini.

Kajian ini mengkaji mengenai strategi dakwah kontemporari dan kajian terhadap dakwah UAH pada masa kini. Soalan-soalan untuk ditemu bual telah dirangka dan sesi temu bual dijalankan bersamanya bagi menjawab persoalan-persoalan dan objektif penyelidikan yang dikehendaki, menganalisis strategi dakwah yang beliau lalui sepanjang dakwah dilaksanakan bersama masyarakat agar dapat dijadikan panduan kepada pendakwah lain. Seterusnya kajian ini dijalankan terhadap staf UAH seramai lapan orang yang mewakili staf yang lain di dalam pasukan UAH. Objektif penyelidikan yang dikehendaki adalah soalan-soalan untuk temu bual telah dirangka dan sesi temu bual dijalankan bersama mereka bagi menjawab persoalan-persoalan ini. Hasil temu bual ini adalah untuk menganalisis strategi dakwah kontemporari yang dilaksanakan oleh UAH yang berkesan kepada masyarakat.

Kajian ini dijalankan juga terhadap pakar dakwah yang berpengalaman dalam dunia dakwah dan pakar akademik. Soalan-soalan untuk ditemu bual telah dirangka dan sesi temu bual dijalankan bersama mereka bagi menjawab persoalan-persoalan sebagaimana yang dikehendaki dan bagi mengelakkan *bias* terhadap UAH. Hasil dapatan ini adalah untuk dijadikan kerangka dalam strategi dakwah agar dijadikan panduan kepada pendakwah agar dakwah kekal relevan dimasa kini dan akan datang.

4.2 Hasil Dapatan Biodata Ustazah Asma' Harun

Dalam kajian ini pengkaji mengkaji biodata UAH secara lebih terperinci melalui temu bual bersama UAH dan staf beliau.

4.2.1 Latar Belakang UAH dan Keluarga

Ustazah Asma' Harun berasal dari Terengganu. Beliau dilahirkan pada 22 September 1984 bertempat di Kampung Batu Enam Kuala Terengganu dan mempunyai 10 orang adik-beradik. Beliau merupakan anak yang kedua daripada sepuluh orang adik-beradiknya. Beliau sudah berkahwin bersama suaminya iaitu Tengku Fazli bin Tengku Yahya yang berasal dari Kuala Besut Setiu, Terengganu dan berpengalaman sebagai pensyarah dalam bidang *Chemical Engineering*. Mereka dikurniakan 7 orang anak, 3 lelaki dan 4 perempuan dan kini menetap di Seremban, Negeri Sembilan. (Wikipedia, 2025). Ibu kepada UAH bernama Fikriah binti Awang merupakan seorang guru Fizik dan bapa beliau yang bernama Harun bin Ismail merupakan seorang peniaga di sebuah restoran pada ketika dahulu bertempat di Batu 6, Terengganu dan ayahnya sudah pun meninggal dunia. UAH merupakan antara pendakwah yang mempunyai latar belakang keluarga yang aktif berdakwah antaranya ialah arwah bapanya Harun bin Ismail, Tok Guru Haji Abbas merupakan moyang kepada beliau manakala Ustaz Haji Awang merupakan datuknya. Mereka ini aktif berdakwah di masjid-masjid dan diserata tempat dan ada yang menubuhkan pusat pengajian di Terengganu (Wikipedia, 2025).

“Ustaz Awang Jidin itu digelar tokoh besi sebab dia orang yang lantang dan sangat berani. Bila dia berpidato sangat lantang. Beliau ada buka pusat pengajian. Bila dia ceramah macam pidato berkobar-kobar semangat suara yang kuat..Tok guru haji Abbas pula adalah moyang saya”.

(Temu bual bersama Ustazah Asma' Harun 15hb jun 2022)”

Adapun cita-cita beliau dari kecil adalah ingin menjadi seperti datuk dan moyangnya iaitu pendakwah bebas.

“Bila ustaz tanya di sekolah rendah zaman itu cita-cita nak jadi apa? Saya jawab nak jadi penceramah bebas walaupun pada masa itu tak tahu pun lagi apa maksud penceramah bebas tetapi sebab dibesarkan tengok tok ki dan tok nyang jadi pendakwah. So kita masa itu masa kecil nak jadi macam tok ki sebab tengok orang ramai datang ke rumah bila masjid orang penuh tengok dia ceramah.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 2022)

UAH juga mempunyai tokoh keteladan yang memberikan inspirasi sepanjang dakwahnya.

“Role model dan tokoh ialah nabi Muhammad lah. Kemudian empat khalifah. Sekarang ni sedang mendalami buku yang Tok Guru Haji Hadi karang tu sebab ketokohan kepimpinan mereka itu memang hebatlah kan. Dakwah mereka itu hebat. Empat khalifah. Kalau yang kontemporari yang sekarang selalu yang jadi macam rujukan dakwah ialah Doktor Zulkifli Al-Bakri, Tuan Guru haji Hadi. model kerja-kerja dakwah yang muslimah ialah ustazah NurHafiza Musa dan prof muhaya. kalau tokoh didalam dunia penulisan ialah seperti ustaz Fahrol Joll, Muhadhir Joll” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb 6 2022)

4.2.2 Latar Belakang Pendidikan

Pengajian Ustazah Asma’ Harun bermula di PASTI di Terengganu kemudian di peringkat sekolah rendah belia belajar di sekolah Darul Taqwa kemudian dilanjutkan di peringkat sekolah menengah di SMU(A) Darul Anuar Pulau Melaka dan SMU(A) Maahad Muhammadi Lilbanat di Kota Bharu, Kelantan kemudian beliau melanjutkan pengajian diperingkat diploma iaitu di Kolej Universiti Sultan Zainal Abidin (KUSZA) kemudian melanjutkan peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar Mesir kemudian menyambung pengajian diperingkat Master dalam bidang pengajian Islam di Open Universiti Malaysia (OUM) dan kini beliau sedang melanjutkan pengajian PHD di Open Universiti Malaysia (OUM) (Wikipidea, 2025).

4.2.3 Kelayakan Profesional

- i) Pengasas Yayasan Al Hijrah
- ii) Pengasas NGO Sahabat Amal Care (SAC)
- iii) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Excel AF Sdn Bhd
- iv) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah AF Travel & Tours Sdn Bhd

- v) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Training & Consultancy Sdn Bhd
- vi) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Education Sdn Bhd
- vii) Ketua Pegawai Eksekutif A&A Furniture Sdn Bhd
- viii) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Ternak Agro Sdn Bhd
- ix) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Media Production Enterprise
- x) Ketua Pegawai Eksekutif Hijrah Publication Empire Enterprise
- xi) Penceramah dan Pendakwah Islam
- xii) Kaunselor Profesional

4.2.4 Pengalaman Dalam Dakwah dan Pekerjaan

Ustazah Asma' Harun pernah bekerja sebagai pegawai hal ehwal Agama Islam JAKIM, Penolong pengarah bahagian undang-undang keluarga Islam JHEAINS (perunding cara rumah tangga) dan Penolong Pengarah bahagian Pengurusan Halal JHEAINS namun beliau meletak jawatan pada Ogos 2017. Beliau berhenti kerana tidak mahu terikat dengan waktu yang terhad dalam kerja.

“Apabila kita bekerja dengan pihak-pihak akan terhad dari segi masa dan dari segi kapasiti. Kita duduk dalam lingkungan jawatan kita je kan? bila kita bergerak sendiri, ada team sendiri, kita boleh bina visi dan misi sendiri, gerak kerja sendiri, kita boleh buat apa yang kita rancang. Kalau tak, memang kita kena minta kebenaran, buat proposal untuk kelulusan, jika tak lulus kita tak boleh buat. Jadi sekarang kita sendiri yang buat hala tuju. Daripada tahun 2008 saya berhenti kerja dan saya memang dah turun padang berceramah semua ketika itu. Sedia maklum saya dah ada pekerjaan sebelum ni dan saya tinggalkan pekerjaan itu kerana nak bergiat aktif dengan dakwah dan nak fokus pada dakwahlah..”(Temu bual bersama Ustazah Asma' Harun 15hb jun 2022)

4.2.4.1 Pendekatan Dakwah Bersama Keluarga

Pengkaji ketika temu bual bersama UAH berkaitan pendekatan dakwah beliau bersama keluarga.

“Kalau kita tengok kisah nabi Adam AS, amanah dia adalah keluarga dulu baru pergi dakwah masyarakat. Allah bagi kepada nabi adam itu siti hawa maksudnya sebelum nak menyampaikan dakwah kepada orang luar yang pertama didik dan dakwah isteri dulu. Maksud cabaran saya sendiri yang utama ialah keluarga, anak-anak dan diri sendiri. contoh bila anak-anak ada sesuatu masalah dan akhlak yang tidak baik pada anak-anak, saya sendiri akan terus letak salah tu pada diri sendiri lah. Sebab akhlak ni buah daripada akal dan ibadah kan. Nak tengok akidah dan ibadah tu betul atau tidak tengok pada akhlak lah. Jadi bila ada akhlak something wrong bermaksud ada something wrong pada akidah dengan ibadah lah jadi tidak mengambil mudah kalau ada masalah berkenaan dengan akhlak. Mestilah kita akan sebut bab akidah, bab ibadah dan bab akhlak juga kepada anak-anak. Di dalam rumah pun saya bawa juga karakter penceramah itu kalau ia melibatkan kesilapan anak tak diambil mudah contoh walaupun Raihana umur empat tahun lebih dia ada buat kesilapan tetap nak kena dia faham ini silap dan tak boleh buat dan tak boleh cakap macam ini. Maksudnya tegur berhikmahlah dan dengan kasih sayang semua. kami tak guna pendekatan rotan sekarang. Mungkin dulu pernah lah tapi dah lama dah pendekatan rotan dan pukul semua tu tak ada tetapi lebih kepada macam suruh diorang berfikir dan slow talk lah serta tegas. Memang kami jenis tegas. Tapi kami bagi diorang peluang untuk buat sesuatu yang diaorang nak. Lepas itu bila berlaku kesilapan, dia orang serik sendiri. Maksudnya kadang dia orang buat pilihan kan? Saya akan tanya kepada diorang betul ke pilihan ini? dah fikir panjang ke? walaupun kita dah tahu pilihan itu sebenarnya tak bagus sangat. Dalam bab ini kami tak guna kuasa veto, memang kami akan bincang. mereka tak dipaksa. Minat mereka kami akan support maksudnya meraikan jugalah.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb 6 2022)

4.2.4.2 Pendekatan Dakwah Bersama Masyarakat

Ketika didalam sesi temu bual bersama UAH beliau menjelaskan diantara pendekatan yang ditekankan didalam dakwah beliau bersama masyarakat ialah hati.

“Pertama dakwah daripada hati.. Menyampaikan sesuatu daripada hati dan apa yang kita nak sampaikan mesti sebenarnya tuju kepada diri sendiri. Sebab itu saya sendirilah jarang bila berceramah atau menulis perkataan ustazah sebab saya tak rasa saya ni guru. Kedua kenapa selalu bagi contoh seperti kita ni banyak dosa. Kita buat salah kerana kita ni terlalu mencintai dunia. Maksudnya perkataan “kita” itu sebenarnya berkesan. Kadang-kadang mad’ū kata ustazah ni bila cakap saya terasalah menyentuh hati. Sebab saya cakap itu tentang diri saya. Sebab saya cakap daripada hati. Saya sedang muhasabah diri saya. Macam contoh ada yang tanya macam mana ustazah tahu apa yang saya dah lalui? Sebab saya pun lalui. Mujahadah itu. Saya pun ada dosa. Saya pun buat maksiat. Jadi selagi kita merasakan yang kita sampaikan itu adalah untuk diri kita. Kita tak rasa macam kita lebih baik daripada orang yang mendengar. sebab itulah istilahnya macam okey. Lepas itu kalau team buat posting dia buat macam tulah.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 2022)

4.2.4.3 Sokongan Pasukan dan Bantuan Luar untuk Urusan Rumah Tangga

Urusan dan gerak kerja dalam rumahtangga merupakan antara tanggungjawab seorang isteri. Namun UAH menjelaskan bagaimana sokongan dan bantuan staf yang diatur oleh beliau dapat meringankan dan melunaskan tugas rumahtangga harian beliau seterusnya beliau dapat bagi komitmen dengan baik terhadap gerak kerja dakwahnya.

“Kerja kita, diri kita tak boleh diganti oleh sesiapa, Tetapi kerja kita boleh diganti. Jadi contoh kerja-kerja rumah ada ketikanya memang cari bantuan-bantuan luar upah orang untuk bantu uruskan rumah semua. tapi kami tak ada pembantu yang tetap itu. Sebab kami tak selesa kalau ada orang duduk di rumah. Jadi ada mak cik yang datang harian. hujung minggu dan malam pun tak ada.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 2022)

Menurut UAH lagi,

“Kalau pergi outstation staf jaga bergilir-gilir anak-anak dan tidur kat rumah macam sekarang..mereka faham gerak kerja. Sekarang ni kan ada grup management contoh kita cakap besok ni ambil anak di Shah Alam lepas itu kena hantar. Macam setiap pagi sekarang sebab kita kuliah setiap pagi memang ada staf ambil dan hantar anak ke rumah. So benda tu semua tu tak perlu fikir dah sebab kalau ada program pagi dia orang dah siap dah semua sarapan untuk kami sekeluarga. Jadi benda tu dah jadi satu rutin diorang dah faham. Jadi bukan hanya kerja pada waktu ni. Mereka dah faham tentang khidmat. Maksudnya memang dengan bantuan orang-orang sekeliling. Kalau tak memang tak sempat untuk uruskan semua dan memang perlukan bantuan staf team.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 2022)

UAH juga ada menjelaskan didalam sesi temu bual berkaitan ciri-ciri pemilihan staf yang bekerja dengan beliau untuk membantu kerja-kerja dakwahnya.

“Ya saya akan pilih attitude nombor satu barulah pelajaran. Bahkan ada yang hanya berkelulusan SPM sahaja tapi gaji tiga ribu lebih maksudnya boleh jadi ketua dan pengurus kerana sikap dia bagus, kerja dia cekap dan berpengalaman. walaupun mempunyai sijil master tapi sikap tak bagus dan tidak menunjukkan minat bekerja kita bagi surat untuk berhenti.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 6 2022)

4.2.4.4 Sokongan Suami dan Keluarga

Antara sokongan dan dorongan yang paling kuat bagi UAH adalah suami beliau. Sebagaimana beliau ada berkongsi berkaitan sokongan suaminya untuk kerja dakwah yang dijalankan oleh beliau didalam sesi temu bual pengkaji bersamanya.

“Itu memang pastilah daripada awal. Sekarang ini beliaulah nombor satu sebab kita dah kahwin, suami nombor satu daripada awal contohnya sokongan dan dorongan yang suami saya sendiri berikan daripada awal anak pertama, anak kedua sampai anak ketujuh memang beliau sangguplah jaga semua anak untuk lepaskan kita pergi keluar dakwah dan akan sediakan semua keperluan. Contoh dia tahu saya nak keluar pukul berapa, dia akan sediakan sarapan dan semua keperluan. Dari segi kebajikan anak, dari sudut pendidikan anak pun dia ambil alih. Sampai saya sendiri dia tak bagi pun masuk dalam grup sekolah sebab dia tak nak saya terbebanlah dengan urusan-urusan sekolah anak. Biasa ibu kan yang banyak respon sekolah anak tapi ini tak. Memang dia yang akan uruskan sebab satu lagi nak jaga privacy nombor sayalah termasuk dalam grup tu tapi dia dah ambil peranan dan tanggungjawab itu..dia dah mewakafkan isteri dia ni untuk kerja dakwah dan menerima saya ni sebagai satu amanah daripada Allah maksudnya Allah dah pilih untuk buat kerja dakwah atas dasar beberapa anugerah yang Allah berikan dan ia jadi amanah. Sebab anugerah itu kalau dijadikan amanah dia akan jadi satu rahmatlah. Tapi kalau anugerah akan jadi satu musibah jika tak dijalankan dengan amanah, ia jadi musibah. Suami kata dia tak boleh nak buat kerja dakwah, tak boleh nak ceramah macam ni. Jadi dia nak juga pahala kerja dakwah melalui tu.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 2022)

Selain dari suaminya, ibu ayahnya juga merupakan antara pendokong utama dalam dakwahnya.

“Mak dan ayah saya sendiri yang tekankan saya berdakwah Sebab latar belakang keluarga adalah pendakwah seperti Tuan Guru Cik Abas iaitu dan Tuan Guru Haji Awang yang merupakan atuk dan moyang saya. (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb jun 2022)

4.2.4.5 Prinsip dan Matlamat Dalam Dakwah

Pendakwah perlu ada prinsip dan matlamat dalam dakwah, menerusi temu bual antara pengkaji bersam UAH, beliau ada menjelaskan berkaitannya.

“Prinsip dalam dakwah saya ini ialah buat sehabis baik. Kalau dengan team saya selalu kata kalau orang buat kerja maksiat sehabis baik, kita buat kerja dakwah kena lagi sehabis baik. Contoh kita kata mikrofon kan, speaker. Kalau orang nak buat konsert, speaker itu nilai ratus ribu sebab nak yang terbaik. Ramai orang nak buat kerja dakwah tapi terasa beban. kesungguhan, nekad, beban tu berbeza..Ada orang tak masyhur tapi hatinya mencintai kemasyhuran. Dia nak masyhur. Ada orang masyhur tapi hatinya tidak mencintai kemasyhuran. Ada orang kaya tapi dia tidak mencintai kekayaan. Ada orang miskin tapi dia dia mencintai kekayaan. Jadi antara ujian ialah konflik dalaman diri saya. contoh kan, bila orang sebut bila buat dakwah sebab nak masyhur. Bila nak buat dakwah sebab nak glamor. Bila buat dakwah soalnya macam itu. Itulah antara ujian yang menjadikan kita orang perempuan berfikir. Jadi sebenarnya orang tak tahu bayaran masyhur ni sangat berat. Masa tidak ada life, tidak ada kehidupan peribadi dan anak-anak pun menjadi perhatian. konflik dalaman, dalam kekeluargaan pun semakin berat ujian itu yang kita tak boleh nak cerita pada orang awam dan kita kena tanggung beban expectation orang dan sebagainya.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb 6 2022)

4.2.4.6 Kelayakan Menjadi Tokoh Dakwah di Malaysia

UAH seorang yang diberikan dengan pelbagai kelebihan dan dinobatkan sebagai orang berpengaruh kepada *mad’ū* dan dinobatkan sebagai tokoh oleh YADIM serta mendapat banyak anugerah diantara pendakwah yang lain. Menerusi temu bual pengkaji bersama staf UAH dan pakar dakwah, mereka mengakui kelayakan UAH sebagai tokoh dan wajar dicontohi.

“Ya saya boleh katakan UAH layak menjadi tokoh dan buat kita tengok dari segi peribadi dia itu boleh jadi tokoh Insya-Allah.” (Responden 01)

“Pada pandangan saya memang sesuai, sesuai jadi tokoh dari sudut akhlak dia dan semualah.” (Responden 02)

“Ya saya sangat bersetuju dengan ustazah Asma’ layak menjadi tokoh kerana saya mengaguminya dan merupakan guru saya.” (Responden 07)

“Bagi saya ustazah Asma’ boleh dianggap sebagai tokoh.” (Responden 08)

“Ya ustazah layak dianggap tokoh.” (Responden 09)

“Ustazah Asma’ Harun merupakan antara pendakwa muslimah Yang bagus lah yang patut dicontohi. Jadi patut kita kena contohi dia sebab sebagai seorang pendakwah ni berat tanggungjawab itu kerana kena jaga seluruh aspek kehidupan kita supaya tidak menimbulkan fitnah kepada agama kita.”(Fatahiyah, temu bual pakar dakwah 2024)

“Ketika saya mula melihat UAH, saya suka melihat perwatakan dan rupanya yang Allah SWT anugerahkan kepadanya. Beliau seorang yang petah, santai dan berhikmah. Beliau menggunakan kelebihan-kelebihan yang ada dimasa sekarang didalam dakwahnya dan mempunyai ramai pengikut. Beliau layak menjadi tokoh dan ikutan kepada orang lain.”(Zawiyah, temu bual pakar dakwah 2024)

“Ustazah Asma’ seorang pendakwah yang santai dan layak mendapat tokoh melalui keperibadiannya yang baik”(Nur Hafizah, temu bual pakar dakwah 2024)

4.2.5 Keperibadian Ustazah Asma’ Harun.

Keperibadian yang baik dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT merupakan pra-syarat utama untuk mencapai matlamat dan kejayaan dalam sesuatu perjuangan dan kehidupan. nabi Muhammad SAW merupakan model yang teragung buat seluruh umat manusia dalam mencapai matlamat dan tujuan hidup. Fiman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Terjemahan:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”

(Al-Qalam: 4)

a) Tegas

Sifat tegas ini perlu ada pada setiap diri dalam menguruskan sesuatu perkara apatah lagi dalam urusan agama Allah Taala. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ
أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٥٤﴾

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari ugamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan dia. Mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir.

(Al-Maidah: 54)

Menurut al-Bayḍāwī (1996), ayat ini merupakan peringatan tegas kepada orang beriman bahawa kemurtadan mereka tidak akan mengurangkan sedikit pun kekuasaan atau agama Allah. Beliau menegaskan bahawa lafaz “مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ” menunjukkan ancaman terhadap sesiapa sahaja yang berpaling daripada agama, namun pada masa yang sama ia mengisyaratkan bahawa agama ini tetap dipelihara dan akan digantikan dengan kaum lain apabila berlaku kelemahan pada generasi terdahulu. Dalam menghuraikan “فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ”, al-Bayḍāwī (1996) menyatakan bahawa Allah akan mendatangkan suatu kaum yang memiliki sifat-sifat ideal yang melayakkan mereka menjadi penjaga agama. Penegasan bahawa Allah “datang” dengan kaum tersebut menggambarkan bahawa pertolongan dan pemeliharaan agama bersifat terus daripada Allah, bukan bersandar kepada kekuatan manusia.

Al-Bayḍāwī (1996) memberi perhatian khusus kepada frasa “يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ”, yang menurutnya menggambarkan hubungan kerohanian dua hala antara Allah dan hamba-hamba pilihan. Cinta Allah kepada mereka menunjukkan penerimaan, taufiq dan penjagaan, manakala cinta mereka kepada Allah melahirkan ketaatan, pengorbanan dan kesetiaan yang mendalam. Seterusnya, al-Bayḍāwī menghuraikan sifat “أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ” sebagai kelembutan, belas kasihan dan tawaduk terhadap sesama mukmin. Sifat ini menunjukkan kesatuan dalaman umat, di mana hubungan mereka dipenuhi rahmat dan saling memuliakan. Sebaliknya, sifat “أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ” menggambarkan ketegasan,

kekuatan prinsip dan ketahanan diri ketika berhadapan dengan golongan yang memusuhi agama. Al-Bayḍāwī (1996) menegaskan bahawa keseimbangan antara kelembutan dan ketegasan ini merupakan syarat kesempurnaan kepimpinan dan penjagaan agama. Keseluruhan ayat, menurut al-Bayḍāwī (1996), menunjukkan bahawa kemuliaan agama tidak terikat pada mana-mana kaum tertentu. Bahkan, Allah sentiasa mampu menggantikan golongan yang berpaling dengan hamba-hamba lain yang lebih setia, lebih bersifat rabbani dan mempunyai cinta yang ikhlas kepada-Nya.

Maka jelaslah bahawa di dalam ayat ini menjelaskan bahawa perlu bersikap dengan lemah lembut dan tegas didalam pendekatan dakwah secara berhikmah. Menerusi temu bual bersama staf UAH, mereka menyatakan bahawa UAH merupakan seorang yang tegas didalam urusan dakwahnya.

“Setakat yang saya mengenali ustazah sepanjang bekerja dengan beliau ini, ustazah seorang yang tegas lah, tegas dengan gerak kerja dan saya rasa kerja dakwah ini perlu kepada ketegasan kerana bagi saya setiap waktu dan setiap orang perlu digesakan kerana setiap kerja perlu laju contohnya yang saya lihat kalau ada asnaf yang perlukan bantuan kena cepat bertindak berkaitan dengan isu-isu kebajikan ummah ini.” (Responden 01)

“Saya sebagai pekerja melihat ustazah sebagai majikan lah..ustazah seorang sangat tegas dan sangat mementingkan kesempurnaan dalam setiap kerja, kami sebagai pekerja kena usaha untuk capai kpi yang ustazah naklah..dan kpi yang ustazah tetapkan pula nakkan yang terbaiklah sebab kebiasaan kita punya mentaliti tu asal siap dah terbaik kan.” (Responden 04)

“Ustazah memang seorang yang tegas tetapi tegas sebagai seorang majikan dengan pekerja lah.. (Responden 06)

“Ustazah seorang yang tegas dalam santai (berilmu), bukan tegas tu sebab nak bantai orang tetapi untuk kebaikan.” (Responden 07)

“Sebagai majikan ustazah memang seorang yang tegas tetapi bertempatlah..Ada masa ustazah ni tegas, ada masanya ustazah ni santai..maksudnya dia meletakkan keadaan dakwahnya pada keadaan yang sesuai dengan masanya dan tempat lah.” (Responden 09)

b) Fokus dan Berusaha Dengan Bersungguh-Sungguh Didalam Dakwah

Sifat fokus dan berusaha dengan bersungguh-sungguh didalam dakwah merupakan sifat yang sangat dituntut didalam dakwah dan juga merupakan akhlak mulia yang sangat dituntut di dalam Islam dan dunia dakwah. Rasulullah SAW menyeru umat Islam agar mengikuti dan mencontohi akhlak ini di dalam kehidupan.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
"إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ".

Terjemahan:

Daripada Aisyah RA bahawa nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan yang dilakukan dengan tekun".

(Riwayat Al-tabarani: 897)

Menurut informan 01 dan 02,

"Beliau sangat bekerja keras." (Responden 01)

"Beliau seorang yang tegas dan amat-amat fokus dalam gerak kerja." (Responden 02)

Manusia dituntut untuk tekun dalam segala perkara yang dilakukannya apatah lagi golongan pendakwah dituntut tekun didalam kesungguhan menyampaikan dakwahnya menyeru kebaikan kepada *mad'ū* dan perlu pasakkan ketekunan didalam sesuatu perkara yang baik hanya kerana Allah SWT sebagaimana Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Terjemahan:

Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

(Al-An'Am: 162)

Menurut al-Sha'rāwī (1991), ayat ini merupakan suatu deklarasi tauhid yang paling komprehensif kerana ia menghimpunkan seluruh dimensi ibadah dan kewujudan manusia dalam satu pengakuan segala amal, kehidupan dan kematian adalah milik Allah semata-mata. Al-Sha'rāwī (1991) menegaskan bahawa perintah "قُلْ" menunjukkan Allah sendiri yang mengajar nabi SAW lafaz ketundukan ini, menandakan bahawa tauhid bukan sekadar kefahaman intelektual tetapi suatu sifat yang perlu diajar, ditanam dan diungkapkan secara sedar.

c) Teliti di dalam sesuatu perkara

Sifat teliti atau berhati-hati merupakan sikap yang penting dalam semua perkara apatahlagi di dalam urusan dakwah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا

عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengetahuinya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

(Al-Hujurat: 6)

al-Marāghī (2001) menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi bimbingan Ilahi yang mendidik hamba-Nya agar beradab mulia serta berhati-hati dalam urusan agama dan dunia. Beliau menegaskan bahawa apabila seseorang yang bersifat fasik menyampaikan berita yang menyentuh perkara-perkara penting, khususnya yang berkaitan dengan syiar agama, maka berita tersebut tidak boleh diterima secara terburu-buru. Sebaliknya, ia perlu diselidik dan diteliti terlebih dahulu bagi memastikan kesahihannya serta mengelakkan kemudaratan yang mungkin timbul akibat kejahilan atau maklumat yang tidak benar (al-Marāghī, 2001).

“Beliau sangat teliti didalam sesuatu urusan, dan kerana sikap yang positif dari diri beliau inilah sesuatu isu atau masalah itu dapat diatasi dengan cepat dan mudah” (Responden 1)

d) Berani (*‘As-Syujā’ah*)

Berani adalah sifat yang paling penting yang perlu ada pada diri seorang pendakwah sebagaimana sifat ini ada pada diri semua rasul-rasul dalam menyampaikan risalah Allah SWT dan tokoh-tokoh Islam yang berani berhadapan dengan musuh dan segala cabaran samaada di dalam peperangan atau berhadapan menegakkan daulah Islam dan *Amar Maaruf Nahi Munkar*. Imam Hassan Al-Banna (2019) ada menyebut

didalam kitab Risalah Ta'alim yang dikarang oleh beliau tentang berani, bersiap sedia untuk memikul bebanan. Sebaik-baik keberanian adalah berterus terang dengan perkara-perkara yang benar, mengakui kesalahan sendiri, sanggup menyimpan rahsia-rahsia, menginsafi diri dan mampu mengawal diri ketika marah.

Menurut Responden dari staf UAH:

"Ustazah dikenali ramai sejak ustazah bagi ceramah, berani berterus terang dan bercakap serta ustazah pikul tanggungjawab Amar Maaruf Nahi Munkar seperti menegur artis-artis yang tak nak ikut agama." (Responden 05)

"Kelebihan ustazah ialah mampu buat dua perkara iaitu Amar Maaruf dan Nahi Munkar kerana kebanyakan saya melihat ramai pendakwah hanya mampu buat Amar Maaruf sahaja. Dan tidak semua orang boleh berpijak dengan Nahi Munkar itu sendiri." (Responden 07)

"keperibadian ustazah sebagai seorang ketua itu sedikit sebanyak saya kenallah..ustazah ini suka mengajar disamping menegur kesilapan yang perlu diubah." (Responden 08)

Pendakwah harus berani didalam mendepani pelbagai cabaran dan meyakini dengan pertolongan Allah. sebagaimana Allah telah merakamkan kemenangan yang diberikan kepada umat Islam di dalam pembukaan Mekah setelah mereka melalui pelbagai kesakitan dan kesusahan didalam usaha mendaaulahkan agama Allah. Firman Allah SWT:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ كَفَرُوا السُّفْلَى ۗ وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



Terjemahan:

Kalau kamu tidak menolongnya (nabi Muhammad SAW) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya:

"Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita". Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada (nabi Muhammad SAW) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terkebawah (kalah dengan sehinahinanya), dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Taubah:40)

Menurut Ibn Kathīr (2000), ayat ini merupakan peringatan kepada orang beriman bahawa bantuan mereka bukanlah syarat bagi kemenangan Rasulullah SAW, kerana Allah sendiri telah menolong Baginda dalam keadaan paling genting. Ibn Kathīr menegaskan bahawa pertolongan Allah adalah hakikat yang tetap, manakala sokongan manusia hanyalah sebab yang bersifat kehendak syarak.

e) Penyayang

Sikap penyayang ini amat penting dan perlu ada pada diri seorang pendakwah. Menurut Zaidan (2023), Seorang pendakwah mestilah mempunyai hati yang lembut yang dipenuhi dengan sifat kasih sayang terhadap setiap orang kerana sifat ini diajak dan diseru untuk melaksanakan ajaran islam supaya mereka terhindar dari api neraka dan mendapat redha Allah Taala. Pendakwah yang bersifat dengan kasih sayang ini tidak akan berhenti dan mudah berputus asa serta boleh meringankan penderitaannya walaupun berhadapan dengan pelbagai tuduhan dan tentangan dari orang yang jahil dan melalui sifat ini juga timbullah keinginan untuk memaafkan *mad'ū* yang mengganggu haknya.

"Kalau sebagai kawan ustazah adalah the bestlah..ustazah pendengar yang baik..keadaan bekerja dengan kawan itu berlainan lah dan baru gerak kerja itu bergerak dengan baik" (Responden 06)

"Walaupun beliau sangat tegas jika ada staf yang merajuk dia pandai memujuk..ustazah ni ada kelebihan pandai memujuk orang." (Responden 03)

"Beliau sangat baik hati dan sangat mudah menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan." (Responden 05)

4.3 Hasil Dapatan Analisis Strategi Dakwah Kontemporari Ustazah Asma' Harun di Malaysia.

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa UAH melaksanakan dakwahnya melalui pelbagai *wasilah* yang menguatkan dakwah beliau sehingga ke hari ini. Antaranya adalah: (a) dakwah melalui media sosial; (b) dakwah melalui institusi masjid; (c) dakwah melalui kumpulan pasukan; (d) dakwah melalui lisan yang baik; (e) dakwah melalui penulisan (*al-dakwah bil qalam*); (f) dakwah melalui perilaku yang baik (*bil hāl*); dan (g) dakwah melalui perniagaan.

4.3.1 Dakwah Melalui Lisan Yang Baik.

Dakwah melalui lisan merupakan antara dakwah yang paling penting bagi menyampaikan dakwah sama ada melalui berceramah di masjid, surau, institusi pengajian, atau dimedia sosial sebagaimana yang dilakukan oleh UAH dan juga pendakwah-pendakwah yang lain sejak kedatangan Islam sehingga ke hari ini.

Hadis nabi S.A.W:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً وَحَدِّثُوا عَنِ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعِدًّا
فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan:

Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat, dan ceritakanlah tentang Bani Israel tanpa rasa ragu. Dan sesiapa yang berdusta ke atas diriku dengan sengaja, maka sediakanlah tempatnya di neraka.

(Sahih Bukhari)

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ
وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِنْ يَكُنْ عَنِيَّ أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا ۚ

وَإِنْ تَلَوْا أَوْ تُعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Al-Nisa:135)

Menurut Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1981) dalam *Mafātīḥ al-Ghayb*, ayat ini merupakan antara perintah paling tegas dalam al-Qur'an mengenai kewajipan menegakkan keadilan. Dalam menghuraikan lafaz “talwū” dan “tu‘riḍū”, al-Rāzī menjelaskan bahawa ia merangkumi dua bentuk penyimpangan: memutarbelitkan keterangan atau enggan menunaikan tanggungjawab penyaksian. Kedua-duanya dianggap sebagai perbuatan khianat terhadap amanah keadilan. Ayat ini akhirnya ditutup dengan peringatan bahawa Allah Maha Mengetahui setiap perbuatan manusia, sekali gus menanam rasa muraqabah agar keadilan ditegakkan sebagai suatu bentuk ibadah kepada-Nya.

4.3.1.1 Lemah Lembut, Petah dan Berhikmah Di dalam Bertuturkata

Bagi memakmurkan bumi ini, dunia memerlukan khalifah dan kepimpinan dari orang-orang yang cerdas, bijak, lemah lembut dan berhikmah dalam menyampaikan dakwah. Kerana itulah para rasul dan nabi diberikan kebijaksanaan dan kecerdasan oleh Allah SWT. SirahNabi menjadi bukti keberkesanan peribadi dan akhlak nabi Muhammad SAW di dalam dakwah. Beliau menunjukkan kaedah dakwah yang pelbagai samaada sedikit secara tegas atau secara lembut sebagai panduan kepada pendakwah. Kepetahan juga merupakan aspek yang penting didalam memberikan keberkesanan dalam penyampaian melalui lisan ini. Menurut Responden 04:

“Bagi saya ustazah dikenali melalui kepetahan dalam menyampaikan dakwah dan pengaruh dalam bidang dakwah itu sendiri.” (Responden 04)

Berlemah lembut mengikut (Afifi, 2024) ialah berlembut sama ada dalam perkataan dan perbuatan dan menggunakannya dengan cara yang paling mudah dalam dakwah. Ia merupakan lawan kepada keganasan serta kekasaran. Dan Allah SWT Maha lembut dan sukakan dikalangan hambanya yang berlemah lembut. Dan diantara nama Allah juga ialah ar-Rafiq (Maha lemah lembut). Terdapat juga dalil di dalam al-Quran yang menyarankan agar berlemah lembut. Berhikmah didalam tuturkata juga merupakan diantara sifat-sifat yang baik bagi seorang pendakwah dan perlu mengamalkannya didalam dakwah (Afifi, 2024). Melalui pemerhatian pengkaji dan temu bual bersama staf UAH, pengkaji mendapati UAH menggunakan strategi didalam dakwah melalui lisan ini dengan menggunakan teknik percakapan yang lemah lembut, santai dan berhikmah mengikut keperluan dan kesesuaian semasa.

“Penyampaian ustazah lebih santai dan sampai. Saya suka penyampaian dakwah yang lembut dan rileks seperti ustazah Asma’ lah..contoh ustazah Asma’ bila bercerita dalam ceramahnya beliau akan ambil cerita-cerita yang dekat dengan masyarakat seperti hubungan anak dengan emak dan ayah..penyampainnya tidak berat, lembut, baik tetapi dalam masa yang sama ada ketegasan. kerana follower UAH bukan dari satu peringkat umur sahaja bahkan merangkumi golongan muda dan tua.” (Responden 01)

“Dakwah ustazah berhikmah dan ikut situasi semasa.” (Responden 02)

“Pendapat saya dakwah yang dibawa oleh ustazah Asma’ ini mudah diterima dan tidak berat..dia santai.” (Responden 03)

“Ustazah seorang yang santai,” (Responden 04)

“Dia santailah..dia dekati dengan hati kita semua.” (Responden 05)

“Pendapat saya dakwah ustazah Asma’ santai dan boleh diterima ramai.” (Responden 06)

Mempunyai kemahiran di dalam berpidato dan berkomunikasi adalah penting bagi pendakwah, pemimpin masyarakat dan ahli politik dalam menyampaikan dakwah dan kepimpinan apatahlagi apabila ingin berdepan dengan pelbagai masyarakat. Perlu diberi perhatian juga bahawa kemahiran komunikasi dan berpidato ini bukan sahaja pada aspek tuturkata bahkan ia juga merangkumi aspek akhlak dan tingkah laku dalam pergaulan. Dalam al-Quran sendiri ada memberi panduan kepada umat manusia

bagaimana cara dan kaedah bagi mencapai kemahiran komunikasi yang baik. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِّعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ

لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

Terjemahan:

Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran) sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

(Al-Isra: 53)

Menurut al-Bayḍāwī (1996) perintah Allah dalam ayat berikut menuntut hamba-hamba-Nya agar memilih ucapan yang paling baik, lembut dan jauh daripada unsur menyakitkan hati. Beliau menegaskan bahawa ucapan yang baik ini bertujuan menutup pintu perselisihan serta menghalang syaitan daripada mencetuskan permusuhan. Oleh itu, pemilihan kata-kata yang indah merupakan benteng daripada tipu daya syaitan. Tambahan beliau, syaitan disebut sebagai musuh yang nyata kerana permusuhan nya nyata dan berterusan, yang memerlukan manusia sentiasa berwaspada melalui akhlak dan tutur kata yang baik. Menurut Responden 01 dan 08:

“Mungkin peribadi ustazah itu sendiri mudah didekati. Kalau tengok dalam ceramahnya pun dia sentuh berkaitan dengan isu-isu yang dekat dengan kita dan kita nampak peribadinya mudah didekati dan itulah antara faktor follower ustazah ramai.”(Responden 01)

“Pandangan saya ustazah dikenali ramai kerana beliau membawa satu karakter yg diminati ramai, contoh segala teguran bukan direct kepada orang yang buat salah tetapi uah tegur secara umum, dan lebih-lebih lagi dengan perkongsian ilmu agama dan perkongsian tentang syariah. Dakwah beliau sesuai dengan zaman sekarang.”(Responden 08)

4.3.2 Dakwah Melalui Penulisan (*al-Dakwah bil Qalam*)

Menurut Badruddin (2017), menulis merupakan aktiviti penting yang perlu diambil iktibar dan sejarah penulisan ini sudah pun bermula pada zaman nabi SAW dan para sahabat sehingga berterusan sehingga ke hari ini. Perkembangan penulisan merupakan penekanan diantara perkara yang menggambarkan penekanan terhadap kaedah penyampaian dakwah yang ingin disampaikan. Penulisan pada zaman Rasulullah dimulai melalui sumber perekodan mengenai wahyu Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW supaya ia terpelihara dan dapat disebarluaskan kepada seluruh umat nabi SAW. Aktiviti penulisan ini merupakan sebagai wasilah dakwah yang bermula dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan pembukuannya serta hadis-hadis nabi SAW sehingga tertubuhnya Baitul Hikmah sebagai pemberi sumbangan kepada bidang penulisan. Sumbangan penulisan ini adalah sebagai menyahut tuntutan yang dihayati dari Fiman Allah SWT:

اِقْرْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Terjemahan:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

(Al-‘Alaq: 1)

al-Zuhaily (1998), menegaskan bahawa ayat ini merupakan wahyu pertama yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW di Gua Hira’. Arahan “*Iqra*” menjadi tanda bermulanya tugas kenabian iaitu menyampaikan risalah, mengajar manusia, dan membimbing mereka kepada tauhid serta kebenaran. Pengkaji mendapati penulisan UAH mendapat sambutan yang menggalakkan dan dijual di kedai beliau yang bernama Galeri Ustazah Asma’ Harun di senawang. Beliau juga menjual bukunya secara online dan fizikal antaranya di lokasi ceramah beliau samada dimasjid-masjid dan syarikat. Menurut UAH dalam temu bual pengkaji bersamanya. Melalui pemerhatian pengkaji, Terdapat banyak buku-buku yang dikarang oleh Ustazah Asma’ Harun. Diantara senarai buku yang dikarang oleh beliau ialah Sahabat Dunia Akhirat, 2020 dan 111 *Fiqh* Soal Jawab Ramadan, 2021. Beliau bukan sahaja menulis didalam buku semata-mata bahkan beliau juga aktif menulis tentang keperluan ilmu yang semasa di media sosial seperti *Facebook* yang menjadi rujukan *Follower* beliau di masa kini.

“Kalau kita Lihat semasa Pesta Buku Kuala Lumpur (PBKL) baru-baru ini, memberi kejutan bahawa follower ustazah adalah dari kalangan anak-anak muda, saya rasa walaupun anak-anak muda ada gadget, tetapi masih ada wujud anak-anak muda yang suka membaca buku, novel..jadi saya rasa buku-buku penulisan ustazah ini menarik minat anak-anak muda ini.” (Responden 01)

“Ustazah mula dikenali dari penulisan yang ilmiah yang boleh diterima waktu sekarang dan dikenali juga dari media sosial.” (Responden 06)

4.3.3 Dakwah Melalui Kumpulan Pasukan

Bekerjasama dan bergerak bersama kumpulan merupakan antara strategi yang berkesan didalam menggerakkan kerja-kerja dakwah kerana pendakwah tidak mampu untuk bekerja secara berseorangan bagi melebarluaskan lagi dakwah. Pengkaji mendapati diantara kekuatan UAH didalam menyampaikan dakwah adalah kerana mempunyai pasukan kumpulan yang membantunya dari belakang dan UAH telah menyusun gerak kerja bagi setiap pasukan yang dibina agar perjalanan dakwah lebih teratur. Antara gerak kerja yang disusun oleh beliau didalam pasukan ialah seperti Bahagian Pengurusan, Bahagian Kewangan, Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Jualan dan Pemasaran, Bahagian Penyelidikan. Gerak kerja ini dilakukan oleh staf beliau seramai 83 orang (Pembantu Peribadi Ustazah Asma' Harun). Menurut Responden bersama staf UAH,

“Bagi saya support team itulah yang menggerakkan dakwah menjadi lebih laju.. kerana team ni dia membawa imej dan brand ustazah, imej boleh mula dari pakaian, pertuturan, gerak kerja dan lain-lain..team itu memang support kerja-kerja dakwah ini.. Saya bertanggungjawab untuk menjaga branding Ustazah, mencari apa sahaja potensial program ataupun bisnes yang kita boleh bawa masuk kedalam hijrah axcell lah.. ini termasuk semua unit gerak kerja perlu diurus dibawah unit ini..kita beusahalah supaya ia bergerak seiring dengan dakwah ustazah. Setiap satu dengan syarikat ini dia ada ketua tetapi saya yang akan moniter mereka sebabnya setiap apa sahaja syarikat-syarikat dan setiap unit lakukan mesti selari dengan misi dan visi ustazah. Saya kena pastikan semuanya selari lah dengan apa sahaja isu-isu dan permasalahan-permasalahan syarikat atau unit-unit.” (Responden 0)

“Team adalah kekuatan utama dalam strategi dakwah. Gerak kerja saya ini bahagian umrah dan haji dan dalam masa yang sama tengah menyusun travel didalam dan diluar negara..inshaallah tahun ini akan ada pakej travel ini. Buata masa ini 4orang staf yang bekerja dibawah unit ini.” (Responden 02)

“Ya team pasukan itu adalah kekuatan untuk dakwah. saya bahagian pengurusan dan menguruskan staf dan kerja-kerja admin. Jika ada aktiviti melibatkan staf itu adalah kerja saya yang akan menguruskannya Seperti mengeluarkan surat-menyurat.” (Responden 03)

“Ustazah semangat dalam dakwah, mempunyai cita-cita yang besar yang memerlukan ramai orang yang bekerjasama dalam aktiviti dakwah.” (Responden 05)

“Pada pandangan saya sendiri, menjadi satu inisiatif yang baik bila ustazah ada syarikat yang membangunkan dakwah dan kebanyakan pendakwah-pendakwah yang lain bergerak sendiri dan tidak ada kekuatan untuk bergerak secara besar-besaran dan bila ustazah bergerak dengan team itu salah satu kekuatan dakwah ustazah jugalah. Ustazah perlu perkukuhkan team yang sedia ada dan begitu juga kepada pendakwah-pendakwah yang lain perlu tubuhkan team juga untuk bergerak dengan team bukan dengan seorang diri sahaja. Kebiasaannya dibawah unit penyelidikan kami akan handle berkaitan penulisan dakwah ustazah, kemudian penghasilan ebook-ebook dan juga buku-buku dibawah ustazah lah. Kadang-kadang ada juga kuliah dari ceramah ustazah kita akan transkrip jadikan buku.” (Responden 04)

“Bagi pendapat saya, team pasukan amat penting untuk kekuatan dakwah.” (Responden 07)

“Team pasukan adalah antara kekuatan dalam dakwah..Skop gerak kerja dibawah unit ini ialah menyediakan pengajian ilmu lebih kepada asas fardhu ain, asas mengaji, pengajian ini kita bahagikan kepada dua pihak iaitu satu pihak kepada orang awam dan satu pihak lagi kepada asnaf serta muallaf.” (Responden 08)

“Secara peribadi apa-apa pun kerja perlu ada gerak kerja berkumpul lah sebab ia satu kekuatan. Gerak kerja dibawah unit saya ialah bermula dari Lembaga pengarah-kemudian turun kepada management-kemudian ketua-ketua unit kemudian staf. Maksudnya bermula dari ustazah Asma’, ustaz tengku dan ketua-ketua setiap unit. Setakat ni al-ahamdulillah kita bekerja ikut perancangan yang dibuatlah. Sebab Setiap hari akan ada perancangan apa nak buat dan ada rancangan mingguan. Kita ada planner harian, bulanan dan mingguan. Contoh kerja harian seperti urusan infa , urusan perkampungan” (Responden 09)

Namun, perlu diakui bahawa untuk mendapatkan kekuatan disebalik pergerakan dan perjalanan *team* itu bukanlah perkara yang mudah dan ia memerlukan masa bagi mengimbangi setiap gerak kerja agar ia lebih tersusun dan secara tidak langsung memberikan impak yang positif ataupun negatif kepada dakwah. Menerusi hasil dari temu bual pengkaji bersama staf UAH, pengkaji mendapati bahawa *team* pasukan yang dibina oleh UAH bermula dari bawah dan ia memerlukan masa untuk menjadikan ia satu *team* yang kukuh rapi. Semua *team* yang bekerjasama perlu memberikan kerjasama yang baik mengikut arahan ketua. Menurut Responden bersama staf UAH,

“pada pendapat saya ia tersusun sebab mengikut pengalaman saya bekerja dengan banyak korporat-korporat kompani..jadi, team hijrah ini adalah syarikat baru jadi benda yang susah untuk untuk di set-up lebih-lebih lagi kalau yang menguruskan tu orang-orang baru, fresh graduet..yang masih belum tahu lagi industri tu bagaimana..tapi Alhamdulillah buat masa sekarang saya nampak bersistem dan semua staf boleh ikut dengan baik. Dan kita akan sentiasa improve lah sehingga berdiri dengan kukuh lah..dan ia perlu mengambil masa jugalah.” (Responden 01)

“Semasa mula-mula saya masuk bekerja dengan Ustazah Asma’ dahulu nampak agak bercelaru jugalah sebab baru nak bina team kan, contoh gerak kerja yang tak tersusun itu seperti kerja banyak tetapi min power tak cukup..atau ada gerak kerja yang belum tersusun lagi tapi kita dah plan untuk buat kerja yang lain. Gerak kerja begini ada pro n contra juga..tapi jika masih ada relevan untuk dakwah kepada masyarakat ia tidak menjadi masalah dan perlu ambil masa.” (Responden 04)

“Ustazah bukan seperti pendakwah yang lain yang fokus pada dakwah sahaja, tetapi ustazah ini bukan sahaja fokus pada dakwah semata-mata tetapi ustazah juga seorang Bisneswomen, suri rumah dan seorang ibu. Jika dikatakan team syarikat ustazah sepenuhnya tersusun itu tidaklah kerana ustazah bukan orang yang berpengalaman tetapi jika fokuskan kepada team dakwah mungkin boleh dikatakan kukuh dan tidak adil untuk katakan ustazah mempunyai team yang betul-betul tersusun itu dan perlukan masa.” (Responden 05)

“Gerak kerja nampak tersusun walaupun dari awalnya nampak belum tersusun kerana ia perlu ambil masa untuk lebih teratur.” (Responden 07)

4.3.4 Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (*Bil Hāl*)

Dakwah *bil hāl* ini merangkumi pelbagai keadaan bagi menyampaikan dakwah yang menghubungkan diantara pendakwah dan *mad’ū* agar hubungan menjadi lebih mesra, rapat dan dipercayai. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati UAH mengambil peluang didalam dakwahnya bersama masyarakat khususnya golongan yang memerlukan bantuan seperti golongan asnaf dengan menggunakan pendekatan dakwah *Bil hāl*. Dakwah bukan semata-mata melalui kebajikan, memberi makan dan bantuan tetapi UAH mengambil peluang disamping dakwah *Bil Hāl* ini dengan berdakwah secara berhikmah mengikut kesesuaian keadaan *mad’ū*. Dakwah bukan hanya sekadar memberi makan. Namun, usaha-usaha Islah dan Tarbiyyah iaitu peningkatan kualiti dan penambahbaikan kepada *mad’ū* terutamanya gelandangan dikalangan Muslim perlu dititikberatkan dan diusahakan supaya jiwa mereka tidak keras dan kosong (Abd. Ghani et al., 2003). Firman Allah SWT:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا
مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Terjemahan:

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukannya dengan sesuatu apa jua, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.

(Al-Nisa: 36)

Menurut Sya'rawi (1991), perintah Allah dalam ayat ini merupakan asas seluruh syariat; setiap ibadah hanya sah apabila tauhid ditegakkan sepenuhnya tanpa sebarang bentuk kesyirikan. Selepas menegaskan tauhid, Allah menghubungkan perintah itu dengan kewajipan berbuat baik kepada ibu bapa. Sya'rawi (1991) menjelaskan bahawa kedudukan ibu bapa dinyatakan terus selepas tauhid kerana jasa mereka adalah sebab kewujudan dan kehidupan seseorang, justeru ihsan kepada mereka adalah kewajipan yang mendahului hak-hak sosial lainnya. Sya'rawi (1991) juga menafsirkan bahawa Allah menyenaraikan beberapa kelompok seperti kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran dekat dan jiran jauh untuk menunjukkan bahawa hubungan manusia dibina atas rangkaian tanggungjawab sosial yang semakin meluas. Sya'rawi (1991) menyatakan bahawa "jiran dekat" boleh merujuk kepada yang mempunyai hubungan nasab atau lokasi, manakala "jiran jauh" ialah yang tiada hubungan khusus tetapi tetap memiliki hak sebagai jiran. Menurut responden daripada staf UAH berkaitan dakwah *bil hāl* UAH bersama masyarakat:

"Dakwah secara bil hal, turun padang, ziarah, kerana dakwah dengan cara yang zahir yang boleh nampak depan mata akan lebih diingati oleh mad'ū kerana bila bercakap semata-mata mungkin mad'ū akan lupa." (Responden 02)

"kekuatan uah bukan sahaja dimedia tetapi juga turun padang dah boleh cover segala aspek." (Responden 09)

4.3.4.1 Menjaga Hubungan Yang Baik Sesama Masyarakat

Pendakwah perlu menjaga hubungan yang baik bersama masyarakat sebagai *mad'ū* dan perlu menunjukkan qudwah yang baik. Disamping mempunyai kelebihan yang diberikan Allah dengan pelbagai bentuk, sifat berkasih sayang dan menjaga hubungan yang baik perlu diterapkan didalam dakwah kerana ia adalah satu sifat yang disukai *mad'ū*. Pengkaji mendapati UAH menitik beratkan hubungan yang baik bersama masyarakat. Menurut Responden 05:

“Beliau sangat baik hati dan sangat mudah menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan. Contohnya yang biasa kita nampakkan kalau orang banjir beliau akan hantar misi bantuan. Kalau ustazah nampak orang susah ustazah akan buat temujanji akan bantu dan kita sebagai NGO ni akan bantulah dan sikap ustazah ni baguslah sebab boleh dibawa bincang.”(Responden 05)

Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatnya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.

(Maryam: 96)

Al-Baidhāwī (1996) menjelaskan tentang ayat ini bahawa kecintaan Allah bukan sahaja berupa rahmat umum tetapi juga bentuk keistimewaan bagi orang yang taat sehingga mereka menjadi hamba yang dicintai dan diberkahi-Nya. Tafsir ini menunjukkan hubungan timbal balik antara keimanan, amalan baik, dan kasih sayang kerana Allah, di mana pelaksanaan amal kebaikan berfungsi sebagai jalan utama untuk memperoleh perhatian, pemeliharaan serta cinta daripada Tuhan.

4.3.4.2 Menyediakan Khidmat Kebajikan

UAH amat menitikberatkan tentang kebajikan staf dan masyarakat sehinggakan beliau menubuhkan NGO sahabat Amal care bagi menguruskan kebajikan masyarakat disamping untuk menyampaikan dakwahnya. Menurut (Huzaimah, temu bual pakar

dakwah 2024), dakwah Ustazah Asma' ini bagus kerana dia bukan hanya berdakwah sahaja tetapi dia menggunakan pendekatan dakwah Bil hal dengan menubuhkan NGO untuk menyalurkan kebajikan dan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti orang miskin kerana golongan orang miskin inilah antara golongan yang banyak masalah dari sudut akhlak dan agama kerana masa mereka dipenuhi dengan mencari rezeki tanpa ada peluang mendekati program keagamaan ditambah lagi dengan kesempitan hidup yang menguji nilai keimanan. UAH menubuhkan NGO iaitu badan kebajikan bagi menggerakkan gerak kerja bersama kumpulan pasukan beliau untuk turun padang berdakwah kepada Muslim dan Non Muslim. Menurut Responden 04 dan Responden 05:

“Melalui pandangan dan pengalaman saya, saya merasakan dakwah ustazah diterima ramai. Boleh lihat melalui NGO iaitu sahabat amal care dan ramai asnaf-asnaf yang memohon bantuan itu kebanyakannya adalah non muslim dan ada yang sudah masuk islam. Boleh tengok juga posting ustazah ada juga non muslim yang komen diruangan komen yang mengikuti ceramah ustazah turun padang jumpa orang kampung, orang asli dan buat aktiviti masyarakat.” (Responden 04)

“Kami ini dibawah unit kebajikan ini lebih banyak fokus kebajikan bersama masyarakat seperti misi-misi khas lah, kami juga akan buat siasatan dahulu kepada pemohon-pemohon yang memohon kebajikan seperti ada pemohon yang memohon kaki palsu dan apa-apa bantuan lah, turun padang jika ada misi bantuan seperti banjir. kami lebih fokus dakwah kepada remaja, orang sekitar, dakwah untuk solat jumaat, kempen tutup aurat, cintai alam dipantai bagi memberi kesedaran kpd orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar, itu merupakan dakwah secara halus sebab orang sekarang ini lebih suka kepada dakwah dengan cara ini tidak seperti makcik-makcik yang sudah terbuka hati untuk datang ceramah nak belajar dan mereka ini kebanyakannya yang sudah berhijrah nak jadi orang baik..yang kami fokus nak dakwah ialah orang diluar sana yang bleum berhijrah yang tak nampak nilai agama.” (Responden 05)

“Bila melihat akhlak ustazah pula, beliau adalah orang yang wajar dicontohilah..cara dia menyantuni orang dan asnaf. Beliau sangat menjaga kebajikan staf, layanan yang baik, contohnya jika ada staf perempuan yang naik motor dia akan menyuruh staf menggunakan kenderaan syarikat yang disediakan..” (Responden 03)

“Bagi pendapat saya dakwah yang paling relevan ialah dari segi sikap itu sendirilah untuk ditayangkan kepada mad'ū sebab sikap atau akhlak ini amat penting untuk bawa imej sesuatu perkara apatahlagi berkaitan islam dan turun padang sama juga lah.” (Responden 08)

4.3.4.3 Menyediakan Tempat Dakwah

UAH ada menyediakan beberapa tempat atau pusat dakwah Di Negeri sembilan. Diantara tempat yang disediakanya ialah:

i) Dewan Medan Ilmu

Dewan ini adalah salah satu tempat UAH tubuhkan bagi melakukan penyebaran dakwah yang bertempat bersebelahan syarikat dan kedai beliau di Senawang, Negeri Sembilan. Bagi memanfaatkan perkongsian pengajian agama yang dianjurkan, UAH akan memastikan segala perkongsian di Medan Ilmu akan dibuat secara langsung bagi memudahkan orang ramai turut sama mendapat manfaat (UAH, temu bual oleh penulis, 19 September 2020).

ii) Perkampungan al-Hijrah

Perkampungan al-Hijrah merupakan sebuah projek pembangunan yang sedang dibangunkan diatas tanah seluas 42 ekar di Mukim Pantai, Seremban, Negeri Sembilan. Ianya dibina berkonsepkan gabungan unsur-unsur keagamaan dan prasarana agro, seiring menerapkan elemen-elemen pendidikan, dakwah dan kebajikan. Di antara tujuan penubuhan perkampungan al-Hijrah ini ialah untuk menjadikannya sebuah perkampungan Islam yang melestarikan sistem kehidupan dan pengajian Islam yang sempurna, seimbang, komprehensif dan progresif menjelang 2030.

iii) Hijrah Tahfiz School (HITAZ)

HITAZ merupakan sebuah Institut Tahfiz Quran yang membantu anak-anak bermula umur 12tahun hingga 15tahun untuk mencapai cita-cita besar untuk menjadi Hafiz & Hafizah al-Quran berkonsepkan Tahfiz Fastrack untuk mencapai misi 30 juzuk al-Quran dalam masa satu tahun. Tidak seperti tahfiz biasa kerana ia menggabungkan sistem hafazan dengan motivasi harian dan kaedah pengurusan psikologi untuk mencapai misi hafiz dalam masa setahun. Antara tujuan penubuhannya adalah untuk menjadi sebuah institusi pendidikan Islam Tahfiz berinovasi bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi melalui sistem hafazan *holistik*, berprasrana dinamik dengan aras kualiti bertaraf antarabangsa. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati

bahawa Yayasan Al-Hijrah yang diasaskan oleh UAH ini merupakan satu medium penyebaran dakwah beliau dimasa kini.

4.3.5 Dakwah Melalui Media Sosial

Pelbagai cara dakwah boleh disebarluaskan antaranya melalui media sosial. Di era kemodenan ini, Masyarakat lebih gemar mendengar ceramah melalui media seperti *Facebook*, *Televisyen*, *Tiktok* dan sebagainya (Aisyah, 2023).

4.3.5.1 Dakwah UAH di Media Sosial

Melalui pemerhatian, Pengkaji mendapati bahawa UAH banyak dikenali melalui media sosial antaranya *Tiktok*, *Facebook*, *Telegram*, *Youtube*, *Televisyen* dan *Radio*. Dan beliau mempunyai ramai *follower*. Menurut Responden bersama staf UAH,

“Ustazah Asma’ dikenali daripada kuliah-kuliah online.”
(Responden 01)

“Ustazah Asma’ dikenali melalui media sosial. Nasihat buat UAH perlu pertingkatkan dakwah dalam media sosial walaupun yang sekarang ini sudah maintain tetapi jika dipertingkatkan lagi maintain itu akan bantu perjalanan dakwah ustazah supaya jadi lebih baik” (Responden 02)

“Ustazah dikenali melalui ceramah secara online, dan saya mengenali beliau juga melalui ceramah online.” (Responden 03)

“Saya mengikuti ustazah Asma’ di media sosial dan secara fizikal kerana saya merupakan salah seorang murid yang mengikuti pengajiannya. Daripada ceramah dan teguran ustazah di media jugalah netizen dan follower-follower yang share ceramah ustazah dan daripada situ jugalah ustazah dikenali ramai dan disitulah ustazah boleh menyeru kebaikan dan percakapan ustazah itu sendiri menunjukkan yang dirinya bukan ustazah dan tidak meninggi diri..contohnya dia kreatif tidak terhad kepada ceramah semata-mata seperti dia buat program masak-masak bersama anak-anaknya di media dan caranya yang pelbagai membuatkan dekat dengan hati mad’ū dan ramai orang selesa dengan dakwahnya. Depents lah sebab ada pendakwah ni orang suka kadang-kadang ada juga orang tak suka. Tetapi memandangkan followers beliau hampir satu milion maksudnya dakwahnya dikenali dan disukai ramailah.” (Responden 05)

“Ustazah dikenali juga melalui media yang sesuai dizaman sekarang.” (Responden 06)

“Pendapat saya ustazah mula dikenali melalui keperibadian dialah yang banyak pengalaman direct dari orang-orang bermasalah dan dalam ceramahnya banyak bercerita tentang kisah-kisah, Ustazah dikenali dari penulisan dan ceramah online dan dakwah beliau sangat diterima dari setiap golongan lah. Saya mengenali beliau melalui ceramah, bila ustazah sudah viral saya follow pengajian ustazah melalui facebook dan fizikal datang ketempat ustazah ceramah secara face to face dalam ceramah.” (Responden 07)

“Sebelum saya bekerja disini memang saya follow ustazah di Instagram, bila saya tak bekerja saya selalu dengar ceramah ustazah lah. Pendapat saya kalau diperingkat umur saya ramailah yang ikut ustazah, dan kalau kita lihat semasa pesta buku hari tu ingatkan follower yang datang tu yang dah tua-tua tapi yang datang tu kebanyakannya beratur nak minta tanda tangan ustazah adalah peringkat yang remaja ada yang umur bawah 25tahun..kita nampak sambutan yang baiklah..ye lah sekarang ni kan media sosial mudah kan boleh daptkan apa-apa isu..jadi mereka ini mesti nak rujuk orang yang mereka rasakan peribadi yang boleh dipercayai.” (Responden 09)

4.3.5.2 Pengaruh Media Yang Paling Berkesan Buat Masa Sekarang

Melalui temu bual pengkaji bersama staf UAH, pengkaji mendapati bahawa penggunaan *Tiktok* merupakan medium dakwah yang paling berkesan untuk menyampaikan dakwah ketika ini kerana ia tidak berat dan pendek. Dan UAH juga aktif di *Tiktok* beliau dengan mengongsikan perkara-perkara bermanfaat.

“Saya rasa buat masa ini Tiktok, walupun simple,mudah dan videonya pendek tapi ia memberi kesan.” (Responden 01)

“Kekuatan ustazah lebih kepada Facebook dan sekarang ini lebih fokus juga kepada Tiktok dan sekarang ini ramai orang tertarik kepada Tiktok sebab orang -orang muda ramai disitu.” (Responden 03)

“Diantara media yang mendapat sambutan pada masa kini ialah Video pendek dari pelbagai media seperti Facebook dan Tiktok. Tetapi Tiktok yang lebih berkesan.” (Responden 04)

“Media yang paling berkesan digunakan dizaman sekarang ialah video pendek dan Tiktok. Benda yang diringkaskan ni orang suka sebab video dalam Tiktok tiada muqaddimah,ringkas dan padat dengan pengajaran. Bagi yang baru berjinak nak belajar boleh bermula dengan Tiktok dan orang akan share video ringkas ini. Dan tiktok ini kita panggil video kreatif lah.” (Responden 06)

“Video yang bermiliah yang pendek-pendek dan kena ikut trend semasa dan untuk mempengaruhi dunia dan generasi zaman sekarang ini.” (Responden 07)

“kalau di media sosial strateginya ialah menyentuh isu semasa melalui tiktok dan semua yang sesuai dengan media sekarang.” (Responden 08)

“Buat masa sekarang ni media sosial yang paling mendapat perhatian tiktok lah sebab dia mudah dan santai.” (Responden 09)

4.3.5.3 Peranan Pasukan di Sebalik Media

Peranan pasukan membantu melancarkan gerak kerja termasuk di media sosial. UAH dikenali di media sosial adalah satu kelebihan kerana beliau mempunyai pasukan yang bergerak menyusun strategi di media sosial agar perjalanan dakwah di media sosial nampak cantik dan menarik minat ramai *mad'ū*. Melalui sesi temuramah pengkaji bersama pasukan UAH, pengkaji mendapati besarnya peranan pasukan disebalik media yang memberikan impak yang besar didalam dakwah UAH kepada masyarakat.

“Mesti kene ikut trending dan pattern dakwah yang semasa..sekarang sebagaimana yang dilakukan oleh team ialah strongkan media sosial UAH..sekiranya sosial media tidak lagi relevan, kita akan pastikan apa branding yang sesuai dengan dakwah pada masa akan datang supaya tidak ketinggalan seperti sekarang yang digunakan ialah tiktok dan kene cepat take action diatas apa-apa perubahan dizaman ini. Untuk team media, mereka akan sentiasa allert contohnya ustazah dah live, bila melihat posisi ustazah tak betul nanti akan ada team yang berada dilokasi akan betulkan. Itu salah satu function teamlah..contohnya tak dengar di instagram maka akan ada team yang bertindak macam tu juga bila orang melihat ceramah ustazah nampak smooth sahaja sebab semua team akan sama-sama bantu walaupun dari rumah.” (Responden 01)

“Saya mengikuti secara langsung dakwah Ustazah Asma' dan saya sendiri yang menguruskan live ustazah di media sosial dan perlu turun padang jugalah.” (Responden 07)

4.3.6 Dakwah Melalui Institusi Masjid

Menyampaikan dakwah dimasjid merupakan tempat yang paling relevan sejak zaman nabi Muhammad SAW sehingga kini tetapi perlu dipelbagaikan konsep didalam menyampaikan dakwah. Melalui pemerhatian pengkaji, Banyak masjid-masjid menjemput UAH untuk sampaikan dakwah dimasjid samaada masjid di Selangor dan diserata bumi Malaysia bahkan ada juga diluar Malaysia seperti Singapura dan Brunei malah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Ramai *mad'ū* yang datang

ke program yang dianjurkan masjid jika menjemput UAH sama ada dalam bentuk ceramah, kuliah dhuha, borak santai dan forum. Menurut Responden 01,

“Majlis-majlis ilmu dekat masjid dan surau seperti kuliah dhuha walaupun tak tengok dimedia sosial tetapi yang hadir ke kuliah kebanyakannya orang yang tidak sibuk dengan kerja(free time) seperti orang-orang kampung dahulu mendengar ceramah melalui corong-corong yang dipasang disurau dan masjid dan ini antara cara pendekatan dakwah yang masih relevan sehingga kini dan tidak semestinya dari ustaz selebriti kerana kebiasaannya yang tidak selebrit juga ada peminatnya yang tersendiri, antara cara untuk naikkan rating tv juga adalah dengan memanggil ustaz selebriti dan viral.” (Responden 01)

4.3.7 Dakwah Melalui Perniagaan

Dakwah perniagaan merupakan antara satu wasilah dakwah yang baik dan Rasulullah SAW antara pendakwah yang terbaik menggunakan peluang perniagaan sebagai wasilah untuk sampaikan dakwah. Beliau terkenal sebagai al-Amin kerana beliau jujur dalam perniagaan, jual beli, tutur kata dan perbuatan. Perkara ini dapat dilihat dan dapat dinilai melalui sejarah perkembangan Islam yang bermula dari perniagaan Siti Khadijah RA serta kehebatan perdagangan para sahabat ketika itu dan juga amalan bersedekah demi menyebarkan agama Islam (Hashim et al., 2024). Dari sejarah perniagaan nabi Muhammad SAW ini kita dapat mengambil pedoman bahawa keuntungan hasil dari perniagaan ini boleh membantu ramai *mad'ū* yang memerlukan bantuan dan Saidatina Khadijah antara wanita muslimah yang banyak mengorbankan hartanya untuk digunakan jalan dakwah dan secara tidak langsung beliau antara orang yang kuat menjadi tulang belakang nabi Muhammad SAW didalam menyampaikan dakwah yang penuh dengan cabaran. Menurut (Hashim et al., 2024), keusahawanan atau perniagaan merupakan diantara jihad ekonomi dan merupakan pemangkin utama didalam perkembangan kesejahteraan dikalangan umat Islam.

Menurut JAIS (2016), didalam buku UAH, iaitu Generasi Muda: Cabaran dan Dakwah ada menukikan bahawa ilmu jualan dan pemasaran merupakan dua jenis ilmu yang dibentuk bagi mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang sesuai mengikut kehendak pelanggan. Kedua-dua ilmu ini banyak menggunakan kaedah dan konsep psikologi manusia dan ia mampu diolah semula didalam pendekatan dakwah. Ini kerana

dakwah atau penyebaran perkara yang elok dan memberi manfaat diumpamakan seumpama prodak dan perkhidmatan. *Mad'ū* iaitu penerima dakwah yang dijadikan sasaran dakwah diumpamakan seperti prospek dan pelanggan. *Da'ī* yang merupakan pendakwah umpama seperti pegawai jualan dan pemasaran. Kaedah jualan dan pemasaran seumpama kaedah informasi dakwah.

Islam menggalakkan penganutnya agar menceburi bidang ini tetapi mestilah perlaksanaannya berlandaskan syariat Islam dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangannya. Dengan mengamalkan budaya perniagaan Islam semestinya akan memberikan kesan yang besar dan positif kepada kemajuan ekonomi ummah (Hashim et al., 2024). Melalui temu bual antara pengkaji bersama UAH, pengkaji mendapati bahawa keluarga beliau menceburi bidang perniagaan yang merupakan kekuatan dalam dakwah dan diikuti olehnya dan menjadikan perniagaan sebagai tunjan utama yang banyak membantu melancarkan perjalanan dakwah saada dalam kebajikan bersama masyarakat dan sebagainya.

“Jadi kalau dari segi business, sekarang ini kenapa saya cuba business? Sebab ayah strong business. Mak dan keluarganya pula fokus dakwah. keluarga-keluarga yang ini strong business sebab memang adik-beradik semua berniaga. Ayah pun berniaga. sebab itu sekarang ni jadi ada dua cabanglah. Perniagaan itu sebagai enjin dakwahlah. Sebagaimana yang arwah ayah buat pun. Yang kata enjin dakwah. Dengan perniagaan itulah dia memang banyak menyumbang kepada dakwah dan menjadi jihad ekonomilah untuk gerak kerja PAS setempat.” (Temu bual bersama Ustazah Asma’ Harun 15hb 6 2022)

Menurut Responden 05:

“Ustazah tidak seperti pendakwah di luar sana. Ada pendakwah di luar sana mungkin dia fokus pada kerja dakwah sahaja. Tetapi ustazah ni selain daripada kerja berdakwah, dia juga seorang business woman, dia juga seorang ibu.” (Responden 05)

Hasil daripada pemerhatian pengkaji, UAH membuka dan menyediakan tempat perniagaan seperti berikut:

i) Galeri UAH

Kedai Galeri UAH ini bertempat di Senawang, Negeri sembilan dan di Terengganu. Beliau menjual dikedainya pelbagai produk antaranya makanan sunnah seperti madu, kurma dan sebagainya. Beliau juga menjual pakaian-pakaian muslimah yang direka khas sendiri oleh *team* beliau dan menyediakan alatan menjahit untuk menghasilkan pakaian yang dijual termasuk juga tudung dan telekung solat. Terdapat juga pakaian muslimin samaada untuk golongan dewasa dan kanak-kanak. Terdapat juga dijual dikedai beliau minyak wangi, skincare, buku-buku, beg tangan wanita dan majalah serta perabot rumah yang direka khas dari kilang. Beliau bukan sahaja berniaga dikedai, bahkan digerai-gerai jualan di program-program beliau seperti program diperkampungan Al-Hijrah, forum dan ceramah jemputan samada di masjid atau ditempat beliau memberikan ceramah yang diuruskan perniagaanya oleh *team* beliau. Beliau juga mengambil peluang kemudahan dizaman ini dengan menggunakan perniagaan secara atas talian. Terdapat banyak iklan-iklan perniagaan beliau di media sosial seperti *Facebook*.

ii) Ladang Ternak Ummah


Ladang ternak ummah ini diwujudkan untuk memajukan ekonomi umat Islam dengan menjadi pembekal daging segar yang halal dan berkualiti secara global disamping memartabatkan ekonomi ternakan tempatan secara meluas di Malaysia dan menjadi sebuah syarikat Muslim terbaik dalam membekalkan daging yang berkualiti, halal dan bersih di Malaysia.

iii) Projek Perikanan

Projek perikanan ini bertujuan untuk menjadi antara pembekal utama ikan air tawar yang berkualiti tinggi, mampan dan meluas secara tempatan serta mampu meningkatkan ekonomi, kualiti dan piawaian industri syarikat Muslim di Malaysia serta bertujuan untuk menjadi sebuah syarikat yang mengangkat martabat ekonomi umat Islam didalam memproses, menuai dan mengedarkan ikan air tawar berkualiti tinggi secara bertanggungjawab, mempromosikan kemampuan dan memberikan sumbangan positif kepada ekosistem perairan dan komuniti nelayan di Malaysia.

iv) Projek pertanian

Projek pertanian ini bertujuan untuk memperkasa ekonomi umat Islam selaku pembekal utama sayu-sayuran berkualiti tinggi, mampan dan ditanam tempatan dan menyumbang kepada komuniti yang lebih sihat dan berkhasiat. Selain itu, bertujuan melahirkan sebuah komuniti Muslim sebagai penggerak dalam mewujudkan masa depan yang mampan dan erdaya tahan untuk pertanian seiring dengan ajaran Islam yang menggalakkan pertanian. Rajah di bawah (Rajah 4.1) merupakan ringkasan strategi dakwah yang digunakan oleh UAH di Malaysia:



Rajah 4.1 Ringkasan Strategi Dakwah yang Digunakan oleh UAH di Malaysia

4.4 Cadangan Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari Kepada Pendakwah-Pendakwah di Malaysia.

Dakwah kontemporari masa kini amat penting, namun ia perlu kepada strategi yang ampuh bagi mendapat hasil yang lebih berkesan. Berdasarkan hasil transkripsi temu bual yang dibuat, terdapat beberapa kata kunci yang dikenal pasti dari informan-informan dan membentuk sepuluh (10) tema utama, iaitu: (a) personaliti yang baik; (b) dakwah melalui ilmu yang bermanfaat; (c) dakwah di institusi masjid; (d) dakwah melalui kemahiran dalam penyampaian; (e) dakwah melalui penulisan; (f) dakwah melalui kerjasama berkumpulan; (g) dakwah melalui perilaku yang baik; (g) dakwah melalui media sosial; (h) dakwah di institusi pengajian; dan (i) dakwah melalui kesenian.

4.4.1 Personaliti yang baik

Personaliti yang baik merupakan tunggak utama yang perlu ada pada diri seorang pendakwah sebagaimana Rasulullah menitikberatkan akhlak didalam dakwah beliau. Baginda meletakkan akhlak sebagai perkara utama didalam apa jua keadaan kerana diantara tujuan yang paling utama baginda diutuskan adalah untuk memperbaiki tingkahlaku dan akhlak umat manusia (Aisyah, 2023). Menerusi hasil temu bual bersama pakar dakwah, beberapa orang pakar ini memberi pandangan mengenai strategi dakwah berkaitan kepentingan personaliti yang baik. Menurut Huzaimah:

“Pendakwah perlu mempunyai kekuatan dalaman, perlu jaga attitude dan perlu profesionallah. Etika bersama masyarakat perlu jaga supaya orang tidak hilang kepercayaan kepadanya sebab ia menjadi contoh kepada masyarakat. Maksudnya sampai sekecil kecil perkara pun kita kena ambil cakna kerana orang ni melihat kita bercakap dan akan mengkaji sampai anak kita.”(Huzaimah, temu bual bersama pakar dakwah 2024)

Menurut Fatahiyyah pula, pendakwah perlu menjaga personaliti dan jangan sampai *mad'ū* keliru dengan keperibadian pendakwah kerana tugas pendakwah ini terlalu berat.

“Nak berdakwah personaliti kena jaga. Pendakwah Janganlah sampai kadang-kadang mad’ū ragu-ragu melihat dari segi penampilan dan dari segi perwatakannya contohnya dia bercakap dengan anak-anak dia dengan menjerit-jerit dan bila bercakap dengan suami dia pun menjerit-jerit. Pendakwah perlu jujur dengan apa yang dicakap dan perlu berakhlak dengan akhlak yang baik. Tugas seorang pendakwah ni berat. Perlu Amanah dan tanggungjawab kena jaga. Semua perkara berkaitan personaliti kena jaga..” (Fatahiyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Zawiyah pula:

“Dakwah yang ada pada rasulullah itu menjadi qudwah hasanah menjadikan orang tertarik kepada dakwah baginda melalui akhlak, penampilan diri sendiri. Saya lihat pendakwah perempuan apatahlagi yang masih muda perlu menjaga penampilan diri dari sudut pakaian tidak perlu memakai pakaian yang menarik perhatian orang ramai.”(Zawiyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Syarifah Hayati:

“Personaliti ni kena ada indikator dia tersendiri dan ada juga personaliti itu yang dah jadi karakter. Kalau karakter itu baik boleh teruskan lah kalau karakter itu tak baik kita kena hentikan. Kalau pemaarah atau terlalu emotional itu adalah is not a good personaliti.. Mungkin itu karakter you, tetapi bila you duduk dalam dakwah you kena belajar untuk kawal emosi .Tapi kalau dari sudut sudut Yang lain tu, saya fikir kita memang dalam agama kita mengajar kita etika etika berpakaian. Dan aurat tu etika pakaian of course lah kita kena jaga aurat dan pakaian kita kemudiannya menjaga penampilan. Dari sudut bahasa dan tuturkata pun perlu dijaga sebagaimana Rasulullah menjaga pelbagai sudut didalam berdakwah yang boleh menyenangkan mad’ū itu mendengar, melihat dan menerima dan pendakwah itu perlu menunjukkan tauladan yang baik kepada mad’ū. ”(Syarifah Hayati, temubua pakar dakwah 2024)

Disamping itu, seorang pendakwah menjaga personaliti dan berakhlak dengan akhlak yang baik, pendakwah perlu ada guru untuk dibimbing dan dinasihati apatah lagi pendakwah juga manusia biasa yang mempunyai iman yang bertambah dan berkurang.

Menurut Nur Hisyam:

“Kita sebagai pendakwah ini kita juga perlu ada murabbi. Kita semua perlu ada Tok guru yang menasihat kita. Kita tak boleh bergerak seorang diri kerana kita akan syok sendiri dalam dakwah. Ini perlu kepada persiapan diri pada seorang pendakwah. Bilamana ada yang menasihati maknanya dia tidak bersendirian.”(Nur Hisyam, temubua pakar dakwah 2024)

4.4.1.1 Ikhlas

Niat yang ikhlas perlu diutamakan bagi setiap pendakwah dalam melaksanakan dakwah agar membuahkan hasil yang baik didunia dan diakhirat supaya dakwah sentiasa dapat diteruskan walaupun melalui pelbagai rintangan. Menurut Nur Hisyam:

“Yang pertama pendakwah perlu betulkan niat berdakwah adalah untuk menyambung risalah Rasulullah dan kerana ingin mendapat pahala melalui ruang perkongsian ilmu kerana bila kita bagi ilmu kepada orang ramai itu akan menjadi amal jariah selepas kita mati. Pendakwah juga perlu betulkan niat bahawa berdakwah bukan ajak orang kepada kita. Tetapi ajaklah orang kepada agama dan kepada Rasulullah. Elakkan mad’ū taasub kepadanya atau niat kerana kepentingan lain seperti ingin mencari keuntungan dan sebagainya.”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Fatimah Syarha pula,

“Pendakwah perlu mengutamakan Amal hati ke atas amal anggota. ini pun saya biasa dengar ustazah Asma’ Harun selalu baca hadis tentang Allah memandang dunia dalam hati kan, dia pun banyak guna tasawuf juga didalam dakwahnya. Amal hati ini seperti keikhlasan dalam niat.. Jauhi riak dan perangi sifat mazmumah. Yang itu lebih utama.”(Fatimah Syarha, temu bual pakar dakwah, 2024)

Dalam menyampaikan dakwah ini pendakwah juga diuji keikhlasan dengan saguhati atau balasan dari dakwahnya. Menurut Nizam:

“Tujuan pendakwah ini sepatutnya menganggap bahawa peluang dia adalah untuk menyampaikan dakwah bukan semata-mata bayaran. Bila dia dijemput ke mana-mana tempat seperti masjid, surau, pejabat, kilang dan sebagainya itu adalah peluang untuk dia menyampaikan dakwah kan...Jadi kalau ada bayaran terima je lah. Maksud saya pendakwah ini perlu profesionallah. Tetapi kebiasaannya pihak penganjur yang menjemput pendakwah untuk berceramah itu sudah maklum untuk menghargai pendakwah sepatutnya pendakwah tidak perlu pertikai berkaitan bayaran kerana risau niat itu bukan kerana Allah SWT. Niat Seseorang itu sudah jadi tidak betul sebab dia datang berceramah itu berdasarkan kadar bayaran Yang diberikan. Jika kadar bayaran diberikan besar dia hadir kalau kecil dia tak hadir. Bahkan kadang kadang sesetengah penceramah tu dia dah janji dengan satu tempat tetapi kerana ada tempat yang lain lebih Mahal, dia cancel tempat yang dah lama dibuat janji itu kerana ada tempat baru yang lebih mahal lagi. Jadi itu melibatkan peribadi, akhlak dan etika. Bila niat tidak ikhlas mungkin nampak hebat pada zahir tetapi mungkin tiada keberkatan. Jangan jadikan bayaran duit itu sebagai kayu ukur.”(Nizam, temu bual pakar dakwah, 2024)

Walaupun pendakwah diuji dengan saguhati namun ia juga memainkan peranan penting bagi memudahkan urusan pendakwah dan ia merupakan hak pendakwah tetapi perlu bijaksana didalam menilainya. Menurut Nur Hisyam:

“Pendakwah juga kena ada back up dari segi kewangan sama ada berterusan dapat duit melalui Live ataupun ada orang yang gajikan dia. Atau dapat saguhati daripada ceramah atau berdakwah. kita tidak menafikan material kerana ia juga satu keperluan. Sebab kita nak tinggal anak, nak uruskan anak pergi sekolah, nak uruskan bisnes dan keperluan-keperluan lain. Tapi kalau di situ ada sumber income, dia menjadi pulling actor. Saya suka menggunakan bahasa berkait dengan sagu hati pendakwah ini dengan bahasa yang lebih elok ialah membantu kita ikhlas. Betullah ia membantu pendakwah untuk lebih ikhlas. Kita tidak jadikan duit itu sebagai matlamat, tapi bila kita tinggal suami isteri, anak anak, minyak dan tol untuk pergi berdakwah perlu juga kepada faktor kewangan untuk meringankan tanggungjawab yang digalas.”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah, 2024)

4.4.1.2 Amanah Dalam Menjalankan Dakwah dan Menyampaikan Ilmu

Diantara tanggungjawab yang besar seorang pendakwah ialah perlu amanah didalam melaksanakan dakwah dan ilmu kepada *mad'ū* tambahan pula ketika berada dizaman kontemporari yang penuh dengan ujian dan fitnah. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Al-Anfal: 27)

Menurut al-Baidhāwī (1996) ayat ini menegaskan larangan keras terhadap khianat bagi orang-orang beriman. Al-Baidhāwī menekankan bahawa pengkhianatan ini bukan sekadar dalam bentuk fizikal atau harta, tetapi juga termasuk tidak menepati amanah dan tanggungjawab agama. Setiap amanah, sama ada berkaitan kewajipan syariah, tanggung jawab sosial, atau kepercayaan orang lain, harus dijaga dengan penuh kesedaran. Mereka yang sengaja mengkhianati amanah sedangkan mereka mengetahui hakikatnya dianggap melakukan dosa besar dan kemunafikan. Menurut Nizam:

“Peribadi pendakwah dari sudut akhlak, amanah, jujur dan sebagainya kena ada semualah. Persediaan itu semua satu perkara yang sangat penting lah ya.” (Nizam, temu bual pakar dakwah, 2024)

Pendakwah perlu amanah terhadap ilmu dan perlu disiplin didalam menyampaikannya. Menurut Fatahiyyah dan Zawiyah:

“Kena amanah tentang ilmu. Tiba-tiba kita nak petik begitu sahaja ayat Quran dan hadis tanpa belajar kadang kita tidak tahu pun status hadis itu. saya rasa ini amat merisaukan. Jadi dalam dakwah ini perkara pertama adalah dari segi ilmu perlu dipelajari dari saluran yang betul. Maksudnya memang belajar ilmu itu dari tok guru ataupun dekat universiti dan dia memang expert dah tentang bidang tersebut.” (Fatahiyyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

“Allah suka kepada orang yang mengajak kepada berbuat baik. Jadi sesuai dengan itu, pendakwah buat kerja dakwah yang mewarisi kerja para nabi Dan Rasul. Sebab itu nabi kata Ulama Adalah pewaris para nabi. jadi tak boleh bercakap ikut suka ya..perlu belajar dan mesti ada ilmu. Jika tidak tahu tentang sesuatu perkara tanyalah kepada pakar didalam sesuatu bidang. Paling penting pendakwah perlu amanah dalam menyampaikan ilmu, mereka perlu buat apa yang mereka ajar kepada mad’ū dan tidak menjadi orang yang cakap tak serupa bikin” (Zawiyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

Pendakwah perlu merasakan didalam diri bahawa menyampaikan risalah Allah itu merupakan amanah yang berat dan perlu mempelajari terlebih dahulu sebelum dikongsikan kepada mad’ū serta berhati-hati didalam menyampaikannya. Menurut Syarifah Hayati,

“Pendakwah perlu amanah kerana nak menyampaikan ajaran Islam dengan menyebut tentang ayat al-Quran dan hadis baginda Rasulullah SAW. Amanah yang dimaksudkan disini adalah amanah yang besar dan berat. Jadi saya setuju sangatlah sifat amanah itu perlu ada didalam menyampaikan ilmu. Kadang-kadang ramai orang tanya pendakwah dengan soalan-soalan yang sport dan tanya dengan pelbagai soalan yang tidak diketahui jawapannya oleh pendakwah, Jadi pendakwah yang merupakan pemegang amanah kepada ilmu perlu amanah. Para ulama menyebutkan lebih baik kita kata kita tidak tahu berbanding kita jawab. Sekiranya setiap pendakwah itu ada amanah kepada ilmu ini, mereka akan study dan akan double cek sebelum menyampaikan sesuatu ya bukan kerana kita takut orang tapi kita takut pada amanah ilmu Yang kita pegang itu, dan perlu ada juga sifat berhati-hati didalam menyampaikan ilmu kepada mad’ū.” (Syarifah Hayati , temu bual pakar dakwah, 2024)

4.4.2 Dakwah melalui Ilmu yang Bermanfaat

Pendakwah-pendakwah harus membuat persiapan diri dengan segala bentuk ilmu bagi menarik minat para pendengar untuk mendengar ceramah yang diberikan terutamanya ilmu yang berkait tentang hukum hakam Allah Taala dalam agama Islam agar tidak menimbulkan diminda masyarakat kekeliruan didalam sesuatu perkara. Dan pendakwah juga perlu bersiap sedia dari segi jasmani dan rohani sebelum bergelar sebagai pendakwah contohnya pendakwah yang mendalami ilmu yang sentiasa beramal dengan ilmu yang dipelajari oleh mereka, sentiasa melakukan ibadah-ibadah sunat seperti puasa sunat, zikrullah, solat diwaktu malam dan sebagainya serta mereka juga perlu menghormati para ulama dan mendekatkan diri kepada Allah SWT (Aisyah, 2023). Firman Allah Taala:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي

الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Terjemahan:

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Al-Taubah: 122)

al-Baidhāwī menjelaskan bahawa tidak sepatutnya semua orang beriman keluar berperang secara serentak, kerana umat memerlukan sebahagian yang kekal untuk melaksanakan tugas menuntut ilmu agama. Beliau menafsirkan sebagai perintah agar dari setiap kelompok kaum Muslimin, sebahagian kecil keluar (menyelidiki ilmu dan hukum) manakala sebahagian lain boleh menyertai jihad atau mengurus keperluan masyarakat. Tujuan mereka ialah mendalami syariat, hukum dan perintah Allah. Al-Baidhāwī menegaskan bahawa golongan penuntut ilmu ini wajib memberi peringatan dan menyampaikan kefahaman yang benar kepada kaumnya setelah kembali, supaya masyarakat dapat mengambil langkah berhati-hati daripada perkara yang dilarang.

Tafsiran ini menunjukkan pembahagian peranan yang seimbang dalam masyarakat Islam antara penuntut ilmu, pemberi peringatan dan mereka yang turun ke medan jihad (al-Bayḍāwī, 1996). Persiapan ilmu itu merupakan perkara yang paling penting kepada pendakwah. Menurut Zawiyah dan Nizam:

“Ilmu tu penting sangat walaupun kita dah belajar sampai peringkat tinggi seperti phd. Dan bila menyampaikn ilmu banyak juga pendakwah itu kena dapat ilmu sebagai tambahan, sama ada secara direct ataupun indirect.” (Zawiyah, temu bual pakar dakwah 2024)

“Perlu ada persiapan dari sudut ilmu. Kalau kita boleh lihat dalam Thaqafatud Da’iyyah oleh Yusof Al-Qardhawi dia gariskan beberapa thaqafah apa ilmu Yang perlu ada? Nak kata kuasai itu tidaklah tetapi perlu tahulah ilmu tentang hadis, feqah dan sirah termasuk ilmu alat dan sebagainya. Jadi Thaqafah itu satu ilmu yang penting.” (Nizam, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Huzaimah pula, pendakwah perlu mempunyai bidang yang khusus.

“Dan ilmu yang ingin disampaikan itu mestilah tally dengan al-Quran dan hadis. Bidang pun memainkan peranan juga. Pendakwah perlu ada bidang tersendiri. Dan tidak semua bidang mampu diceburi. Ada orang hebat dalam bidang akidah ada orang hebat dalam bidang fiqh. Mungkin ada segelintir pendakwah yang mampu kuasai banyak bidang tetapi kebanyakannya tidak semua orang boleh menguasai semua sekali gus.” (Huzaimah temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Fatahiyyah pendakwah perlu mengetahui bahan dakwah bukan bercakap tanpa rujukan kerana ia membahayakan.

“Bagi saya antara strategi yang pertama sekali adalah ilmu tentang konten dakwah. Contohnya kalau kita nak bercakap pasal haji kita kena ada ilmu pasal Haji. Perlu ilmu Yang dipelajari. Bukannya on the sport tiba-tiba kita nak jadi ustazah kerana pendakwah yang segera itu bahaya sebenarnya sebab dia bukan background agama. Tiba tiba dia nak bercakap pasal agama tetapi dia perlu belajar dulu. Contohnya macam ustaz Azhar idrus katakan dia berusaha belajar ilmu agama walaupun pada awalnya dia bukan baground agama dan bila kita dengar dia bercakap pun kita dah tahu dia ada ilmu. Maksud bagi saya ilmu yang sipelajari seperti itu yang kita perlu sebenarnya kena ada contohnya sama ada ilmu itu tidak semestinya dari universiti-universiti kalau dalam ilmu agama contohnya kalau pensyarah. Tapi kalau kita tidak masuk universiti tapi kita belajar dengan Tok guru-Tok guru pun dikira sebagai ilmu samada pengajian agama atau kitab Turath. Yang penting kita kena ada ilmu daripada saluran yang betul.” (Fatahiyyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Fathiyyah lagi:

“Pendakwah perlu melihat dan mengetahui juga isu-isu yang kontemporari. Contohnya kalau kita nak bercakap tentang pendidikan keluarga, pendidikan keluarga antara cabaran Yang paling tinggi, anak terdedah dengan gajet. Mak ayah pun terdedah dengan gajet. Orangsekarang bercakap pasal tiktok tetapi kalau pendakwah sendiri tak tahu apa itu tiktok jadi susahlah nak berdakwah. Jadi sebagai pendakwah kena alert tentang isu-isu semasa yang kontemporari. Contohnya bila baru ini kita bercakap pasal sendiri. Tak balas. Pitas Datuk Tak ikut.”(Fatahiyah, temu bual pakar dakwah 2024)

Menurut Syarifah Hayati, selain membuat persiapan ilmu, pendakwah perlu membuat persiapan dengan tiga aspek yang utama yang menjadi kekuatan kepada seorang pendakwah.

“Pendakwah perlu membuat persiapan dengan 3 aspek persiapan. Maksud ketiga aspek itu ialah persiapan mental, persiapan spiritual dan juga persiapan fizikal lah siapa sahaja apabila nak bekerja pun sama juga. Tapi oleh kerana dakwah ini kita berdepan dengan masyarakat berbilang usia terutamanya dan didalam kebanyakan ceramah kita kebanyakannya Islam. Jadi saya tidak sebut berbilang agama walaupun kita digalakkanlah untuk berdakwah kepada siapa sahaja Kan? Tetapi yang paling penting juga adalah 3 aspek tadi perlu dimiliki. Persiapan mental ini termasuklah seperti mesti ada ilmu pengetahuan kita nak menyampaikan ini kita kena ada ilmu. Dan ilmu pengetahuan itu pula semakin hari kita perlu pertingkatkan lah maknanya sesuai dengan kontemporari dizaman sekarang ini yang sesuai dengan keperluan-keperluan semasa tetapi masih dalam ruang lingkup bidang kita. Oleh kerana pengetahuan itu adalah tunjang, maka pendakwah perlulah berusaha untuk belajar meningkatkan pengetahuan kita dan tentulah di dalam agama kita pun ajar kita tak boleh merasakan kita ni tahu semua benda dan lebih pandai daripada orang Yang lain. Perasaan itu jangan ada dalam diri kita. Berdakwah ini ialah nak merayu dan mengajak mad’ū untuk kembali kepada agama dan melaksanakan tanggungjawab agama. Ia perlu kepada pengetahuan yang meluas. Galeri Super yang betul dan yang tepat itu perlulah menjadi etika Pendakwah. Yang keduanya ialah aspek fizikal. Perlu menjaga fizikal kerana dia juga bekerja, dia juga ada keluarga ya dia juga ada kpi akademik . jadi kita perlukan stamina. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada kemampuan diri kitalah.. Kalau kita mampu setakat kita mampu, kita tidak mampu. Kita sendiri tahu lah limit kita. ketiganya adalah persiapan emosi. Persiapan emosi sangat penting kerana kita berdepan dengan masyarakat Yang macam macam kerenah dan macam-macam gaya dari kalangan anak kecil, remaja, orang tua dan pelbagai jenis orang. Kadang-kadang kita cakap orang buat tak tahu dan macam macam bentuk macam macam Gaya macam macam rupa macam macam keadaan yang menyebabkan kita kena jaga emosi kita untuk menyampaikan apa yang kita nak sampaikan supaya kita dapat sampaikan dengan hati yang baik, hati Yang bersih dan dengan hati yang ikhlas. Kita kata nak cakap ikhlas pun takut juga la. Jadi macam mana kita nak sampaikan dakwah itu supaya sampai kepada orang? Jadi nak jaga emosi ini bukan mudah Kan? Jadi kita boleh berdepan dengan macam macam kerenah macam-macam keadaan masyarakat di depan Mata, ada yang menggembirakan ada yang tidak tetapi apa-apa pun berbalik kepada niat kita.”(Syarifah Hayati, temu bual pakar dakwah 2024)

Menurut Nur Hisyam, Pendakwah perlu pelbagaikan ilmu dan berlapang dada didalam sesuatu masalah.

“Yang kedua penting selepas niat ialah ilmu. Penting ilmu ye..sebab kita perlukan konten untuk sampaikan kepada orang ramai. Antara ilmunya ialah ilmu agamalah. Yang paling basik ilmu bahasa arablah sebab itu background agama.. nak baca kitab agama seperti kitab tafsir, hadis, ayat-ayat Al-Quran perlu kuasai bahasa arab. Selain itu terdapat juga ilmu penting iaitu ilmu teknik dalam percakapan dan dalam berinteraksi dengan orang.”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

“Pendakwah perlu ada kematangan dan keluasan ilmu yang menatijahkannya dengan berlapang dada ketika berlaku khilaf dan tidak bergaduh sesama asatizah kerana ia merugikan dan musuh islam amat gemar perkara ini berlaku untuk memcahbelahkan umat Islam. Sebagaimana kata-kata Hassan Al-banna, kita saling tolong menolong dalam urusan didalam perkara yang kita sepakat dan kita saling memberi keuzuran didalam perkara yang kita bercanggah”
(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

Selain itu, menurut Fatimah Syarha, pendakwah juga perlu mempelajari dan menguasai ilmu *usūlulfiqh* antaranya yang berkaitan *fiqh* keutamaan, *fiqh muwāzanāt* dan *fiqh mīzān*.

“Pertama kita kena ada strategi mempelajari ilmu fiqh keutamaan dan mengamalkannya misalnya mengutamakan usul sebelum cabang. Jadi kalau kita nak bercakap benda cabang pun kita mesti menjaga kesatuan. Jaga adab ikhtilaf. Bila kita belajar fiqh keutamaan ini. Kita nak membangunkan diri pun kita ada strategi dia. Contohnya kita nak akidah yang baik, ibadah yang sah antara akidah dengan ibadah kita lagi tekankan akidah dulu sebab kita mengutamakan usul ke atas Yang furuk-furuk ni. Tapi furuk pun penting. Jangan tinggalkan furuk kita Tak akan boleh hidup tanpa benda furuk ini. Contoh keimanan dan kepercayaan kita bukan sekadar solat. Tapi kena tahu apa makna solat dan kenapa kena solat? Kenapa kena best solat dan kita tidak menghayati maksudnya. Jadi kita rasa sayang dekat Allah. Saya kena solat. Dan perasaan sayang dekat Allah itu satu bentuk kita memasukkan akidah cintakan Allah, kenal Allah dan tahu hak-hak Allah macam kita didik anaklah kita bermula dengan memperkenalkan Allah dan berinteraksi dengan Allah lepas dia dah melalui satu fasa kematangan sikit barulah 7 tahun kita mulalah ajak dia solat sebelum tu ajak dah tapi tak adalah serius sangat macam lebih kepada main-main sahaja. Tetapi bila umur 7 tahun agak serius menjelang 10 tahun itu lebih serius sebab nak masuk fasa mukallaf. Kalau kita dengan masyarakat pun memang ramai masyarakat kita yang nampak dah dewasa usia dia tapi tidak lalui fasa mengenal Allah tu. Sebab itu kita jangan start dakwah dengan yang cabang dulu, yang payah dan yang kena taklif dulu. Tapi sepatutnya kita start dengan mengenal Allah, rukun keimanan, Qada' dan Qadar itu apa ye.. Kenapa kita percaya pada kitab? kenapa memerlukan al Quran? maksudnya yang berkaitan dengan rukun Iman..jadi input tu kena ada, barulah kita pergi kepada proses. Ataupun seperti masyarakat kita lah kita duk tekankan solat tetapi tidak pernah pun memperkenalkan Tuhan kepada mereka sebab walaupun usianya dah dewasa, tapi dia mungkin tidak lalui proses mengenal Tuhan tu. So kena betul lah kita punya keutamaan. Mengutamakan ilmu ke atas Amal kita. Bermula dengan iqrak dulu baru di perintah untuk Amal, jadi kena banyak membaca dan bukan membaca sahaja sekarang tetapi mendengar, tengok Youtube dari syekh sana syekh sini sini ya..kenapa ada tokoh yang kita ikut kenapa ada sumber rujukan yang muktabar walaupun kita mungkin nak berkarya novel je ataupun karya ringan. Tapi rujukan kita mesti power sebab kita nak sampaikan fikrah 'Al' ilmu qablal 'Amal(Berilmu sebelum beramal) ini pun ilmu fiqh keutamaan juga ini fiqh 'aulawiyāt. Pendakwah perlu mengutamakan Amal hati ke atas amal anggota. Amal hati ini seperti keikhlasan dalam niat. Jauhi riak dan sifat mazmūmah. Yang itu lebih utama. Kemudian kena ada juga Amal, jangan pula Amal hati sahaja tanpa amal perbuatan. Maksudnya dua-dua kena ada iaitu amal hati dan amal perbuatan. keutamaan kena jelas sebab kita nak tahu yang ini lagi penting. Kemudiannya keutamaan untuk kita buat apa sahaja yang bermanfaat kepada orang lain. Kita memberi manfaat keutamaan Amal melalui teamwork ini berbanding kita nak buat sesuatu yang berbentuk peribadi sahaja. Peribadi kena tingkatan, keluarga kena jaga dan masyarakat jangan tinggalkan.”(Fatimah Syarha, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Fatimah Syarha lagi:

“Bila nak terjemahkan fiqh keutamaan dalam bentuk yang kontemporari. Strategi fiqh keutamaan tu contoh salimul akidah dan sahihul ibadah yang mana dahulu kita kena dahulukan? kita kena belajarlah daripada fiqh utamaan itu untuk mengetahui keutamaan usul berbanding keutamaan cabang. Kemudian belajar tentang fiqh Muwāzanāt dan ia berbeza dengan fiqh MĒān..Fiqh Muwāzanah ini kita nak bagi tawāzun iaitu balance kehidupan kita pertimbangan contoh kalau kita kerja kerjalah keutamaan kita. Kalau balik rumah balik rumah orang dekat rumah telah keutamaan kita datang waktu solat, waktu solat lah keutamaan kita ini semua kena ada dalam ilmu pengurusan diri Seorang pendakwa dan ilmu kita membina keluarga kena ada fiqh tawāzun ini. Jangan kita macam kat rumah tapi kita masih lagi buat kerja kerja Yang menyebabkan tak ada kualiti time dengan family. Kena bagi mereka rasa berharga sebab ada fiqh tawāzun tadi. Bagi pendapat saya, mempelajari, memahami dan melaksanakan fiqh ini adalah strategi kerana ia menyusun balik cara berfikir dan cara bertindak. Fiqh MĒān pula dia bentuk macam contoh kita nak ukur sesuatu nak ukur air berbeza dengan nak ukur sayur. Air kita guna ML dengan liter adapun sayur kita timbang melalui gram dan kilogram. Macam tu juga kita nak ukur diri kita sebagai pendakwah adakah kita berada didalam situasi Aman ke situasi perang. Kalau situasi Aman macam Malaysia, kita tak bolehlah banyak guna hadis-hadis perang itu untuk memecahkan keharmonian. Maksudnya kita kena pandai menggunakan kesesuaian ilmu mengikut Wāqi’iyyah.”(Fatimah Syarha, temu bual pakar dakwah, 2024)

4.4.3 Dakwah di Institusi Masjid

Masjid merupakan tempat pertama yang dibina oleh Rasulullah SAW dan ia merupakan tempat penyebaran dakwah sejak zaman Rasulullah dan masih valid sehingga ke hari ini tetapi ia memerlukan kepada kebijaksanaan didalam menggunakannya bagi menyampaikan dakwah mengiku kesesuaian masyarakat dan zaman. Menurut Nizam,

“Bila berceramah dimasjid ada yang umum dan khusus. Kalau yang umum tu kita kena ringan ringankanlah. Kalau yang khusus tu mungkin boleh lah berat sedikit seperti pengajian yang khusus yang tertutup. Sebab didalam dakwah ini adalah untuk jentik hati mad’ū, nak ajak kepada faham tentang basic agama dan mengajak kepada akhlak yang baik. Jadi ia perlu kepada ketetapan masa, menjaga masa ketika berceramah agar tidak terlalu panjang dan lama.”(Nizam, Temu bual pakar dakwah 2024)

Terdapat satu peluang dakwah yang tidak boleh lari dari masjid untuk sampaikan dakwah misalnya ketika berkhotbah pada hari jumaat didalam masjid. Menurut Nur Hisyam,

“Strategi dakwah yang paling utama dan paling berkesan adalah khutbah Jumaat. Kerana ketika solat Jumaat ini semua orang datang nak laksanakan solat walaupun dari golongan jemaah yang datang itu ada yang tak sembahyang, ada yang beli nombor ekor, ada yang sepak terajang isteri, ada yang menipu dalam berniaga, ada yang rasuah dan semua kategori datang untuk solat jumaat. Jadi platform khutbah Jumaat sangat sangat bermanfaat jika dimanfaatkan.” (Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.3.1 Mempunyai Tauliah Sebagai Kelayakan Berdakwah

Bagi pendakwah yang ingin menyampaikan dakwah didalam masjid dizaman kontemporari ini perlu mempunyai tauliah mengajar yang ditetapkan oleh jabatan agama Islam bagi setiap negeri untuk membendung penyebaran ilmu sesat dan penyalahgunaan kuasa. Namun pihak berkuasa juga perlu berhikmah didalam menguruskan tauliah ini agar tidak menyukarkan pendakwah yang berkeelayakan untuk sampaikan dakwahnya terutamanya di Malaysia. Menurut pakar dakwah didalam tembual,

“Tauliah itu merupakan satu perkara yang penting. Tetapi dari satu sudut yang lain, pihak berkuasa agama juga perlu ada kaedah-kaedah bagaimana untuk memperakui tauliah kepada seseorang itu kerana Maqasid daripada undang undang tauliah itu adalah untuk Mengekang penyebaran ajaran sesat. Jadi kalau seorang Ulama, seorang penceramah dan pendakwah itu diketahui ilmunya tidak menyebarkan ajaran sesat, Maka maqasid tauliah itu telah tercapai walaupun mereka tidak ada tauliah Kan. Jadi maknanya disitu kena ada toleransi daripada pihak berkuasa agama. Bukan semata-mata tak ada tauliah tak boleh bercakap langsung Kan? Maqasid tu perlu ada. Jadi di situ maknanya kalau dia tak ada tauliah bagi je lah tauliah kerana dia sudah layak dan permudah Kan. Jadi pendakwah juga perlu menghormati dengan memohon tauliah dan pihak berkuasa agama pun menilai dengan Adil. Dan sekiranya mereka belum memohon tauliah lagi maka pihak berkuasa permudahkan urusan permohonan itu. Dan pendakwah perlu kepada usaha untuk tunaikan maqasid yang digariskan itu dan menunaikan keperluannya. Maksudnya mana mana yang tak ada tauliah sebaiknya kena usaha jugalah untuk dapatkan Tauliah. ” (Nizam, temu bual pakar dakwah, 2024)

“Dari segi tauliah itu memang perlu. Kalau tidak, pendakwah akan bercakap ikut suka je tanpa bersumberkan Al-Quran dan Sunnah. Walaupun petah bertuturkata tapi tidak bermakna boleh bercakap ikut suka sehingga membuatkan masyarakat keliru dengan kenyataan yang dikeluarkan.” (Zawiyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

“Kalau dari segi ramai yang nak jadi Pendakwah dizaman sekarang ini bagi saya ia adalah satu perkara yang positif kerana sesiapa yang mengucapkan Lailaha illah maka ia adalah Da’i tak kiralah dia lelaki ke perempuan ke dia profesional ke tak profesional ke. Kalau pendakwah ini sangat umum. Tetapi untuk menjadi pendakwah yang Profesional, pendakwah berautoriti dan pendakwah yang diiktiraf dia perlukan tauliah dia dan sijil pengiktirafan yang berautoriti supaya lebih yakin. Dan dengan kita ambil sijil sijil tu semua pun kita terdedah dengan sumber rujukan yang lebih muktabar lah berbanding kita berdakwah secara umum ini tak tahu rujuk kitab mana mad’u tak berapa nak yakin dengan ilmu yang diberikan bahkan boleh mengelirukan masyarakat dengan ilmu yang disampaikan tanpa rujukan yang sah.” (Fatimah Syarha, temu bual pakar dakwah, 2024)

2.6.4 Dakwah Melalui Kemahiran Dalam Penyampaian Ilmu

Walaupun pendakwah mempunyai kepakaran didalam sesuatu ilmu, pendakwah perlu juga mengetahui dan memahami keadaan *mad’u* ketika ingin menyampaikan dakwah supaya apa yang disampaikan itu lebih berkesan kepada *mad’u*. Menurut Nizam:

“Jika mempunyai ilmu dan banyak maklumat yang ingin disampaikan perlulah disampaikan mengikut kadar kemampuan mad’u Sebab kadang-kadang pendakwah itu nak sampaikan banyak sangat didalam satu masa kan? Misalnya, ketika bagi kuliah maghrib akan dilajakkan sehingga isya’ kerana terlalu banyak perkara yang ingin dikongsikan. Tapi kalau pendakwah Yang berpengalaman akan tahu masyarakat dah penat, kerja siang dan sebagainya. Masyarakat nak balik rehat bersama keluarga. Pendakwah perlu bijak dan berhikmah untuk menguasai ‘uruf mad’u. ” (Nizam, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Syarifah Hayati:

“Pendakwah perlu menyampaikan dakwah kepada masyarakat awam makanya, tajuk dan isi ceramah itu perlu sesuai dengan keperluan masyarakat itu sendiri. Kalau kita nak berdakwah ini, perlu kita tengok apa aspek yang kita nak tumpukan? Perlu tahu masalah-masalah dan isu-isu yang berlaku.”(Syarifah Hayati, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.4 Dakwah melalui Kemahiran Dalam Penyampaian (*'al-Da'wah Bil Kalām*)

Pendakwah perlu mempelajari teknik dan kaedah pengucapan yang baik kerana tidak semua pendakwah walaupun mempunyai kelebihan ilmu mampu bercakap dengan baik dan secara tidak langsung ilmu itu tidak dapat disampaikan dengan baik kepada *mad'ū*. Menurut Nizam,

“Nak bercakap dan nak menyampaikan dakwah ini merupakan satu malakah iaitu satu bakat. Sebenarnya pendakwah yang ada bakat dia cepat dan mudah sampaikan dakwah. Kalau dia kurang bakat itu dia kena latih lah untuk menyampaikan dakwah. Jadi, sebab tu kalau kita tengok pendakwah yang lama yang senior yang berpengalaman tu lebih teratur percakapannya dari sudut dia nak menyampaikan sesuatu perkara dan mereka juga memilih tajuk yang sesuai. Pengalaman lah sangat penting.” (Nizam, temu bual pakar dakwah, 2024)

Menurut Huzaimah pula,

“Bila bercakap tu kena ada seni sikit. Communication skill lah kita kata Kan. Kena ada seni percakapan iaitu perlu ada skill dia tersendiri. Ada orang dia boleh bercakap cara lembut yang boleh menawan hati mad'ū dan seni itu tidak semestinya bernasyid semata-mata tetapi perlu pelbagaikan.” (Huzaimah, temu bual pakar dakwah, 2024)

Pendakwah perlu tahu sasaran *mad'ū* sebelum menyampaikan dakwah dan perlu menyampaikn dakwah itu mengikut tahap kesesuaian *mad'ū*. Menurut Fatahiyyah dan Zawiyah,

“Pendakwah perlu membuat persiapan dari segi mad'ūnya. Dia kena tahu dia nak ceramah dekat siapa? Kalau Yang datang ceramah kita itu orang-orang tua jadi cara kita nak sampaikan adalah cara orang-orang tua. Kalau mad'ū itu orang korporat-korporat, kena sampaikan dakwah itu mengikut cara orang korporat. Perlu step by step dalam penyampaian. Kalau kita nak ceramah dari segi konten, ada konten yang kita boleh sebut secara umum ada konten yang kita boleh sebut secara mendalam. Maksudnya pendakwah perlu mahir dari segi penampilan dan cara penyampaian. Kena cakna kaedah penyampaian yang kontemporari dan juga berkaitan tentang isu yang berlaku secara kontemporari” (Fatahiyyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

“Pendakwah kena tahu siapa sasaran mad'ū dan perlu juga mengetahui kaedah penyampaian yang sesuai mengikut tahap mad'ū. kemahiran dalam penyampaian itu memang sangat pentinglah.” (Zawiyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

Selain bijak menguasai ilmu teknik percakapan, pendakwah juga perlu menjaga komunikasi dengan *mad'ū* atau orang sekeliling supaya ada sifat saling menghormati antara satu sama lain serta penggunaan bahasa juga amat penting didalam penyampaian dakwah. Menurut Nur Hisyam,

“Pendakwah perlu belajar ilmu teknik percakapan dan menggunakannya mengikut kesesuaian keadaan mad'ū. Perkara ini di antara benda yang paling saya jaga dari awal dakwah saya sehingga sekarang contohnya kalau lambat dari waktu yang dijanjikan kena maklum bukan hanya berdiam diri sahaja sebagaimana kita nak orang hormat masa kita, kita lebih dahulu kena hormat masa orang, Satu lagi dalam bab teknik ini ialah bila kita lihat teknik percakapan pendakwah-pendakwah yang lain kita kena jadi diri kita dan tak ikut gaya orang lain. Antara buku yang sangat terkesan dalam hidup saya didalam bidang dakwah ini dari segi teknik percakapan ini ialah buku How to win friends and influence people. Guna juga penggunaan bahasa Inggeris mengikut kesesuaian mad'ū seperti orang bandar yang profesional.”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.5 Dakwah Melalui Penulisan (*al-Dakwah bil Qalam*)

Menurut Badruddin (2017), menulis merupakan aktiviti penting yang perlu diambil iktibar dan sejarah penulisan ini sudah pun bermula pada zaman nabi SAW dan para sahabat sehingga berterusan sehingga ke hari ini. Perkembangan penulisan merupakan penekanan diantara perkara yang menggambarkan penekanan terhadap kaedah penyampaian dakwah yang ingin disampaikan. Penulisan pada zaman Rasulullah dimulai melalui sumber perekodan mengenai wahyu Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW supaya ia terpelihara dan dapat disebarluaskan kepada seluruh umat nabi SAW. Aktiviti penulisan ini merupakan sebagai wasilah dakwah yang bermula dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan pembukuannya serta hadis-hadis nabi SAW sehingga tertubuhnya Baitul Hikmah sebagai pemberi sumbangan kepada bidang penulisan. Sumbangan penulisan ini adalah sebagai menyahut tuntutan yang dihayati dari Fiman Allah SWT:

اِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Terjemahan:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

al-Zuhaily (1998), menegaskan bahawa ayat ini merupakan wahyu pertama yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW di Gua Hira'. Arahan "*Iqra'*" menjadi tanda bermulanya tugas kenabian iaitu menyampaikan risalah, mengajar manusia, dan membimbing mereka kepada tauhid serta kebenaran. Pengkaji mendapati penulisan UAH mendapat sambutan yang menggalakkan dan dijual di kedai beliau yang bernama Galeri Ustazah Asma' Harun di senawang. Beliau juga menjual bukunya secara online dan fizikal antaranya di lokasi ceramah beliau samada dimasjid-masjid dan syarikat. Menurut UAH dalam temu bual pengkaji bersamanya. Melalui pemerhatian pengkaji, Terdapat banyak buku-buku yang dikarang oleh Ustazah Asma' Harun. Diantara senarai buku yang dikarang oleh beliau ialah Sahabat Dunia Akhirat, 2020 dan 111 *Fiqh* Soal Jawab Ramadan, 2021. Beliau bukan sahaja menulis didalam buku semata-mata bahkan beliau juga aktif menulis tentang keperluan ilmu yang semasa di media sosial seperti *Facebook* yang menjadi rujukan *Follower* beliau dimasa kini:

"Kalau kita Lihat semasa Pesta Buku Kuala Lumpur (PBKL) baru-baru ini, memberi kejutan bahawa follower ustazah adalah dari kalangan anak-anak muda, saya rasa walaupun anak-anak muda ada gadget, tetapi masih ada wujud anak-anak muda yang suka membaca buku, novel..jadi saya rasa buku-buku penulisan ustazah ini menarik minat anak-anak muda ini." (Responden 01)

"Ustazah mula dikenali dari penulisan yang ilmiah yang boleh diterima waktu sekarang dan dikenali juga dari media sosial." (Responden 06)

4.4.6 Dakwah melalui Kerjasama Berkumpulan

Seorang pendakwah tidak akan mampu melakukan semua perkara dan ia memerlukan kepada bantuan orang sekeliling atau *team* bagi melancarkan gerak kerja dakwah. Menurut Zawiyah dan Nur Hisyam,

"Ada pembantu atau kumpulan yang membantu pendakwah juga antara strategi walaupun sekecil pertolongan seperti bantu bawa kereta sahaja kerana pendakwah tidak mampu melakukan semua perkara didalam satu perkara." (Zawiyah, temu bual pakar dakwah 2024)

“Team merupakan antara strategi yang kuat bagi seorang pendakwah bagi melancarkan banyak perkara didalam urusan dakwah.”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.7 Dakwah Melalui Perilaku Yang Baik (*Bil Hāl*)

Dakwah melalui perilaku merupakan antara strategi yang amat penting kerana *mad'ū* lebih terkesan dengan dakwah melalui perilaku dan muamalah yang baik. Dakwah bukan hanya sekadar ceramah, retorika dan pidato semata-mata namun ia juga merupakan teladan melalui tindakan (dakwah *bil-hāl*) yang sangat erat dengan kehidupan umat kini. Dakwah boleh juga menjadi “komunikasi non-verbal” iaitu bukan semata-mat berpusat diforum diskusi, masjid tetapi ia turut berpusat di gelanggang sukan, di hospital, pusat beli belah, didalam pesawat, bank dan yang seumpamanya (Alauddin, 2016). Menurut Nizam dan Huzaimah,

“Persediaan dari sudut bila kita nak berdakwah ni kita nak mengajak manusia melakukan kebaikan. Jadi dakwah bil hal ini satu perkara yang penting lah.”(Nizam, Temu bual pakar dakwah 2024)

“Seorang pendakwah kena pandai melihat mad'ū. Contohnya kalau pergi berjumpa masyarakat Orang Asli macam mana nak berdakwah, di sekolah menengah macam mana, budak universiti pula macam mana nak tarik dia tu supaya cintakan Islam. jadi Seorang pendakwah itu perlu pandai melihat kepada keperluan keadaan mad'ū.”(Huzaimah Temu bual pakar dakwah 2024)

Pendakwah juga perlu memahami dan menghormati keadaan *wāqi'iyyah* dizaman sekarang yang menjadi minat *mad'ū* secara tidak langsung emngikatkan pertalian hubungan yang baik antara pendakwah dan *mad'ū*. Menurut Nur Hisyam:

“Berkait dengan personaliti ni ialah kita kena hormat orang. menjadi cabaran yang hebat juga kepada pendakwah sebab zaman kita sekarang ini antara benda penting adalah bergambar. Seorang pendakwah yang hebat dan kuat dia mampu layan semua orang. Ada pendakwah tak larat nak layan semua peminat-peminat nak bergambar kerana dah ada pendakwah yang sudah trauma selepas ceramah. Apa yang saya belajar daripada ustaz Azhar Idrus ialah kita layan masyarakat bergambar ini satu benda yang sangat bernilai bagi mereka sebab boleh simpan dengan gambar itu menjdi kenangan dan penghargaan. Dan inilah prinsip ustaz Azhar. Dia layan orang yang nak bergambar. Jadi antara skill dengan masyarakat zaman sekarang ni ialah layan orang bergambar sebab sekarang ni orang suka bergambar. ”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.7.1 Dakwah Melalui Kebajikan

Berdakwah melalui kebajikan iaitu dengan memberi pertolongan kepada *mad'ū* dan meringankan bebanan *mad'ū* juga antara strategi yang berkesan di dalam dakwah. Menurut Zawiyah:

“Pendakwah perlu berdakwah melalui kebajikan. antaranya bantu rang-orang susah kerana antara cabaran kepada mereka ini ialah kekangan masa untuk hadir mendengar ceramah. Jika tidak mampu beri banyak boleh bantu dengan sedikit untuk mengikat mereka suka dengan ilmu islam. Dan kalau kita lihat ramai mad'ū tertarik dengan kebajikan dan dakwah bil hal. Pendakwah itu sendiri pun dia kena ada sifat kasih sayang, peramah, pandai bersosial dan pandai bermesra dengan masyarakat. Barulah masyarakat senang nak berkongsi masalah. Dakwah bil hal yang ada pada rasulullah itu menjadi qudwah hasanah menjadikan orang tertarik kepada dakwah baginda melalui akhlak, penampilan diri sendiri.”(Zawiyah, temu bual pakar dakwah 2024)

Menurut Nur Hisyam pula:

“Pendakwah yang ada NGO tu adalah satu peluang untuk membantu dalam dakwah. Melalui NGO kita kutip derma lepas tu kita turun padang jumpa dengan masyarakat kita bagi bantuan. NGO sejak 10 tahun kebelakangan ini merupakan satu platform untuk memudahkan. Sebab bila NGO sendiri senang nak urus duit tetapi perlu diuruskan dengan telus dan jujur. Dan pendakwah boleh menjadikan saluran NGO sebagai kebajikan bersama masyarakat dengan membantu memberi barang keperluan dan wang belanja secara tidak langsung mengambil peluang untuk berdakwah kepada mereka. ”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.8 Dakwah Melalui Media Sosial

Media sosial antara saluran yang penting dizaman ini. Pendakwah perlu mengambil peluang dan menggunakannya dengan berhikmah bagi menyampaikan dakwah kepada *mad'ū* yang kebanyakannya hampir keseluruhan lebih mendekati dan menggunakan media sosial ini. Apabila berlaku sesuatu kontroversi terhadap UAH, beliau akan menggunakan media ini untuk memberi keterangan yang jelas berkaitan kontroversi tersebut dan mengelakkan membaca komentar yang negatif dari netizen untuk mengelakkan berlaku perkara yang negatif di dalam dakwah beliau.

“Suami Saya cuba elakkan saya membaca komen negatif dari netizen supaya tidak terlalu kecewa dan saya akan gunakan media untuk menangani isu kontroversi yang berlaku dan saya perlu kuat”

(Temu bual bersama Ustazah Asma' Harun 15hb 6 2022)

Menurut pakar dakwah didalam temu bual,

“Kalau kita tengok content Yang kita hasilkan itu, adakah boleh sampai kepada masyarakat? Ataupun sasaran mad'ū kita. Maknanya sekarang ni kalau kita kata yang muda mungkin tidak ada di Masjid dan surau jadi mereka berada di Instagram, Tiktok, Twitter dan sebagainya. Jadi kalau kita boleh simplify Kan ringkaskan bahan dakwah dan masukkan ke dalam media sosial biasanya lebih sampai. Maksudnya media sosial ini merupakan keperluan yang sesuai dengan zaman sekarang. Jadi kita kena kuasai media sosial ini sama ada dengan lisan, penulisan dan pelbagai sudut lah tetapi perlu kepada disiplin. Maksudnya jaga adab kita semasa bercakap dan semasa Live”(Nizam, Temu bual pakar dakwah 2024)

“Media sosial sesuai dengan zaman kontemporari sebab masyarakat majoriti menggunakan guna media ini tetapi bukanlah nak menafikan tentang pengajian kitab dan sebagainya Kan? Maksudnya kalau kita nak mengajar kitab pun boleh mengajar melalui online. Maknanya selain daripada bersemuka keperluan keperlauan berdakwah melalui sistem yang ada pada media sosial pada hari ini, lebih lebih lagilah kalau ada tiktok, Instagram telegram dan facebook sebab kita memerlukan kepada kemahiran itu sekarang ini kerana kita menghadapi cabaran besarnya ialah tiktok yang tidak ada unsur-unsur yang menambahbaikkan kepada masyarakat. Jadi pendakwah perlu memanfaatkan kelebihan ini untuk beri maklumat tentang kebenaran Islam. Media sosial ini bukan hanya dilihat oleh orang Islam sahaja bahkan termasuklah masyarakat non Muslim.”(Huzaimah, Temu bual pakar dakwah 2024)

“Penggunaan media sosial dizaman sekarang yang moden ini penting juga ye kerana dakwah dakwah melalui mendengar dan melihat itu lebih berkesan. Tetapi perlu kepada disiplin yang baik didalam menggunakannya dan perlu kreatif. Kerana terdapat juga persaingan dikalangan pendakwah-pendakwah dizaman sekarang, kita buatlah mana yang kita mampu tak perlu kejar view.” (Zawiyah, temu bual pakar dakwah, 2024)

“Pendakwah perlu ambil tahu medium apa yang hendak digunakan dan penyampaian yang bagaimana yang hendak disampaikan. Jadi sekarang ini media sosial antara keperluan dalam dakwah. Kajian menunjukkan mad’ū lebih suka dan selesa mendapat sesuatu maklumat atau dakwah melalui infografik atau melalui data-data. Apa sahaja yang disampaikan secara infografik ini lebih menarik, lebih diinginkan dan lebih diperlukan ya. Begitu juga penceramah ketika didalam penyampaian yang disertakan dengan infografik itu lebih diminati oleh mad’ū. Kerana melalui infografik itu merangkumi pendengaran dan melihat. Bila kedua-dua perkara ini disekalikan ia lebih menarik.”(Syarifah Hayati, temubua pakar dakwah, 2024)

“Saya setuju bahawa pendakwah perlu menggunakan elemen-elemen yang terkini sebab setiap mad’ū ni ada pintu masuk yang berbeza untuk kita masukkan elemen dakwah itu. Jadi sebagai strategi kena seluas mungkin kita gunakan apa sahaja perkembangan terkini yang ada. Antara strategi dizaman kini ialah menggunakan media sosial. Bagi saya kalau saya sendiri saya memang suka Instagram. Tapi dari segi sambutan orang ramai sekarang saya melihat ramai orang suka tiktok sebab dia sentiasa berkembang, dulu Kan Facebook berkembang kemudian Instagram kemudian trend tu pergi kepada tiktok dan akan datang tak tahu apa lagi Kan? Sebab mereka pun sentiasa berevolusi untuk bersaing satu sama lain mewujudkan benda-benda terkini untuk sentiasa kekal relevan. Jadi pendakwah pun boleh contohi lah elemen seperti itu.” (Fatimah Syarha, temu bual pakar dakwah, 2024)

4.4.9 Dakwah di Institusi Pengajian

Institusi pengajian merupakan tempat berkumpulnya pelajar-pelajar yang ingin belajar dan perlu kepada bimbingan secara tidak langsung merupakan tempat penyebaran dakwah. Pendakwah harus mengambil peluang berdakwah di institusi ini untuk menyampaikan dakwah dan perlu bijak mengatur strategi. Menurut Nizam dan Nur Hisyam:

“Pendakwah boleh masuk ke institusi untuk berdakwah juga lah melalui jabatan-jabatan, persatuan-persatuan, kelab-kelab di institusi pengajian kerana disitu ada crowd dia dan perlu kuasai disitu juga. ”(Nizam, Temu bual pakar dakwah 2024)

“Berdakwah di institusi seperti universiti merupakan strategi yang special kerana ada golongan yang dah terpilih dan tersusun khususnya kepada golongan anak muda dan para pensyarah disitu sepatutnya ambil peluanglah untuk berdakwah.. Kalau pendakwah pula ia menjadi satu peluang yang baik lah untuk berjumpa dengan anak muda sebab dia lebih spesifik, lebih khusus dan orang yang datang di institusi itu ada peraturan dan peperiksaan.”(Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

4.4.10 Dakwah Melalui Kesenian


Kesenian merupakan satu keperluan bagi setiap golongan kerana manusia secara fitrahnya suka kepada kesenian dan hiburan. Kesenian didalam berdakwah juga merupakan antara salah satu strategi bagi memberi ruang kepada *mad'ū* untuk mendekati dakwah yang disampaikan tetapi pendakwah itu perlulah berhikmah dan bijak menggunakannya agar tidak lari dari landasan yang sebenarnya (Hatima et al., 2020). Menurut Nizam:

“Kalau kita tengok Wali songo memang dakwahnya menggunakan seni kerana ia merupakan strategi juga dalam berdakwah. Cuma kita perlu kepada disiplin supaya ia tidak lagha dan tak boleh ajak mad'ū kepada kemungkaran. Tapi seni tu salah satu cabang lah sebab manusia ni kita tak boleh nak jumudkan sangat dengan sesuatu perkara seperti nak baca al-quran je 24jam sahaja. jadi kena pelbagaikan dakwah ini dan perlu lihat kesesuaian waqi'iyah dakwah itu juga.” (Nizam, temu bual pakar dakwah 2024)

Menurut Syed Nur Hisyam pula:

“Saya menerima kesenian itu sebagai satu strategi dalam dakwah. Saya tengok ketika saya forum dengan ustaz haslin orang suka cara dia. Dia bukan nyanyi lagu Bollywood. Tetapi kata kata yang ingin disampaikan itu di iramakan tetapi ada juga yang melampau seperti berlebihan dalam nyanyian sepatutnya masa manfaat didalam ceramah itu perlu diisi dengan isi yang bermanfaat bukan sepenuhnya menyanyi dan syarah seni kata lagu itu sahaja. Kadang kadang saya rasa jangan berlebihan. Patutnya masa yang berkualiti itu diterangkan dengan hadis dan ayat-ayat al-Quran. Kesenian itu hanya selitan sahaja begitu juga dengan lawak ia tak boleh berlebihan. Ia umpama garam dalam masakan kena ada juga tetapi tidak berlebihan.” (Nur Hisyam, temu bual pakar dakwah 2024)

Analisis tematik kerangka strategi dakwah kontemporari di Malaysia adalah berdasarkan rajah di bawah(Rajah 4.2):




Rajah 4.2 Analisis Tematik Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari di Malaysia

Berdasarkan rajah diatas (Rajah 4.2), strategi dakwah kontemporari di Malaysia menekankan sepuluh tema utama yang saling melengkapi dalam memperkuat keberkesanan dakwah semasa. Tema personaliti yang baik menonjolkan keperluan pendakwah memiliki sifat amanah, ikhlas, berakhlak mulia dan positif sebagai asas keteladanan. Seterusnya, dakwah melalui ilmu yang bermanfaat menekankan kepentingan penguasaan ilmu agama, kefahaman isu semasa serta persiapan mental, fizikal dan tarbiah. Dakwah di institusi masjid pula menekankan pelibatan aktif pendakwah melalui ceramah, kuliah, serta aktiviti kemasyarakatan, manakala kemahiran penyampaian menuntut kecekapan komunikasi, kebijaksanaan berhikmah, dan kejelasan sasaran *mad'ū*. Dalam konteks dakwah melalui penulisan, medium seperti buku, artikel, media sosial dan penulisan ilmiah dijadikan wadah penyebaran mesej Islam. Selain itu, kerjasama kumpulan ditekankan melalui amalan *teamwork*, kolaborasi dan penambahbaikan berterusan, sementara perilaku yang baik mencerminkan dakwah melalui akhlak, kerja kebajikan serta hubungan mesra dengan masyarakat. Dalam era digital, dakwah melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, *TikTok* dan *YouTube* menjadi platform utama penyampaian mesej Islam secara kreatif. Seterusnya, dakwah di institusi pengajian menumpukan kepada ceramah, kelab dan bimbingan pelajar, manakala dakwah melalui kesenian mengintegrasikan elemen seni dakwah, nasyid, hiburan dan kreativiti bagi menarik minat khalayak pelbagai. Keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa pendekatan dakwah kontemporari di Malaysia bersifat holistik, menggabungkan elemen spiritual, intelektual dan teknologi bagi menjamin keberkesanan penyampaian mesej Islam dalam konteks masyarakat moden.

4.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai ketiga-tiga objektif utama yang ditetapkan, dimulakan dengan mengkaji dan mendefinisikan kerangka konsep strategi dakwah kontemporari yang menekankan integrasi antara usul dakwah (prinsip-prinsip syarak) dengan pemanfaatan media baharu dan platform digital secara berkesan. Berdasarkan kerangka tersebut, kajian kemudiannya menganalisis strategi dakwah UAH dan mendapati beliau menggunakan pendekatan holistik dan multi-platform yang komprehensif, menggabungkan penyampaian ilmu agama secara langsung melalui siaran digital dengan aktiviti dakwah *bil hāl* (melalui perbuatan) yang berimpak sosial tinggi, khususnya dalam isu kemanusiaan dan kebajikan. Sehubungan dengan dapatan empirikal dan sokongan literatur ini, kajian ini telah berhasil mencadangkan satu kerangka strategi dakwah kontemporari yang praktikal dan relevan, yang menjadi panduan penting bagi pendakwah dan institusi dakwah di Malaysia untuk mengoptimumkan penggunaan strategi dakwah ini agar mesej Islam dapat disampaikan secara berkesan dan meluas dalam cabaran era globalisasi. Kerangka strategi dakwah kontemporari adalah berdasarkan rajah (Rajah 4.3) di bawah:



Rajah 4.3 Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari di Malaysia

BAB 5

RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap strategi dakwah kontemporari dan menganalisis dakwah Ustazah Asma' Harun di Malaysia, Pengkaji dapat mengenal pasti dan memahami strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan oleh pendakwah-pendakwah serta badan-badan dakwah di Malaysia. Hal ini kerana perbezaan strategi yang digunakan oleh para pendakwah sedikit sebanyak telah membawa perbezaan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap sesuatu pembelajaran atau tentang agama Islam itu sendiri. Objektif utama dalam kajian ini adalah fokus kepada strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan masa kini. Selain itu, dalam objektif kedua memberi fokus kepada menganalisis dakwah Ustazah Asma' Harun yang digunakannya di Malaysia. Tumpuan kajian diberikan terhadap pendidikan, latar belakang, dan strategi-strategi yang digunakan oleh beliau didalam dakwah beliau berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi melalui kajian yang dijalankan. Seterusnya untuk objektif ketiga, pengkaji mencadangkan kerangka strategi dakwah kontemporari kepada pendakwah-pendakwah di Malaysia. Kesemua objektif kajian ini telah dianalisis dan telah dihuraikan dalam bab sebelum ini. Manakala dalam bab yang terakhir ini pengkaji akan membincangkan rumusan dapatan kajian dan implikasi daripada kajian yang dijalankan. Bab ini juga akan memberi beberapa cadangan yang mungkin boleh dipertimbangkan untuk penambahbaikan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kajian.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Hasil daripada bab pertama, bab kedua dan bab ketiga, dapat disimpulkan oleh pengkaji sebagai penemuan hasil kajian terhadap strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan oleh pendakwah, masyarakat dan badan-badan dakwah. Antara kesimpulan tersebut ialah:

5.2.1 Objektif Pertama: Strategi Dakwah Kontemporari

Berdasarkan kepada beberapa pemerhatian dan pengamatan dari sorotan literatur, terdapat beberapa strategi yang berkesan yang sesuai digunakan oleh pendakwah dan badan-badan dakwah atau masyarakat didalam menggunakannya didalam dakwah agar dakwah menjadi lebih berkesan dan kekal relevan kepada *mad'ū*. Pendakwah perlu berusaha pertingkatkan keupayaan, usaha dan strategi bagi menawan jiwa *mad'ū* dan mestilah strategi itu mengikut saranan didalam al-Quran dan Hadis nabi SAW. Selain pendakwah berdakwah kepada *mad'ū* seharusnya pendakwah juga perlu mempunyai benteng dan persiapan yang kuat samaada dari sudut dalaman dan luaran untuk berdakwah kepada diri, keluarga dan kaum kerabat. Ia memerlukan kepada persiapan diri yang merupakan antara salah satu daripada strategi-strategi dakwah kontemporari bagi mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan didalam dakwah masa kini.

5.2.2 Objektif Kedua: Strategi Yang Digunakan Oleh Ustazah Asma' Harun Didalam Dakwah Kontemporari

Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji dapat membuktikan bahawa dakwah yang digunakan oleh Ustazah Asma' Harun selari dengan apa yang dikaji oleh pengkaji didalam menyusun strategi-strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan masa kini. Selain daripada mengkaji strategi dakwah kontemporari, pengkaji juga dapat membuktikan bahawa Ustazah Asma' Harun mempunyai latar belakang, pendidikan dan personaliti yang baik dan merupakan antara tunggak utama yang akan mempengaruhi seseorang pendakwah didalam menyampaikan dakwah kepada *mad'ū*. Beliau berusaha dengan sedaya upaya bersama sokongan yang kuat dari suami yang dikasihi, keluarga dan pasukan kumpulan dengan pelbagai strategi yang disusun oleh mereka sehingga menampakkan beliau ini dikenali ramai, makin aktif berdakwah bahkan mempunyai pengikut yang ramai yang mengikuti dakwahnya. Ini jelas menunjukkan dakwah beliau disenangi oleh masyarakat di Malaysia. Dan diantara strategi yang memberi kesan didalam dakwah beliau ialah beliau bukan sahaja seorang pendakwah yang hanya bercakap, berceramah dan berforum semata-mata tetapi beliau menggunakan pendekatan dakwah bilhal, dakwah bil kitabah dan sebagainya. Dan

perkara ini harus dicontohi oleh pendakwah yang lain selagi ia tidak bercanggah dengan syariat Allah SWT.

5.2.3 Objektif Ketiga: Cadangan Kerangka Strategi Dakwah Kontemporari Oleh Pakar Dakwah Kepada Pendakwah dan Badan-Badan Dakwah

Berdasarkan kepada pemerhatian dan pengalaman pengkaji, Hari ini Malaysia dibanjiri dengan ramai pendakwah-pendakwah yang mempunyai pelbagai latar belakang dan isu-isu sensitif khususnya pendakwah selebriti. makin hari makin banyak dibicarakan dimedia sosial ataupun dimulut-mulut masyarakat disebabkan kerana apa yang mereka lihat dan dengar tidak seiring dengan jatidiri yang bergelar sebagai seorang pendakwah. Ini boleh dilihat sebagai faktor utama yang kritikal kerana pendakwah-pendakwah selebriti itu muncul dari pelbagai jenis acuan, latar belakang, jenis dan tahap pendidikan. Pengaruh besar dapat dilihat melalui apa yang dibawa oleh mereka serta kesannya kepada masyarakat terutamanya generasi yang pro media sosial dan ia merupakan perkara yang amat penting kepada usaha pemerkasaan kualiti para pendakwah ini dan perlu diambil serius bukan sahaja pendakwah itu sendiri bahkan semua pihak yang terlibat dan berkait samaada secara langsung atau tidak langsung termasuklah *mad'ū* dikalangan masyarakat itu sendiri yang merupakan sasaran dakwah. Melihat juga kepada masalah dikalangan ummah yang semakin hari semakin teruk sama ada dari sudut akhlak, perilaku dan jauh tersasar dari landasan Islam serta masalah dikalangan pendakwah yang berlaku dizaman ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa perlunya pendakwah-pendakwah menggunakan strategi-strategi yang disusun dan yang dirangka oleh pakar-pakar dakwah dalam kajian ini bagi membantu pendakwah membuat strategi, persiapan diri, mental dan fizikal agar dakwah dapat disampaikan kepada *mad'ū* berdasarkan apa yang digariskan didalam al-Quran dan al-sunnah nabi SAW serta *Qudwah* yang baik dari tokoh-tokoh agamawan yang boleh dijadikan ikutan kepada pendakwah didalam menampilkan kualiti jatidiri yang baik.

5.3 Implikasi Daripada Penemuan

5.3.1 Saranan Kepada Pendakwah

Pendakwah merupakan golongan yang paling mempengaruhi masyarakat sebagai sasaran dakwah bagi meneruskan urusan dakwah para nabi dan Rasul dalam menyampaikan syariat Allah SWT. Tanggungjawab pendakwah ini terlalu berat yang memerlukan kepada persiapan-persiapan yang rapi dari segi fizikal, mental dan rohani. Selain daripada itu, melihat kepada masalah dan kerosakan akhlak didalam masyarakat yang makin berleluasa dizaman ini perlu kepada pendakwah menyiapkan dakwahnya dengan pelbagai strategi yang kontemporari sesuai dimasa kini untuk berdepan dengan pelbagai cabaran dan mehnah. Pendakwah disarankan menyiapkan diri dengan persiapan jati diri dan akhlak yang baik, berusaha menjauhkan diri dari fitnah dan kontroversi serta perlu kepada persiapan ilmu yang baik disamping amanah didalam menyampaikannya kepada masyarakat. Pendakwah perlu menyiapkan diri dengan strategi yang baik dan mempelbagaikan kaedah dakwah yang sesuai dimasa kini seperti menggunakan pendekatan dakwah melalui media sosial, dakwah melalui kesenian, dakwah melalui penulisan, dakwah melalui perilaku yang baik, dakwah melalui kebajikan dan dakwah secara berkumpulan. Ini merupakan antara strategi yang dapat disimpulkan oleh pengkaji melalui kajian yang dijalankan (Hatima et al., 2020).

5.3.2 Saranan Kepada Jabatan-Jabatan Dakwah

Didalam mendepani pelbagai cabaran semasa yang semakin mencabar, Peranan Jabatan-Jabatan Dakwah dakwah dalam negara ini amat penting bagi memberi kefahaman dan menyelesaikan salah faham dalam urusan bab agama seterusnya menjadi guru bicara umat, membimbing dan membangunkan roh serta jiwa orang Islam yang berkualiti, berakhlak baik, membentuk diri insan yang proaktif, merangka strategi, metode dan konsep pelaksanaan dakwah yang berkesan serta membentuk umat islam yang saling menghormati antara satu sama lain. Selain itu ia berperanan untuk memakmurkan bumi Allah ini dengan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT serta melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah kepada semua peringkat masyarakat samaada non muslim atau muslim dari pelbagai bangsa dan negara. Melalui kelebihan yang disediakan di Jabatan-Jabatan Dakwah ini, perlu diambil kira beberapa pendekatan dan

strategi-strategi yang sesuai dijadikan sebagai kerangka dari pihak ini untuk diberikan dan disarankan kepada pendakwah-pendakwah di Malaysia agar digunakan sepanjang menyampaikan dakwah agar ia selari sebagaimana yang digariskan yang tidak bertentang dengan al-Quran dan as-Sunnah nabi SAW.

5.3.3 Saranan Kepada Institusi-Institusi Pengajian

Institusi-Institusi pengajian merupakan tempat anak-anak muda menerima ilmu dan tempat pembentukan jatidiri, pemikiran dan akidah. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada institusi pendidikan yang menawarkan pengajian-pengajian Dakwah Islamiah seperti UiTM, KUIS dan lain-lain lagi untuk menjadikannya sebagai kerangka dan saranan didalam meyerapkan ilmu-ilmu dakwah serta strategi-strategi dakwah kontemporari kedalam diri penuntut ilmu kerana penuntut-penuntut ilmu ini merupakan antara orang yang mewarisi ilmu dari guru mereka dan yang akan bertemu ummah dilapangan. Tambahan pula, ramai anak-anak muda yang sedang menuntut di Institusi- institusi ini bebas berdakwah di media sosial yang boleh mengelirukan banyak perkara khususnya didalam dakwah yang perlu kepada bimbingan ilmu metode dan strategi dakwah ini dan secara tidak langsung mendidik mereka agar memahami tanggungjawab sebenar diri sebagai pendakwah serta melahirkan jatidiri yang mempunyai pelbagai ilmu kemahiran dan strategi dalam dakwah agar dapat memperaktikkannya dikalangan masyarakat seterusnya mendapat sambutan yang baik dan menjadi idola serta pelapis kepada pendakwah yang sedia ada. Perlu dimanfaatkan anak muda yang sedang menuntut di Institusi ini dengan menyediakan rangka strategi dakwah kontemporari sebagaimana pengkaji sediakan ini.

5.3.4 Saranan Kepada Masyarakat

Dalam konteks kajian ini, Masyarakat juga turut memainkan peranan yang penting kerana mereka merupakan pengguna yang terakhir dan merupakan subjek utama sasaran dakwah. Setiap individu dikalangan masyarakat adalah menjadi tanggungjawab untuk mengenalpasti kualiti ilmu dan sumber yang diperolehi terjaga sepertimana analogi sebelum makan sesuatu makanan kita akan memastikan kualiti, kebersihan, halal, haram dan sumbernya daripada mana kerana akhirnya ia menjadi sebahagian dari darah daging kita. Begitu juga masyarakat mestilah memastikan kualiti

ilmu dan info yang diperolehi dari pendakwah. Masyarakat juga perlu berhati-hati didalam menyebarkan sesuatu berita atau ilmu yang belum diyakini kesahihannya sama ada dimedia sosial, secara bersemuka dan sebagainya agar dapat menjauhkan dari kekeliruan didalam masyarakat melalui sesuatu ilmu atau maklumat yang disampaikan dan sentiasa perlu beringat pada diri sendiri bahkan memperingati juga antara satu sama lain akan hal ini kerana ia memberikan impak yang besar di dalam dakwah. Kejujuran dan amanah bukan sahaja perlu diberi perhatian kepada diri seorang pendakwah bahkan sifat ini juga perlu diperhalusi dan dipraktikkan didalam diri masyarakat agar dapat mengelakkan banyaknya berlaku kerosakan, kekeliruan, finah, menyebarkan aib dan memecah belahkan diantara satu sama lain.

5.4 Cadangan Kajian Lanjut

Berdasarkan kepada hasil yang dirumuskan dari kajian ini dan bagi meningkatkan mutu serta kesan didalam dakwah kontemporari yang saban hari dipenuhi dengan pelbagai ragam masyarakat dan masalah yang memecahbelahkan umat dan kerosakan akhlak yang berleluasa, berikut dikemukakan beberapa cadangan bagi kajian yang akan datang. Kajian ini berfokus kepada strategi dakwah kontemporari yang sesuai digunakan didalam dakwah oleh pendakwah-pendakwah di Malaysia. Namun, satu kajian yang perlu dikaji oleh pengkaji lain untuk mengetahui keberhasilan kajian ini melalui badan-badan dakwah yang dipraktikkan kepada pendakwah-pendakwah yang bertauliyah khususnya bagi mengetahui keberkesanannya dan mengembangkan lagi kajian berkaitan strategi dakwah kontemporari yang lain yang lebih berkesan selain daripada kajian yang dikaji oleh pengkaji ini.

Kajian ini memfokuskan kepada dakwah Ustazah Asma' Harun yang digunakan sepanjang dakwah dijalankan. Melalui kajian ini pengkaji melihat bahawa strategi yang digunakan didalam dakwahnya selari dengan apa yang dikaji didalam kajian ini. Pendakwah boleh mengambil strategi yang digunakan oleh beliau ini sebagai garis panduan dan ikutan didalam menyampaikan dakwah. Namun, untuk cadangan kajian lanjutan, pengkaji boleh mengkaji dakwah tokoh yang lain bagi mengetahui keberkesanan dakwah dan membuat perbandingan diantara dakwah tokoh-tokoh di Malaysia. Kajian lanjutan boleh juga dikaji dengan lebih mendalam dan teliti mengenai hasil penerimaan masyarakat atau sasaran dakwah terhadap dakwah yang disampaikan melalui strategi-strategi yang disarankan oleh pengkaji ini secara keseluruhan. Kajian

ini berbentuk kualitatif. Namun, untuk kajian lanjutan pengkaji seterusnya dicadangkan untuk membuat kajian berbentuk kuantitatif terhadap sejauh mana keupayaan pendakwah mampu menjadi role model yang terbaik didalam pandangan masyarakat yang mampu menerima dakwahnya dan membuat kajian terhadap strategi dakwah kontemporari yang paling diterima oleh sasaran dakwah.

5.5 Penutup

Hasil melalui kajian ini, didapati beberapa cadangan yang dikemukakan mungkin akan mengambil jangka masa yang pendek atau panjang boleh dilaksanakan oleh pendakwah-pendakwah, jabatan-jabatan dakwah dan Institusi pengajian. Golongan ini amat berperanan didalam menggunakan strategi-strategi yang yang disusun rapi dalam kajian ini bagi mencapai matlamat utama menyambung risalah Rasulullah SAW yang melalui pelbagai mehnah, kesusahan, kesakitan dan kesedihan sepanjang menyampaikan dakwah. Di zaman ini juga pendakwah bukan sahaja diuji dengan pelbagai masalah dari kalangan masyarakat yang merupakan sasaran dakwah, malahan diuji juga pada diri seorang pendakwah melalui keikhlasan didalam menyampaikan dakwah. Tidak semua pendakwah cekal, kuat fizikal, mental dan rohani dan mempunyai persiapan diri yang baik sehingga ada yang merosakkan nama baik seorang pendakwah ibarat seperti nila setitik habis rosak susu sebelanga.

Pendakwah harus meletakkan tanggungjawab menyampaikan dakwah ini merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang besar dari Allah SWT bukan hanya untuk berseronok dengan kelebihan yang diberikan pada diri individu bahkan pendakwah perlu diingat bahawa segala amanah ini akan disoal dan dihitung oleh Allah SWT. Disamping perlu membuat persiapan yang rapi, pendakwah perlu juga berusaha dengan sebaik mungkin menggunakan pelbagai strategi-strategi dakwah kontemporari sebagai penguat bagi membuahkan kesan yang baik di dalam dakwah dan seterusnya bertawakkal kepada Allah SWT. Pendakwah tidak semata-mata hanya bertawakkal hanya menunggu pahala ihsan dari Allah tanpa berbuat apa-apa usaha sedangkan Rasulullah SAW tetap melakukan pelbagai usaha didalam dakwahnya walaupun nyawa diancam oleh kaum kuffār dan bertaqwalah kepada Allah SWT dalam menjalankan amanah yang berat ini.

RUJUKAN

- Ab Rahim, A., Osman, A. S., & Basri, F. (2023). Comparison of educational background, personality and preaching approach between traditional Islamic preachers and celebrity preachers: Perbandingan latar belakang pendidikan, keperibadian dan pendekatan dakwah antara pendakwah tradisional dengan pendakwah selebriti. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 31(1), 1–14. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/548>
- Ab Rahman, A. H., Ahmad, W. I. W., & Ali, N. (2011). Fi Zilal Al-Qur'an: Sayyid Qutb's Contemporary Commentary On The Qur'an. *International Journal of Business and Social Science*, 2(12).
